



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M 18(1):**

• **Penubuhan Jabatan Parlimen**

- *Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)*

(Halaman 15)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 16)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS

58. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

96. Yang Berhormat Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 11 Oktober 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan perkhidmatan wakil pos di kawasan luar bandar dan adakah kerajaan akan menambah faedah untuk wakil pos demi menjaga kebajikan mereka.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan pos di luar bandar dengan melantik wakil-wakil pos serta menambah faedah yang dinikmati oleh mereka dari masa ke semasa.

Sehingga bulan Ogos 2005, pos Malaysia telah melantik 316 wakil pos di seluruh Malaysia termasuk di kawasan luar bandar. Wakil-wakil pos diberi elaun tetap bulanan untuk menyediakan perkhidmatan asas pos kepada pelanggan seperti jualan setem, menerima surat berdaftar serta bungkusan. Wakil-wakil pos akan dinaikkan taraf kepada pejabat pos mini berkomputer sekiranya perkhidmatan bayaran utiliti bil telefon, bil tafsiran majlis perbandaran dan daerah diperlukan di sesuatu kawasan.

Dalam hubungan ini, elaun tetap dan elaun berubah iaitu elaun yang dibayar mengikut jumlah transaksi akan dibayar kepada pengusaha pejabat pos mini berkomputer. Untuk tujuan itu, Pos Malaysia sentiasa menilai dan mengambil kira peningkatan transaksi setiap pengusaha wakil pos pada setiap bulan. Sehingga kini Pos Malaysia telah melantik sebanyak 108 pengusaha pejabat pos mini berkomputer yang baru. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak rayuan telah kita sampaikan kepada pejabat pos, jabatan, kementerian. Kita berharap bahawa kebajikan wakil pos ini dapat dijaga, kerana kalau kita tidak meningkatkan elaun ataupun memberikan kelengkapan yang lebih canggih kepada wakil pos maka tidak ramai ataupun tidak ada orang yang hendak menjadi wakil pos lagi di kawasan pedalaman, di kawasan kampung.

Ini kerana, pada hari ini elaun yang dapat daripada hasil menjadi wakil pos ini lebih kurang RM300.00 dan itu pun wakil pos tersebut kena beli komputer sendiri, kena beli *software* dan semua untuk lebih kurang enam, tujuh ribu ringgit. Tiap-tiap bulan dapat RM300. Oleh itu tidak ada orang hendak jadi wakil pos, maka perkhidmatan pos di kawasan kampung menjadi masalah besar kepada kita.

Sebagai wakil rakyat, banyak aduan telah sampai kepada kita. Kita merayulah dan berharap kementerian dapat mengambil berat memastikan bahawa pejabat pos boleh sediakan komputer kepada wakil-wakil pos. Tidak bolehlah, kita arahkan mereka membeli komputer itu kerana komputer itu adalah sebagai satu alat untuk mempercepatkan perkhidmatan pos dalam negara kita. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bentong. Sebagaimana yang saya katakan tadi, sebenarnya wakil-wakil pos ini dilantik oleh Pos Malaysia dan di samping mereka mendapat bayaran yang tetap, elaun tetap, mereka juga mendapat komisen daripada jumlah kutipan yang mereka lakukan daripada bil-bil utiliti seperti bil telefon, bil taksiran dan juga bil tenaga ataupun majlis perbandaran. Tetapi kadang-kadang kutipan ini tidak mencukupi kerana peratus yang diterima daripada jumlah mereka kutip selain daripada bayaran imbuhan tetap adalah lebih kurang 1.5% daripada jumlah kutipan yang mereka lakukan.

Saya faham saranan Yang Berhormat bahawa terdapat kadang-kadang wakil pos mengalami kesukaran untuk membeli komputer di peringkat awal dan perkara ini akan kita maklumkan kepada pihak MC-MC supaya menganggapkan ini satu obligasi kepada masyarakat di luar bandar. Kalau tidak nanti, sebagaimana Yang Berhormat kata, mungkin satu hari nanti, makin lama makin kurang, orang yang berminat untuk menjadi wakil pos.

Sebenarnya salah satu tujuan untuk melantik wakil-wakil pos di luar bandar ini adalah secara tidak langsung untuk melatih masyarakat luar bandar menjadi usahawan-usahawan secara kecil-kecilan. Sebab itu mereka mendapat komisen selain daripada elaun tetap yang disediakan oleh Pos Malaysia kepada wakil-wakil pos yang ada pada hari ini. Terima kasih.

2. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan setakat ini apakah bentuk teknologi tinggi dan moden yang telah berjaya dikomersialkan kementerian bagi meningkatkan hasil tanaman petani, terutama pesawah padi dan pekebun. Nyatakan strategi tersebut dalam membantu mereka membangunkan industri kecil dan sederhana berasaskan hasil tanaman mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 21 daripada Ahli Parlimen Kuala Kedah kerana soalnya hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun menubuhkan beberapa institusi pendidikan utama seperti MARDI, Institut Pendidikan Veterinar Ipoh, Pusat Perikanan Batu Maung Pulau Pinang, bertujuan menerajui penemuan-penemuan teknologi tinggi dan moden yang boleh meningkatkan hasil keluaran petani, penternak dan nelayan. MARDI sebagai contoh sebuah institusi pendidikan dan pembangunan telah pun menerajui transformasi industri pertanian dan makanan melalui pembangunan dan mempromosikan teknologi pendahulu ataupun dengan izin, *leading edge technologies*.

Bagi Rancangan Malaysia Yang Kelapan sahaja, MARDI telah pun menghasilkan 207 penemuan-penemuan dalam pelbagai bidang pertanian yang berpotensi untuk di komersialkan dengan jayanya. Di antara penemuan-penemuan teknologi yang telah pun diusahakan secara komersial oleh pihak swasta termasuk petani, penternak, nelayan dan usahawan adalah seperti berikut:

Sektor Tanaman - Dalam subsektor padi, sebanyak empat *variety* padi baru telah pun diperkenalkan iaitu dua *variety* untuk pengeluaran beras putih biasa MR219, MR220 dan dua lagi *variety* untuk pengeluaran beras kualiti tinggi MRQ50 dan MRQ74.

Teknologi lengkap sistem pengeluaran padi berhasil tinggi, bagi setiap *variety* tersebut juga turut diperkenalkan. Sejumlah 80% daripada kawasan jelapang padi utama di Semenanjung menggunakan *variety* MR 219 dan MR 220.

Bagi subsektor sayur-sayuran pula, MARDI telahpun memperkenalkan teknologi persekitaran terkawal di mana sayur-sayuran dapat dilakukan secara intensif serta risiko gangguan cuaca dan perosak dapat dikurangkan. Sambil itu, sistem fertigasi bagi penanaman sayur-sayuran seperti tomato, cili dan *melon* telahpun berjaya meningkatkan keberkesanan penggunaan baja. Teknologi tersebut kini digunakan secara luas oleh petani-petani dan syarikat-syarikat swasta. Bagi subsektor buah-buahan pula, khususnya seperti nenas *Josaphine*, betik eksotika, limau *pamelo melomas*, ciku CM19, belimbing, ubi

keledek seperti Sriyadi, Sri Pontian, Gendut serta durian MDUR. *Variety-variety* baru ini telahpun terbukti meningkatkan tahap pengeluarannya. *Variety* baru ini juga digunakan oleh petani-petani secara meluas.

Dalam bidang penternakan pula, dalam perusahaan ternakan ruminan, baka lembu pedaging Brahman dan baka kambing *Boer* yang lebih produktif telahpun dihasilkan untuk sistem pengeluaran integrasi dengan kelapa sawit. Teknologi penternakan ini yang berpotensi meningkatkan pendapatan telahpun diguna pakai dengan meluas oleh pihak swasta, peneroka rancangan tanah dan juga pekebun kecil. Dalam subsektor ternakan bukan ruminan, rumah ayam pedaging tertutup dengan sistem penyejukan yang berkesan telahpun dibangunkan untuk pengeluaran berskala kecil iaitu 3,000 ekor. Teknologi ini digunakan secara meluas oleh penternak-penternak. Dan juga menggunakan makanan ternakan berasaskan daun kelapa sawit dan *nutri-block* yang juga dihasilkan oleh MARDI.

Dalam bidang mekanisasi dan automasi, MARDI telahpun menghasilkan beberapa mesin dan sistem operasi pengeluaran secara mekanisasi yang boleh digunakan dalam sektor pertanian supaya ianya dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga kerja. Di antara hasil reka cipta MARDI yang digunakan secara komersial ialah mesin cucuk dan membakar sate, mesin-mesin membuat kuih tradisional, mesin pengeluaran keropok, mesin pengopek kelapa, sistem pengeringan tenaga solar untuk makanan haiwan berasaskan kelapa sawit.

Dalam bidang teknologi makanan, MARDI telahpun berjaya menjana banyak teknologi pemprosesan makanan yang dapat digunakan oleh pengusaha-pengusaha IKS khususnya dalam proses pengilangan dan pemprosesan makanan seperti teknologi bungkusan, teknologi pengeluaran dalam pastri, *spray dried*, *retort punch*, dengan izin, sejuk beku, minuman, halwa dan sebagainya. Oleh itu bagi mempertingkatkan mutu dan hasil penyelidikan MARDI bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, rancangan strategik bidang-bidang penyelidikan prioriti telahpun dikenal pasti. Langkah-langkah juga telahpun diambil oleh MARDI untuk mewujudkan usaha sama syarikat-syarikat swasta dengan syarikat kerajaan ataupun *government link companies* dengan izin. Untuk membiayai dan mengkomersialkan projek-projek penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI.

Langkah-langkah juga telahpun dirancang supaya meningkatkan bilangan para penyelidik yang berkualiti dalam bidang-bidang utama seperti nano technology, bio technology, mekanisasi dan automasi dan pelbagai biologi dan teknologi makanan selain daripada membangunkan infrastruktur bagi menjalankan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam program kementerian saya juga, bagi program pembangunan usahawan, tempoh Rancangan Malaysia Kelapan iaitu sehingga September 2005, MARDI telahpun melalui program ini melahirkan 500 usahawan IKS yang berjaya. Di bawah program anak angkat, seramai 400 usahawan telahpun mendapat faedah dalam rancangan ini sehingga September 2005. Dalam program khidmat nasihat, kita telah pun menyediakan khidmat-khidmat nasihat kepada industri makanan terpilih yang telahpun dijalankan sejak tahun 1982 dan seramai 5,000 usahawan telah pun berjaya untuk kita bimbing bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri itu kita sangat membanggakan. Tetapi, mengikut kajian, walaupun MARDI telah menciptakan begitu kemajuan, teknologi pertanian di Malaysia ini masih 20 tahun di belakang Thailand. Sehingga beras dari Thailand sendiri selama ini pun tidak boleh ditandingi oleh kemajuan yang dibuat oleh MARDI dari segi teknik. Kenapa ini berlaku? Dan, kalaulah 5000 telah berjaya usahawan kecil dan 500 telah berjaya dikomersialkan, apa impaknya kepada import makanan, yang bertambah hari, bertambah tahun, bertambah banyak? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat itu. Mungkin dalam beberapa bidang dari segi pembangunan sektor pertanian itu, dikatakan Thailand sudah jauh ke hadapan dengan kita. Saya tidak nafikan itu. Tetapi di samping itu, sebagaimana yang telah pun saya sebutkan, banyak bidang-bidang yang kita telah lakukan termasuk bidang pengeluaran *variety* padi

tadi. Mungkin kerana kita sudah lama agaknya terpengaruh dengan bahawa Thailand mengeluarkan kualiti beras yang baik sehingga kita tidak sedar bahawa *variety* beras yang juga dikeluarkan oleh MARDI hampir setanding malahan lebih baik kualiti kalau dibandingkan dengan setengah-setengah kategori ataupun *variety* beras yang dikeluarkan oleh Thailand.

Cuma masalahnya, bila dipasarkan, ada kecenderungan di antara *wholesalers* ataupun pengeluar penjual-penjual beras ini dicampurkan dengan kategori beras-beras yang lain. Jadi, kualiti yang baik itu sudah jadi tidak baik. Langkah yang kita sudah ambil sekarang ini untuk mengadakan sistem penggredan semula supaya *variety* beras yang berkualiti tinggi itu dapat dipasarkan dan boleh dikatakan hampir setanding dengan apa yang dikeluarkan oleh negara jiran kita.

Soal yang kedua, yang menyatakan bahawa walaupun kita sudah berjaya menghasilkan banyak teknologi dan boleh meningkatkan hasil pengeluaran kita, namun ada terdapat kecenderungan untuk mengimport barang-barang makanan daripada luar negara kita sehingga kita menanggung, sebagai contoh defisit tiap-tiap tahun antara 4 sehingga RM5 bilion di dalam makanan. Ini pun juga saya akui. Tetapi sebenarnya, sudahpun kita usahakan supaya hasil pengeluaran dan penemuan teknologi baru yang telah kita capai ini dapat kita komersialkan dan kita perlu melibatkan bukan setakat petani-petani kecil, tetapi pengusaha-pengusaha yang boleh melaksanakan projek secara besar-besaran.

Dan ini sedang pun kita lakukan, dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita menyasarkan sehingga menjelang tahun 2010, di bawah apa yang kita panggil Pelan Imbangan Perdagangan, ataupun *BOT Plant*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka kita harap bidang-bidang yang mana kita menghadapi defisit seperti bekalan daging, tenusu, barang-barang makanan buah-buahan dan sayur-sayuran itu dapat kita kurangkan importnya dan kalau boleh kita dapat menghadapi soal *the surplus* mungkin kalau boleh lebih kurang 1.7 bilion menjelang tahun 2010. Tetapi ini banyak bergantung juga kepada soal pengguna di negara kita yang saya fikir masih banyak yang berfikir barangan import adalah barangan yang jauh lebih baik daripada barangan tempatan. Jadi kita perlu memberikan pendidikan penerangan kepada mereka bahawa mutu barangan keluaran kita adalah setanding dengan barangan import.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Daerah Temerloh dan Jerantut baru-baru ini dijadualkan lawatan Yang Berhormat Menteri di kawasan kedua-dua daerah ini pada 22 September bagi berjumpa dengan masyarakat petani dan pekebun, tetapi malangnya telah dibatalkan di saat-saat akhir.

Yang Berhormat Menteri, di daerah Temerloh ada satu pusat pembangunan Pahang Barat (IADP) tetapi telah ditutup dan saya mohon supaya IADP di Pahang Barat, Temerloh ini dibuka semula operasinya bagi daerah-daerah di kawasan yang berhampiran bagi menaikkan atau meningkatkan hasil pertanian di daerah tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, mungkin waktu itu saya berada di luar negara, menghadiri mesyuarat tetapi saya berjanji kita akan pergi, ke program kawasan Yang Berhormat tadi dan apa yang telah pun disebutkan tadi akan kita berikan pertimbangan yang sewajarnya.

3. **Tuan Raimi bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan PUSPAKOM bergerak di kawasan pedalaman negeri Sabah.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini PUSPAKOM telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan perdagangan di beberapa daerah di Sabah, seperti di Kota Kinabalu, Labuan, Beaufort, Kota Marudu, Keningau, Tawau, Sandakan dan Lahat Datu secara tetap, di samping menyediakan perkhidmatan berjadual di beberapa kawasan pedalaman seperti di Ranau, Kudat dan Semporna.

Kementerian saya berpendapat tempat-tempat yang dinyatakan itu adalah mencukupi untuk menampung keperluan pemeriksaan kenderaan komersial di Sabah dengan berkesan pada ketika ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan

pihak PUSPAKOM sedia mengkaji semula kedudukan pusat-pusat pemeriksaan yang sedia ada ini termasuklah menyediakan perkhidmatan secara bergerak di lain-lain kawasan pedalaman di negeri Sabah. Terima kasih.

Tuan Raimi bin Unggi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Hari ini kita lihat banyak penjual kereta, mereka selalunya mengubahsuai kenderaan-kenderaan ini. Kebanyakan kereta yang mereka ubahsuai ini kebanyakan menjadi satu kereta yang hari ini dikenali sebagai kereta potong. Jadi, kita nampak apabila penjual-penjual kereta ini *modified* ataupun mengubahsuai kereta menjadi kereta potong, ramai di antara para pembeli tidak menyedari bahawa itu adalah kereta potong.

Selalunya kereta ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Kereta pakai atau ...?

Tuan Raimi bin Unggi: Kereta potong, dipotong kereta itu, diubahsuai dikenali dengan nama kereta potong. Disambung. Jadi, saya percaya setiap kereta ini diperiksa oleh PUSPAKOM. Apabila kereta ini tidak ada masalah mereka akan terlepas daripada PUSPAKOM.

Seorang Ahli: Bila sudah lepas?

Tuan Raimi bin Unggi: Bila sudah lepas, pengguna atau pembeli kereta tidak menyedari bahawa itu adalah kereta potong. Soalan saya, apakah tindakan kementerian untuk menggubal undang-undang atau memastikan bahawa pembeli-pembeli kereta ini dapat dilindungi oleh pihak kementerian. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lari sikit tetapi kalau hendak jawab, boleh jawab.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengakui bahawa masalah kereta potong dan sambung, *cut and weld* ini wujud, khususnya dilaksanakan oleh mereka yang mengendalikan kedai mekanik ataupun garaj.

Saya boleh memberikan beberapa angka di sin. Pada tahun 2000, melalui sistem pemeriksaan PUSPAKOM kita telah mendapati sebanyak 82 buah kereta potong.

Tahun	Bil.
2001	124
2002	153
2003	131

Angka ini meningkat ke 1,407 pada tahun 2005. Pada tahun ini sehingga akhir bulan Ogos, angka ini telah meningkat kepada 1,502. Angka ataupun jumlah kereta potong dan sambung ini meningkat pada tahun 2004 dan 2005 ini kerana satu inisiatif telah diambil oleh syarikat-syarikat kewangan di mana mereka menjadikan pemeriksaan kenderaan mandatori bagi sesuatu transaksi yang melibatkan kereta lama.

Kalau sekiranya hendak dapatkan pinjaman daripada syarikat kewangan, maka adalah menjadikan mandatori bagi sesuatu kereta diperiksa melalui PUSPAKOM. Oleh kerana inisiatif ini, angka kereta potong meningkat begitu besar sekali. Inisiatif dari syarikat kewangan ini adalah merupakan satu cara yang dialu-alukan oleh kementerian. Saya selalu juga memberikan nasihat kepada tuan punya kenderaan ataupun mereka yang hendak membeli sesuatu kereta, kereta lama ataupun *used car*, kereta terpakai haruslah menjalankan pemeriksaan PUSPAKOM untuk memastikan bahawa kepentingan mereka dilindungi.

Cadangan untuk menggubah perundangan ini, untuk menjadikan mandatori, untuk memeriksa kenderaan persendirian ini. Ini memang merupakan satu kebiasaan di negara-negara maju tetapi di negara ini dari segi perundangan tidak diperlukan tetapi untuk memberikan perlindungan kepada para pelanggan ataupun pembeli kenderaan, kita juga telah menerima banyak cadangan dari pihak-pihak yang berkenaan termasuk beberapa NGO. Kementerian saya sedang meneliti cadangan-cadangan ini.

Kalau sekiranya didapati perlu dan ia boleh memberikan perlindungan kepada para pelanggan dan tuan punya kenderaan tidak akan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk meminda perundangan. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samur [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah, adakah sama ada PUSPAKOM ataupun JPJ berhasrat untuk mencipta satu standard bagi kereta-kereta atau kenderaan-kenderaan yang diimport dari luar negara supaya sesuai dengan keadaan dalam negara Malaysia, sama ada dari segi cuaca, dari segi muka jalan dan sebagainya dalam usaha untuk melindungi secara total industri automotif negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Semua kereta, tidak kira kereta buatan tempatan ataupun kereta import mesti mematuhi ataupun memenuhi syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Teknikal, iaitu JPJ. Tidak ada pengecualian yang diberikan kepada mana-mana kereta. Ini untuk menjaga keselamatan dan kepentingan pelanggan, memang sudah ada standard. Kita tidak perlu mencipta standard yang baru. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah bagi membantu IPTS di negara ini khususnya IPTS bumiputera bagi menghadapi persaingan di peringkat global dan menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan. IPTS diwujudkan sebagai pelengkap kepada 17 buah IPTA yang sedia ada. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sehingga Julai 2005 terdapat 564 buah IPTS di seluruh negara di mana 26 buah bertaraf universiti, manakala 538 bukan bertaraf universiti.

Berdasarkan pemilikan ekuiti, IPTS yang lebih daripada 51% iaitu IPTS milik bumiputera adalah sebanyak 243 buah ataupun 43%. Manakala IPTS bukan milik bumiputera adalah sebanyak 321 buah iaitu 57%. Bantuan yang dapat diberikan oleh kementerian kepada IPTS bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) memastikan bahawa IPTS bumiputera berkualiti dari segi mematuhi standard dan kriteria penubuhannya terutamanya menyediakan prasarana, tenaga pengajar, kurikulum, kebajikan, keselamatan dan persekitaran yang menggalakkan;
- (ii) menggalakkan dan menyediakan ruang kepada lebih ramai lagi pelajar bumiputera belajar di IPTS bumiputera yang berwibawa melalui penambahan peruntukan seperti PTPTN;
- (iii) menggalakkan penubuhan konsortium dengan pergabungan IPTS bumiputera untuk meningkatkan daya saing seperti yang telah dilaksanakan dan memberikan keyakinan yang tinggi kepada pelajar bumiputera untuk belajar di IPTS bumiputera sendiri;
- (iv) mempelawa IPTS bumiputera menyertai promosi pendidikan melalui Program MICE atau misi pendidikan iaitu dengan izin, *Meeting, Incentive, Convention dan Exhibition* (MICE) dan *road show* di dalam dan di luar negara;

- (v) memberikan insentif seperti pelepasan duti setem dan pelepasan duti penjualan harta sehingga penghujung tahun 2006 apabila mereka bergabung;
- (vi) menubuhkan pasukan petugas (*special task force*) dengan izin, bagi menangani masalah yang dihadapi oleh IPTS bumiputera yang tenat, cara pertemuan dan perbincangan dari masa ke semasa dengan wakil persatuan IPTS yang ada.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan 70% daripada IPTS ini adalah bersaiz kecil yang mempunyai jumlah pelajar yang kurang daripada 500 orang dan majoriti IPTS kecil ini terdiri daripada IPTS Melayu yang beroperasi dalam keadaan yang tidak *viable* dari segi kewangan. Sememangnya penubuhan konsortium seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi merupakan salah satu cara yang terbaik untuk membantu IPTS bumiputera ini. Soalannya, setakat ini sejauh manakah usaha penggabungan ini telah dijalankan oleh pihak IPTS bumiputera dan apakah insentif yang disediakan oleh kerajaan jika ada, bagi menggalakkan penggabungan ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Saya cuba hendak mengimbang di antara memberikan penuntut bumiputera yang berkualiti dan selain daripada itu ialah untuk mewujudkan IPTS bumiputera seiringan dengan itu.

Apa yang kita lakukan ialah untuk memujuk IPTS-IPTS bumiputera ini supaya dapat bergabung kerana kita akan dapat menggabungkan sumber mereka, kita juga akan dapat menggabungkan penyelidikan mereka, menggabungkan pangkalan data, menggabungkan kurikulum dan juga laman web mereka. Ini merupakan satu *synergy* yang boleh kita gabungkan.

Apa yang telah kita lakukan pertamanya ialah penggabungan di antara *Malaysian university system* yang telah digabungkan di antara empat IPTS berkaitan iaitu kepada Kolej Twintech. Jadi empat kolej ini telah bergabung dan kolej ini membuat pengkhususan di peringkat *bachelor degree* dan selepas itu menjadi *feeder* kepada Kolej Universiti L&N Twintech membuat Masters dan juga PhD.

Selain daripada itu kita ada 19 gabungan di antara kolej-kolej UiTM bersekutu, ini menjalankan program-program *franchising* di mana penuntut-penuntut UiTM akan diberikan kepada IPTS bumiputera ini dan kita akan menawarkan kurikulum, membuat penawaran pengawasan kepada IPTS ini dan selepas itu apabila mereka layak, mereka akan dibagikan ijazah oleh UiTM sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sudah bertanya soalan yang saya akan *inform* sekejap lagi ini pada minggu lepas tetapi jawapannya tidak oleh Menteri jadi hati saya tidak puas. Hari ini saya ingat saya akan dapat kepuasan tersebut dan saya ingat rakyat pun puas.

Persoalan yang timbulnya begini, ada persepsi di kalangan rakyat bahawasanya terlambaknya universiti swasta di negara ini ialah kerana banyaknya profesor pencen. Profesor habis umurnya 56 tahun, dia tidak ada kerja. Sekarang ini ramai profesor. Profesor ini apabila tidak ada kerja *business* yang dia boleh buat ialah mengadakan universiti. Kebetulan pula kerajaan menggalakkan penubuhan IPTS, maka mereka ini mulalah memohon untuk mendaftarkan universiti sehingga Yang Berhormat Menteri sebut tadi ada sampai 500 lebih IPTS, yang soal penggabungan sudah dijawab tadi.

Masalahnya ialah orang kampung ini bila dia tengok nama universiti dan budak-budak kita ini hendak masuk universiti, dia tengok nama universiti dia akan masuk tanpa mengetahui sama ada universiti ini sesuai dengan dia bagus, tak bagus atau tidak, ada biasiswa atau tidak, maka masalah yang kedua pula timbul. Universiti ini pandai dia akan ambil senarai daripada - saya tidak tahu daripada mana dia dapat - orang yang tidak dapat tawaran daripada IPTA ini dia akan mula menawarkan benda yang dia tidak minta.

Budak-budak ini pun tengok universiti ini bukan main lagi, Info technologylah, International College of Technology, International College of Cyber lah, budak-budak ini pun terpiat, akhirnya dia pergi. Bila dia pergi rupanya ia hanya merupakan salah satu daripada 536 universiti yang tidak bertaraf universiti tadi. Bila dia pergi harapannya ialah hendak dapatkan biasiswa. Biasiswa tidak dapat sebab universiti ini sebenarnya tidak sampai ke tahap yang dikehendaki, MARA tidak bagi, JPA tidak bagi dan akhirnya ...

Seorang Ahli: Cari wakil rakyat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Akhirnya bukan soal cari wakil rakyat sahaja, akhirnya dia mengadu kepada ibu bapa di rumah, ibu bapa di rumah ke mana lagi tempat mereka mengadu kalau tidak kepada wakil rakyat. Wakil rakyat sekarang ini wakil rakyat yang bagus-bagus, prihatin. Alhamdulillah, terutama wakil rakyat Barisan Nasional, pembangkang saya tidak tahulah [*Menoleh ke arah tempat duduk ahli parti pembangkang*] saya rasa tidak. Kita hendak jawab tidak boleh. Hendak bagi biasiswa kita bukannya pemberi biasiswa. Kita pergi pula pada MARA, MARA pula tahun lepas tidak ada duit. Sorry, tak boleh bagi, hanya bagi kepada *excellent student*, yang ini tidak dapat. Jadi ini menjadi masalah kepada kita terutama penduduk kampung. Sudah masuk universiti ini! Akhirnya jual tanah, jual lembu dan sebagainya.

Bagaimana hendak kita menyelesaikan masalah ini sebab dia ada dua. Satu, universiti terlalu banyak, tidak sesuai dengan kehendak masyarakat. Saya tidak tahulah kenapa jadi begitu. Keduanya, masalah yang sudah masuk, hendak keluar malu. Dia bangga, "*Anak saya masuk universiti*" "Universiti apa?" "*College International of Technology*". "Oh, begitukah"

Tengok-tengok, saya ada terjumpa satu dekat Damansara, International College of Luthon? *Or something like that*. Hebat. Tetapi itu yang menjadi masalah kepada rakyat. Bagaimana hendak selesaikan masalah ini? Saya hendak pihak kementerian selesaikan masalah ini. Saya hendak minta kementerian bagi satu jaminan kepada rakyat, kalau hari ini dia tengok televisyen, dia tengok jaminan kepada rakyat bahawa masuk universiti, ha ini dia cara kaedah pekerjaannya, biasiswa - *loannya* dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Panjang betul soalnya. Pertama tentang pengangguran profesor ini. Kita ada 17 buah universiti sekarang ini dan insya-Allah pada tahun depan kita adakan satu lagi universiti iaitu di Terengganu, jadi kita ada 18 buah. Apa yang kita harapkan nanti ialah kita akan lihat balik, kalau akta persaraan mengatakan bahawa seseorang pekerja perkhidmatan awam akan pencen apabila tamat tempohnya 56 tahun, tetapi oleh sebab kita memerlukan ramai profesor yang berpengalaman ini untuk memberikan perkhidmatan, kita akan bagi dia kontrak 3-2-1 ataupun sebagainya.

Profesor ini kita akan kategorikan kepada dua kategori. Satu kategori yang profesor yang rajin membuat penyelidikan. Jadi dia akan masuk kepada *Research and Development and Commercialization* (R&D&C). Satu profesor dia sudah sampai ke tahap itu dia tidak hendak lagi membuat penyelidikan, kita akan jadikan dia *teaching professors*.

Oleh kerana itu universiti kita sekarang ini 17 universiti semuanya merupakan *teaching university* dan kita akan membuat olahan supaya separuh daripada universiti yang berkenaan, lima universiti yang lama ini, daripada *continual* ini kita akan mulakan kepada *teaching university* dan selepas itu kita akan adakan beberapa *centre of excellence* yang akhirnya kita akan wujudkan *research university*. *Research university* ini juga kita akan bagi 70 - 30. 70 buat *research* dan hasil daripada *research* itu juga akan diberitahu kepada *student* dalam bentuk *teaching* di bilik-bilik kuliah. Itu bab satu.

Bab yang keduanya, kita hendak melihat seperti mana yang saya katakan tadi bahawa *good practices* dengan izin supaya dapat kita jalankan. Inilah yang kita hendakkan walaupun dalam negeri atau luar negara apabila anak-anak hendak pergi menuntut ilmu itu, kita hendakkan kalau boleh mereka *refer* balik kepada kita sama ada dia bertaraf universiti atau tidak bertaraf universiti ataupun universiti di negara yang tidak diiktiraf. Ini juga penting dan kita hendakkan kalau boleh nanti, mana yang diiktiraf oleh kita, walaupun dalam negeri terutamanya, kita hendak, kita akan tengok pula kursus-kursus yang seperti mana Yang Berhormat katakan tadi sesuai dengan keadaan *market* kita supaya mereka ini

marketable dan oleh kerana itulah PTPTN sekarang ini sedang mengkaji apakah kursus-kursus yang perlu kita bagi pembiayaan.

Walau bagaimanapun, di peringkat ini kita bagi semua dahulu. Kita belum bagi *warning*, notis kepada semua pelajar dan ibu bapa apakah kursus yang patut diambil. Sekarang ini apa yang saya hendakkan supaya di kementerian saya sendiri mempunyai satu unit pengkajian (*research*) yang mempunyai *antenna* yang tinggi supaya dia dapat *scan the environment* apakah bidang-bidang yang diperlukan sepuluh tahun yang akan datang. Apabila kita approval, graduannya sudah tersedia. Di situlah kita hendak memainkan peranan sempena dengan bulan puasa ini, kita hendakkan supaya anak-anak kita belajar dan kita hendakkan mereka belajar sepanjang hayat.

Kalau mengikut hadir Nabi (*membacakan sepotong hadis*) – maknanya, “kalau kamu hendak berjaya di dunia, hendaklah kamu berilmu. Kalau kamu hendak berjaya di akhirat, hendaklah kamu berilmu. Kalau kamu hendak berjaya kedua-duanya sekali, dunia dan akhirat hendaklah kamu berilmu.” Sekian, terima kasih.

Soalan No. 5 – Dr. James Dawos Mamit [Mambong] tidak hadir.

6. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan apakah tahap kemajuan yang telah dicapai dalam rancangan Koridor Raya Multimedia (MSC)

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Koridor Raya Multimedia atau MSC telah pun sebenarnya mencapai tahap kejayaan yang baik.

Malaysia adalah komited untuk terus memberikan penekanan bagi memajukan industri ICT sebagai strategi utama menjana ekonomi berasaskan ilmu (*knowledge base economy*) dan membentuk masyarakat berteraskan nilai dengan izin, *value base society*.

Tahap kemajuan MSC dalam fasa pertama di antara tahun 1996 hingga 2003, MSC telah berjaya melaksanakan rancangan berikut:

- (i) menubuhkan satu koridor dan bandar pintar Siberjaya;
- (ii) telah menarik 53 syarikat antarabangsa ke MSC melebihi sasaran 50 buah;
- (iii) telah menarik 937 buah syarikat bertaraf MSC, ini juga melebihi sasaran 500;
- (iv) telah melancarkan dan membangunkan dengan jayanya tujuh aplikasi perdana; dan seterusnya
- (v) membangunkan undang-undang siber.

Pada tahun 2004, syarikat-syarikat MSC telah mencapai penjualan melebihi USD1.6 bilion dan kebanyakan eksport ini adalah ke negara-negara OIC, ASEAN, Timur Tengah seperti Saudi Arabia, Baharin dan Yamen. Jumlah eksport MSC untuk tahun 2004 adalah sebanyak RM1.57 bilion merangkumi 28.8% daripada jumlah jualan syarikat berstatus MSC.

Perisian komputer dalam bidang perbankan, perdagangan, perisian untuk aplikasi perdana seperti sekolah bestari telah pun mendapat sambutan di luar negara. Sebanyak 46 buah syarikat bertaraf MSC telah disenaraikan di Bursa Saham MESDAQ dengan *market capitalization* sebanyak RM1.5 bilion.

Perwujudan peluang pekerjaan sehingga ini adalah sebanyak 26,434. Jumlah dana R&D untuk pembangunan perisian dan produk pada tahun 2004 adalah sebanyak RM660 juta.

Aplikasi perdana MSC seperti kad pintar telah diguna pakai di beberapa buah negara lain seperti di Baharin, Myanmar, Morocco dan lain-lain. Kad Pintar pelbagai MSC adalah yang pertama di dunia digunakan secara meluas. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang terperinci dan saya juga sama-sama berharap supaya kemajuan MSC itu adalah baik sebagaimana yang dilaporkan dan diiktiraf oleh pengkaji-pengkaji, penganalisis ICT dunia sebagai benar-benar baik sebagaimana Yang Berhormat laporkan sebentar tadi.

Saya khusus ingin merujuk kepada kes sebuah syarikat yang bernama Syarikat *Ameca Technologies Incorporated* yang mana Presiden dan CEO nya ialah Mohamed Minhaj Kokar yang menulis surat kepada Perdana Menteri, Menteri-menteri dan kita-kita semua, Wakil-wakil rakyat pembangkang bukan sahaja isu IPTS Tuan Yang di-Pertua, isu antarabangsa, ICT pun dirujuk kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang.

Kami terima surat ini yang merayu kepada kerajaan kita bahawa syarikat ini mengikut apa yang dilaporkan telah mengadakan usaha sama dengan Kerajaan Malaysia daripada tahun 1997 lagi dengan syarikat-syarikat yang bernama MTDC ataupun syarikat yang bernama Kumpulan Modal Perdana (KMP) yang mana ia dikuasai dan sahamnya dipunyai oleh Perdana Menteri *Incorporated* ataupun Khazanah Negara dan sebagainya.

Mereka melaporkan bahawa mereka ditugaskan untuk projek-projek penting seperti micro chip dan juga *Advance Training Center dan Pacific Venture Capital* dan sebagainya tetapi mereka melaporkan bahawa pada tahun 2003 kedudukan dan kontrak-kontrak mereka dengan syarikat-syarikat kerajaan ini ditamatkan dengan sebegitu sahaja tanpa apa-apa balasan, pampasan ataupun sebab-sebab yang munasabah. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan akan keadaan syarikat ini dan pelabur asing ini dalam bidang yang penting ini. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah seperti Yang Berhormat sedia maklum kita sebagai Ahli Parlimen memang telah menerima satu surat, saya rasa bukan satu surat. Beliau sudah menghantar tiga surat saya rasa kepada kita iaitu berkaitan dengan Syarikat Ameca ini iaitu bentuk kerjasama yang beliau telah nyatakan dengan beberapa syarikat, anak syarikat Kerajaan Malaysia seperti *Multimedia Technology Development Corporation (MTDC)* dan sebagainya.

Perkara ini sebenarnya telah pun diadakan perbincangan tetapi sehingga ini pihak kerajaan dan pihak beliau masih belum menerima ataupun mendapat satu kata sepakat. Oleh kerana akan diadakan perbincangan berkaitan dengan apa yang beliau dakwa, pihak Kerajaan Malaysia melalui MOF (Kementerian Kewangan) dan juga dibantu oleh MDC akan meneliti sama ada dakwaan yang beliau kata dan beliau tuntutan sesuatu yang benar dan sebagainya.

Kita pun akan menggunakan kaedah perundangan untuk menyelesaikan perkara ini. Itu sahaja yang saya boleh jawab. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Contoh Syarikat Ameca adalah suatu contoh yang di mana pihak MSC sepatutnya memberi perhatian yang lebih mendalam mengenai kelemahan-kelemahan yang terdapat di MSC. Saya difahamkan juga banyak syarikat MSC yang melabur di MSC ini telah mengalami banyak masalah, kerenah birokrasi dan sebagainya dan juga passport daripada pakar di luar negara pun susah.

Saya hendak tanya, soalan saya ialah sejak 1996 kita melancarkan MSC di negara kita ini, apakah ciptaan produk ataupun perisian yang telah dicipta 100% oleh orang Malaysia tanpa apa-apa bantuan ataupun *expertise* daripada luar negara. Itu sahaja dan juga apakah rancangan kementerian, MOSTI ini untuk mengembangkan lagi industri terutama ICT di negara ini melalui MSC yang di mana saya rasa MSC adalah penting untuk negara kita ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Seperti yang saya sudah nyatakan tadi, Yang Berhormat, satu daripada yang betul-betul telah kita

bangunkan adalah kad pintar MSC yang bukan sahaja digunakan di negara kita tetapi kad pintar ini telah pun digunakan di negara-negara lain dengan teknologi yang dibangunkan oleh pakar-pakar daripada negara kita, pakar tempatan. Ini merupakan satu daripada produk yang telah pergi ke peringkat antarabangsa.

Seterusnya untuk pembangunan fasa kedua daripada MSC ini, kita akan memperluaskan lagi kemudahan infrastruktur MSC ini ke luar daripada Cyberjaya seperti yang baru-baru ini kita telah pun memberikan status *cyber city* untuk Pulau Pinang dan begitu juga akan diberi kepada Kulim Hitech dan seterusnya mungkin kepada negeri-negeri lain seperti Johor atau Melaka, Ipoh dan sebagainya.

Antara program yang kita luaskan dalam peringkat MSC fasa kedua yang betul-betul dimanfaatkan oleh rakyat iaitu kerajaan akan membestarikan 10,000 sekolah. Bukan sahaja kita rancangan dahulu, sekolah bestari mungkin tidak sampai pun 1,000 tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita akan membestarikan 10,000 sekolah. Jadi dengan sendiri, sama ada sekolah itu terletak di luar bandar ataupun di dalam bandar, mereka akan mendapat *access* yang sama. Ini adalah satu perkara yang saya rasa yang kerajaan akan laksanakan secepat mungkin di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terima kasih.

7. **Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah keberkesanan garis panduan dalam penggunaan jarum suntikan yang akan dilaksanakan bagi memastikan jarum suntikan yang diagihkan kepada penagih dadah yang menghidap HIV atau AIDS tidak disalahgunakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja khas yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga Majlis AIDS Malaysia yang akan merancang, meneliti dan memantau semua aspek pelaksanaan program termasuk pelaksanaan garis panduan yang ketat. Ini termasuklah proses penagihan dan penukaran jarum suntikan lama dengan yang baru di kalangan penagih.

Garis panduan ini akan diperhalusi dari semasa ke semasa di samping mendapatkan pengalaman dari luar negeri tentang aspek tersebut untuk disesuaikan di negara ini. Antara aspek yang akan diperketatkan dan dipantau semasa program ini termasuklah bilangan jarum yang diedarkan dan ditukarkan dan proses pertukaran yang sistematik. Sekian.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Soalan tambahan. Memandangkan program ini merupakan program yang baru dan dadah ini setakat ini belum ada lagi tanda kejayaannya, jadi sejauh manakah pendidikan golongan yang belum lagi terlibat dengan dadah ini kerana kita bimbang, mereka ini apabila program ini dibuat oleh kerajaan, mereka mengatakan benda ini kira macam halal, boleh digunakan.

Yang kedua, sejauh mana rasanya jangkaan keberkesanan perkara ini dan kos yang terlibat memandangkan perkara ini belum lagi rasanya mendapat kejayaan di tempat lain dan apa yang membimbangkan saya ialah perkara ini sebenarnya dicadangkan oleh sindiket yang hendak menyemarakkan penjualan jarum dan kondom sahaja dan pihak kementerian termakan untuk mengadakan program ini.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang ada banyak program untuk memberitahu remaja kita berkaitan dengan bahayanya mengambil dadah ini dan kita juga ada banyak program mengajar mereka bagaimana mereka dapat menjauhi najis dadah ini.

Dari segi Kementerian Kesihatan, kita memang ada beberapa program. Di antaranya adalah satu program yang kita katakan *PROSTAR* iaitu Projek Remaja Tanpa AIDS di mana kita bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mempromosikan program ini di kalangan pelajar-pelajar kita di sekolah supaya mereka tahu bahayanya najis dadah ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa yang akan berlaku dan di antara masalah yang akan dihadapi adalah untuk kita menarik penagih-penagih dadah ini untuk datang ke klinik-klinik yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Ini berlaku kerana pada saya, pertamanya, kebanyakan penagih dadah ini, *they want to remain in anonymous*. Kebanyakan penagih dadah ini tidak mahu dikenali. Yang kedua akan berlaku stigma di kalangan masyarakat di klinik tersebut. Yang ketiga, saya rasa kebanyakan mereka akan rasa malu dikenali dan mungkin rasa satu hari nanti mereka akan ditangkap. Itu perasaan yang akan timbul kepada penagih dadah ini apabila mereka dibawa ke klinik kesihatan yang telah ditentukan.

Pada saya, langkah yang lebih berkesan ialah untuk kita turun menemui penagih dadah itu sendiri, pergi ke sarang-sarang mereka. Saya rasa ini lebih berkesan. Ini boleh kita lakukan dengan kerjasama dengan NGO-NGO. Jadi NGO atau sukarelawan atau sukarelawati ini tidak dikenali dan mereka ini berjumpa dengan penagih-penagih dadah ini di sarang-sarang mereka dan saya rasa ini lebih berkesan sama ada apa-apa program yang hendak dijalankan, sama ada mahu bertukar jarum dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya, seperti mana yang diberitahu oleh Setiausaha Parlimen tadi hanya satu NGO sahaja yang dilibatkan, Majlis AIDS Malaysia, mengapa tidak dilibatkan lagi NGO-NGO yang lain, sukarelawan atau sukarelawati yang lain yang banyak terlibat dengan penagih-penagih dadah, contohnya PENGASIH kerana mereka lebih tahu dan memahami bagaimana kehidupan penagih dadah itu sendiri. Dan adakah garis panduan dan latihan-latihan diberikan kepada sukarelawan dan sukarelawati ini supaya mereka lebih memahami tugas mereka yang sebenarnya?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya program ini akan dijalankan oleh NGO. Kita tidak akan tarik penagih dadah ini kepada *facility* kerajaan kita tetapi kita akan menurunkan kuasa ini kepada NGO supaya mereka akan jalankan tugas-tugas mereka di sarang-sarang penagih dadah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Kita sudah kenal pasti empat kawasan iaitu kawasan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bharu dan Johor Bahru di mana kita akan jalankan program ini dengan NGO. Di Kuala Lumpur, kita telah kenal pasti IKHLAS akan menjadi pelaksana projek ini di Kuala Lumpur. Di Pulau Pinang, *AIDS Action Research Group* menjadi pelaksana dan di Kota Bharu, SAHABAT dan di Johor Bahru adalah *Light Zone*.

Kita memang memberi banyak latihan kepada pengusaha-pengusaha NGO ini dan itulah mengapa kita tangguhkan program ini yang akan dimulakan pada bulan Januari 2006 ini kerana kita hendak menggunakan tiga bulan yang tinggal dalam tahun ini untuk melatih dan memberi maklumat kepada orang-orang NGO dan ini supaya mereka dapat menjalankan projek ini dengan berjaya. Sekian.

8. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilangan projek mini-hidro yang telah dilaksanakan dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjana bekalan elektrik di luar bandar khususnya di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Baram. Untuk makluman Dewan ini, soalan ini telah ditanya beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Negara dan juga telah dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian telah melaksanakan dua projek perintis mini-mikro dan *hydro-hybrid* iaitu di Telok Melano dan juga di Bario Sarawak pada tahun 1997. Kedua-dua projek ini telah menelan belanja berjumlah sebanyak RM14.06 juta iaitu RM3.47 juta di Teluk Melano dan RM10.59 juta di Bario. Sekian.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi tadi. Kita sedar bahawa pelaksanaan projek mini-hidro ini ialah salah satu cara kita membantu penduduk-

penduduk luar bandar menerima dan menggunakan tenaga elektrik dengan kos yang rendah. Saya berterima kasihlah kepada kerajaan kerana telah melaksanakan dua projek mini hidro di daerah Baram iaitu mini-hidro Sungai Kejin di Long Lama, tidak tahu ini dilaksanakan oleh kementerian ataupun tidak. Satu lagi iaitu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu mini-hidro Bario di kawasan sahabat dari Bukit Mas. Malangnya kedua-dua mini-hidro ini nampak tidak berjaya mulai dari peringkat permulaan lagi.

Selain daripada itu, kita juga dengar bahawa mini-hidro Teluk Melano di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tidak cukup berjaya. Soalan saya, apakah status projek-projek mini-hidro ini sekarang dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memperbaiki dan membaik pulih projek-projek ini supaya boleh menjana tenaga elektrik yang berkekalan. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, saya ingin menghuraikan beberapa insiden, perkara yang telah dibuat sebelum projek-projek ini dilaksanakan. Projek bekalan elektrik menggunakan mikro-hidro adalah merupakan satu kaedah alternatif yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Februari 1994. Berikutan daripada keputusan tersebut, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada masa itu telah melantik perunding KDI Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian kepada kampung-kampung di pedalaman di Sabah dan Sarawak untuk diberi bekalan elektrik menggunakan sistem alternatif.

Daripada kejadian tersebut, 53 buah kampung dikenal pasti *viable* melaksanakan projek perintis seperti itu. Bagi negeri Sarawak, sebanyak 15 kampung telah dikenal pasti sesuai untuk mendapat bekalan elektrik menggunakan solar. Antara 11 boleh dibekalkan dengan generator set diesel dan dua daripada kampung tersebut dikenal pasti sesuai untuk dibina mikro-hidro *hybrid*. Daripada 53 projek yang telah dicadangkan, disyorkan itu kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan dua projek mikro-hidro dan set *hybrid* iaitu Teluk Melano dan juga di Bario seperti mana yang telah disyorkan oleh pihak perunding.

Berikutan daripada keputusan tersebut, sebuah syarikat dinamakan WMM Holdings Sdn. Bhd. kontraktor tempatan Sarawak telah dilantik untuk melaksanakan projek ini pada Januari 1996. Selepas selama satu tahun 10 bulan, projek ini telah siap. Kedua-dua projek ini siap dan walaupun sudah siap, tetapi kedua-dua projek tidak mencapai matlamat untuk membekalkan tenaga elektrik, disebabkan air sungai yang mengalir untuk memenuhi takungan terlalu perlahan walaupun di peringkat kajian, keadaan adalah sebaliknya. Untuk makluman air yang bertakung hanya dapat menggerakkan turbine hidro selama setengah jam sedangkan untuk memenuhi semula air ke dalam takungan tersebut, mengambil masa sekurang-kurangnya tiga sampai lima jam.

Berikutan dengan perkara ini, pihak kementerian telah membuat beberapa keputusan. Yang pertama adalah untuk membaik pulih kedua-dua sistem tersebut dan kementerian telah mencadangkan untuk melantik kontraktor tempatan untuk membuat baik pulih ini. Namun demikian, kementerian tidak mendapat sokongan daripada pihak Kementerian Kewangan oleh kerana didapati bahawa kos untuk membaik pulih dan juga menyelenggarakan kedua-dua projek ini begitu mahal, begitu tinggi.

Selain daripada keputusan tersebut, kementerian sekali lagi memohon satu *Consortium Synergy Power Manufacturing Sdn. Bhd.* dan juga ZNA Sejati Sdn. Bhd. untuk mencari jalan bagaimana kita membaik pulih dan juga melaksanakan projek, kalau ada projek alternatif. Selepas itu, kedua-dua cadangan yang telah diperkenalkan oleh kedua-dua syarikat ini tidak diterima oleh Kementerian Kewangan dan oleh kerana itu, pihak kementerian telah mengenal pasti satu lagi syarikat yang telah tampil ke hadapan untuk membuat cadangan iaitu syarikat *K-Frontiers* daripada Miri.

Syarikat ini juga telah mencadangkan supaya projek itu dibaikpulih dan juga mereka mencadangkan supaya projek ini ditukar kepada projek mikro-hidro *hybrid*. Mereka telah memberi taklimat kepada kementerian pada bulan Februari 2004. Tetapi, selepas

kementerian menulis surat kepada Kementerian Kewangan, setakat ini kita tidak mendapat sebarang jawapan. Kementerian telah bercadang memanggil tender membaik pulih kedua-dua sistem tersebut sekali lagi.

Namun demikian, pihak kementerian tidak boleh membuat apa-apa oleh kerana dalam Ordinan Pembekalan Elektrik di negeri Sarawak, kita memerlukan persetujuan daripada pihak agensi tempatan iaitu SESCO untuk mengambil alih projek setelah siap dibaiki. Inilah masalah yang kita hadapi sekarang dan pihak kementerian telah mengambil beberapa tindakan, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri telah menulis kepada Yang Berhormat Menteri Kemudahan Sarawak merangkap Pengerusi SESCO bagi cuba mencari jalan bagaimana kita menyelesaikan masalah ini.

Walau bagaimanapun, selepas dua surat ditulis iaitu pada 29 Mac tahun ini dan juga pada 3 Ogos tahun ini, kita belum lagi mendapat jawapan. Walaupun begitu pada 12 Ogos tahun ini, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak telah menulis balik kepada kementerian kita untuk meminta supaya disalurkan peruntukan sejumlah RM1.5 juta bagi membaik pulih sistem generator set ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang kampung kecewalah jawapan ini.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: .. di Teluk Melano. Inilah keadaan sekarang dan kita masih lagi menunggu keputusan daripada pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu soalan. Saya ingat penting ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Tidak apalah sama juga. Saya hendak tanya apa hukuman kepada yang membuat kesilapan ini? Balik-balik kerajaan, kerajaan masih menunggu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang terakhir ialah...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Santubong, terima kasih, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Allah! *[Ketawa]*

9. **Brid Jen (B) Dato' Seri Abd Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sejauh manakah usaha memperkayakan modal budaya orang Melayu tercapai bagi membawa lonjakan perkasa bangsa Melayu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, perakuan yang pertama yang harus dibuat dalam menjawab soalan ini ialah sememangnya budaya atau cara hidup masyarakat Melayu merupakan penjana utama kepada peradaban dan pencapaian yang sedia dicapai pada masa ini. Tentunya budaya yang dimaksudkan di sini ialah cara hidup positif kita yang sentiasa mengolah cara-cara dan kaedah yang baru. Dalam menentukan modal budaya sesuatu masyarakat, pendidikan adalah isian utama yang membina insan yang berbudaya dan bertamadun. Selain itu asuhan keluarga, pengaruh luaran dan pengalaman juga menyumbang kepada tamadun sesuatu masyarakat. Khususnya ilmu di kalangan masyarakat Melayu yang meningkat jelas menokok tambah kepada budaya positif yang wujud di tanah air.

Perakuan kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang harus dibuat ialah bahawa Islam dan bahasa Melayu merupakan dua elemen tamadun asas orang Melayu yang sejak zaman berzaman telah mengadunkan bangsa atau kemasyarakatan Melayu itu. Sebarang kemudaratan yang berlaku pada Islam atau bahasa Melayu, kesan negatif akan dirasakan.

Perakuan ketiga ialah bahawa adat istiadat orang Melayu turut mencorakkan kemelayuan atau sifat Melayu di bawah Perkara 160, Perlembagaan Malaysia misalnya. Malah Islam, bahasa Melayu dan adat istiadat Melayu kesemuanya memberi pupukan bangsa sebagai seseorang Melayu.

Ketiga-tiga elemen itu harus dijaga dan dibudayakan dalam kehidupan jika lonjakan budaya masyarakat yang dimengertikan di dalam soalan ini hendak kekal. Sekarang kemerosotan dalam elemen-elemen ini jika didapati dan jika tidak diatasi, terus akan menjadi angkara kepada tamadun masyarakat Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Oleh itu saya akhiri sesi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGUHKAN MASYARAKAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

PENUBUHAN JABATAN PARLIMEN

11.04 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk mengemukakan usul-usul yang berikut bahawa Dewan memberi laluan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menanguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara yang tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu penubuhan Jabatan Parlimen yang boleh mencetuskan krisis perlembagaan mengenai doktrin pengasingan kuasa seperti krisis perundangan 1988 tetapi kali ini berkaitan pengambilalihan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Parlimen oleh eksekutif.

Saya difahamkan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Parlimen telah dilantik dan sedia berpindah ke Parlimen untuk mengambil alih kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi yang sedang dijalankan oleh pentadbiran Parlimen. Ini amat menyedihkan kerana ianya membentuk ancaman tidak terduga dan genting kepada doktrin pengasingan kuasa mengenai Parlimen. Perubahan sebegini akan mendatangkan kesan buruk terhadap demokrasi berparlimen apabila ianya dipaksa lulus tanpa konsultasi penuh dengan Ahli-ahli Parlimen, masyarakat sivil dan rakyat Malaysia. Jabatan Parlimen tidak harus ditubuhkan sehingga mendapat persetujuan daripada Parlimen dan masyarakat sivil khususnya Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Malaysia akan menjadi bahan ketawa komuniti parlimen sedunia kerana merupakan satu-satunya negara Komanwel yang mempunyai Jabatan Parlimen untuk menguruskan Parlimen, sekali gus menghancurkan kebebasan dan autonominya.

India mempunyai seorang Menteri Hal Ehwal Parlimen tetapi Jabatan Hal Ehwal Parlimen India adalah *external* dan diasingkan daripada Parlimen. Penubuhannya tidak mengambil alih kuasa-kuasa Parlimen oleh eksekutif di mana fungsi-fungsinya dihadkan untuk mengurus pelbagai urusan dan kerja Parlimen yang banyak bagi kerajaan di Parlimen dan bukannya mengambil alih pengurusan Parlimen.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus menggantung pelaksanaan semua keputusan Kabinet mengenai penubuhan Jabatan Parlimen sehingga Ahli-ahli Parlimen dan masyarakat sivil berpuas hati bahawa doktrin pengasingan kuasa berkaitan dengan Parlimen tidak terancam. Dalam kes Dewan Rakyat, Jawatankuasa Dewan harus bermesyuarat membincangkan kepentingan dan kesan-kesannya dengan menyerahkan

satu laporan dan cadangan-cadangan kepada Dewan mengenai makna dan implikasinya terhadap doktrin pengasingan kuasa berkaitan Parlimen amnya dan prinsip autonomi dan kebebasan Parlimen khususnya.

Perbahasan penuh dan keputusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah perlu sebelum penubuhannya yang akan menstrukturkan semula kuasa-kuasa, fungsi-fungsi dan pentadbiran Parlimen secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Timur pada hari Isnin, 10 Oktober 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai, berkehendak disegerakan. Pada fikiran saya, perkara ini tidak memerlukan perbincangan segera di Dewan ini.

Saya difahamkan perkara ini merupakan usaha kerajaan bagi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan awam dan memantapkan lagi struktur organisasi Parlimen. Apa-apa pelantikan yang dibuat adalah untuk menyelaraskan tugas-tugas yang sedia ada dari segi pentadbiran sumber manusia dan kewangan. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat masih berpeluang untuk membahaskan perkara ini dalam sidang perbahasan bajet yang sedang berlangsung dan juga pada masa-masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion dua ratus lapan puluh sembilan juta lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lapan ratus sembilan puluh ringgit (RM3,289,897,890) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan." **[10 Oktober 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Beluran menyambung ucapannya.

11.19 pg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung soalan yang saya diberhentikan semalam. Soalannya, apakah kementerian terlalu menumpukan kepada kursus-kursus dan program-program kritikal di universiti seperti farmasi, perubatan, *accountancy* dan sebagainya dan terlepas pandang terhadap kursus yang melibatkan sains sosial, sains komputer dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang tidak boleh lari daripada pernyataan orang awam ialah tentang peranan yang dimainkan oleh Lembaga Akreditasi Negara dan juga Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menangani masalah graduan menganggur ini. Persoalan di mana silapnya kedua-dua agensi dan bahagian ini dalam Kementerian Pengajian Tinggi dalam memantau dan menentukan bahawa graduan-graduan yang dikeluarkan daripada IPTA dan juga IPTS negara ini berkualiti dan juga kompetitif dan juga *employable* untuk kegunaan pasaran tenaga kerja di negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

LAN dan juga Bahagian Jaminan Kualiti ini tidak boleh berselindung dan beralaskan kekurangan kakitangan, ketidakcukupan tenaga kerja yang ada dalam agensi dan juga bahagian ini untuk menentukan graduan kita dikeluarkan dengan kualiti. Soal kekurangan kakitangan harus ditangani, soal ketidakcukupan kakitangan untuk mengadakan pemeriksaan mengejut harus ditangani oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan usaha ini akhirnya akan menentukan bahawa kita berjaya mengeluarkan graduan yang berkualiti. Dalam konteks yang sama Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Soalan graduan yang berkualiti ini selalu saya bangkit dalam Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Beluran, universiti kita menerima hakikat bahawa universiti bukanlah untuk menjana, khususnya menjanakan guna tenaga pekerja ataupun manusia kepada industri-industri dan kerajaan. Universiti adalah untuk masyarakat belia, pemuda, pelajar menimba ilmu dan dalam masa yang sama kita mesti mewujudkan graduan yang boleh diguna pakai.

Jadi dalam keadaan sedemikian graduan-graduan ini mestilah diberi secukup ilmu untuk bagaimana berfikir, bagaimana menggunakan ilmu dan boleh mencari pekerjaan ataupun usahawan mereka sendiri. Masalah yang terbesar sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Beluran ialah *employers* yang kebanyakan di negara kita inilah orang luar negara, orang yang perlukan bahasa Inggeris, orang tahu bahasa Inggeris dan bercakap, mereka mempunyai latar belakang dan pendidikan yang berasingan daripada negara kita. Jadi di sini jikalau graduan yang keluar dari universiti tidak boleh berbahasa Inggeris dan tidak boleh berinteraksi dengan orang, tidak boleh bercakap, tidak boleh berfikir, jadi macam mana mereka ini boleh *diemploy*?

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Santubong. Perkara itu telah saya umumkan, telah saya bahas semalam, itu merupakan sebahagian daripada *soft skill* yang harus diisi oleh IPTA/IPTS kita terhadap graduan yang keluar daripada institusi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Datuk Ronald Kiandee: Okey, saya akan habiskan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita hari ini banyak menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kabinet. Saya ingin mencadangkan, saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa kabinet untuk menangani masalah graduan menganggur ini. Kita lihat kita ada jawatankuasa kabinet untuk sukan, kita ada jawatankuasa kabinet untuk pegawai AP, untuk siaran TV dan sebagainya dan saya lihat bahawa masanya tiba untuk kita melihat keperluan untuk menangani masalah graduan menganggur ini secara lebih terperinci dengan mewujudkan satu jawatankuasa kabinet untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada perkara yang lain iaitu perkara Bajet 2006 ini. Kita lihat bahawa harapan rakyat terlalu tinggi untuk bajet ini terutama mereka yang berada di luar bandar. Seperti juga tahun sebelumnya kita katakan bahawa bajet ini merupakan bajet yang baik. Seperti juga tahun yang lalu kita katakan bahawa langkah-langkah harus diambil oleh kerajaan untuk menentukan bahawa bajet ini direalisasikan, perancangan-perancangan yang ada di dalam bajet itu dipastikan, dilaksanakan oleh pihak pelaksana. Tahun ini juga kita mengatakan perkara yang sama. Sebab itu kita berharap agar pihak pelaksana melihat teguran-teguran yang dibuat di dalam laporan Audit terhadap projek-projek yang terbengkalai, terhadap kualiti projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Sebagai panduan untuk menentukan bahawa yang kita katakan bajet yang baik Bajet 2006 ini sebagai bajet yang terbaik akan dimanifestasikan sebagai satu bajet yang terbaik. Saya ingin melihat beberapa perkara yang telah disentuh dalam bajet. Umpamanya soal imbuhan tambahan, elaun kepada syarikat tempatan yang memperoleh *foreign own companies* di luar negara tidak dipanjangkan kepada *non-manufacturing sector* ataupun begitu juga tidak dipanjangkan kepada *non-high technology companies* dan saya lihat ini sebagai satu keperluan kalau kita lihat sebahagian besar daripada syarikat-syarikat yang ada sekarang merupakan syarikat yang *non-manufacturing* dan juga *high technology* seperti perkhidmatan kewangan juga perkhidmatan telekomunikasi.

Seperkara yang tidak disentuh secara terperinci adalah soal sama ada isu subsidi petroleum ini tidak ada dasar yang ditonjolkan oleh bajet ini secara terperinci dan ini juga perlu diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa soal *performance* Danaharta yang dikatakan akan dihentikan operasinya pada hujung tahun ini juga tidak disentuh di dalam Bajet 2006 ini. Persoalan bagaimana status RM6.3 bilion aset yang belum lagi *diresolve* oleh Danaharta setakat ini sama ada perkara ini akan ditangani oleh kerajaan melalui bajet dan juga perancangan kerajaan terhadap perkara ini RM6.3 bilion harta yang belum *diresolve* setakat ini oleh Danaharta, di mana arah penyelesaian terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa banyak perkara yang berlaku di dunia ini – Katrina, Rita, Nabi yang berlaku di Jepun dan China, malapetaka yang berlaku di negara Pakistan, Afghanistan dan juga India baru-baru ini. Ini mendorong kita melihat kepada apakah persiapan negara kita terhadap kemungkinan bencana-bencana yang boleh berlaku - serangan terrorisme dan sebagainya terhadap negara kita, apakah Jawatankuasa Bencana Alam yang ada sekarang ini telah bersedia dari segi koordinasinya. Kita lihat di negara Amerika umpamanya mempunyai infrastruktur yang terbaik, mempunyai persiapan kelengkapan yang terbaik tetapi dari segi *coordination* terhadap arahan merupakan satu masalah yang telah membinasakan New Orleans dan juga Texas pada serangan Katrina baru-baru ini. Jadi soalan sama ada negara kita bersedia atau tidak dengan kelengkapan yang kita ada dari segi koordinasi dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran boleh gulung, boleh gulung.

Datuk Ronald Kiandee: Gulung terus? Dia ada tanya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, masa cukup.

Datuk Ronald Kiandee : Saya ikut arahan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Ini punya soalan cukup baik di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di luar boleh bahas nanti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Dia tidak boleh bahas lagi Tuan Yang di-Pertua, dia sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, lain hari boleh.

Datuk Ronald Kiandee: Tidak boleh dah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pendek sahaja.

Datuk Ronald Kiandee: Pendek dia kata.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Saya masuk sikit sahaja. [Ketawa] Saya bersimpati dengan Yang Berhormat berkenaan dengan bencana dunia, bencana alam dan kita di Malaysia harus bersyukur kerana apa yang berlaku di negara-negara asing tidak berlaku di negara kita. Bencana tidak mengenal negara kaya, negara miskin, negara kuasa (*power*) atau tidak kuasa kerana ini kita boleh percaya bahawa ini adalah diturunkan oleh Allah S.W.T., sebagai makhluknya yang mungkin sebagai satu pengajaran kepada makhluk supaya insaf, manusia supaya insaf bahawa perbuatan kita terhadap alam hari ini terlampau menjadi-jadi.

Kita merosakkan alam yang dicipta oleh Allah, kita merosakkan keamanan yang Tuhan hendakkan di atas buminya. Jadi adakah Yang Berhormat juga di samping kita menyarankan Kerajaan Malaysia supaya bersiap sedia mungkin tetapi kita minta simpang janganlah benda-benda seperti ini berlaku kepada kita, bersiap-sedia supaya kita memastikan alam sekitar kita ini, keindahan alam dalam negara kita ini hentikanlah, sudahlah, janganlah dibangunkan diruntuhkan bukit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat Jerai cukuplah..

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju dengan concern yang dikemukakan oleh Jerai. Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai *early warning system* dan sebagainya selepas kita menghadapi ancaman tsunami baru-baru ini tetapi sama ada persiapan selanjutnya, kita tidak inginkan ada *warning system* tetapi dari segi koordinasi selepas bencana yang berlaku itu tidak sempurna seperti apa yang berlaku di Amerika Syarikat. Tuan Yang di-Pertua saya akur dengan kesuntukan masa yang diberi. Saya ingin menyokong, terima kasih.

11.30 pg.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin berbahas atas Bajet 2006 yang telah dikemukakan pada kita semua pada 30 September baru-baru ini. Tajuk pertama yang saya akan bangkitkan ialah pertanian. Kita mesti sentiasa bersedia untuk mempertingkatkan kaedah dan mutu pertanian kita tambah sekali untuk menghadapi WTO dan AFTA.

Untuk itu, kita mesti ada bilangan pegawai pengembangan yang cukup, bukan hanya bilangan sahaja, tetapi pegawai yang komited, juga yang efektif dalam kerja mereka untuk mengembangkan pertanian moden atau terkini. Adakah kita sudah hilang sasaran sebagai seorang pegawai pengembangan oleh kerana kerja kita ialah untuk memberitahu kepada petani-petani cara terbaru dan apa yang bagus juga apa yang kurang bagus. Pendek kata, untuk menolong petani-petani, nelayan-nelayan dan penternak-penternak.

Dalam pertanian, pengembangan teknologi tidak boleh dibuat secara automatik ataupun *remote control*, dengan izin, *agriculture can be modernize but cannot be virtual*. Pegawai pertanian yang ada pejabat *berair-condition* seharusnya patut ada di padang, ladang dan bendang juga, supaya petani-petani kita boleh dapat maklumat yang terkini dan juga tahu tentang harga pasaran komoditi dan harga-harga input pertanian. Pegawai perlu tahu tentang cara-cara macam mana kita boleh rendahkan kos input pertanian tanpa menurunkan hasil dan pendapatan petani.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak minta penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Pertama, saya cukup seronok, Yang Berhormat bagi Arau bercakap pasal pertanian, pasal yang ini sumber makan kita. *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu, Yang Berhormat sendiri pun boleh bangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan saya WTO, AFTA. Yang Berhormat tahu atau tidak puak buat bendang di kampung ini, apa dia WTO, apa dia AFTA. Depa pun tidak tahu. Kalau kita habak WTO apa dia? AFTA ini apa dia? Satu lagi tentang harga komoditi barang-barang ini, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kerajaan setiap hari bagi laporan harga komoditi? Macam katalah buah betik dengan harga hari ini, harga masih tergantung harganya, pisang naik turun harganya. Harga telur di bawah pasaran, pisang dan sebagainya. Supaya dengan keadaan hari ini akan menyenangkan. Orang hendak pergi *market* dia sudah tahu hari ini harga pisang naik turun, harga telur macam mana? Jadi depa faham, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ganjil sedikit. Tetapi WTO, AFTA itu biarlah, kalau orang kampung tidak faham lagi pun tidak apa. Masalahnya sekarang, kita patut menghadapi keadaan sekarang supaya mereka di kampung itu boleh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat bagi Arau. Sedikit! Pasal sistem maklumat, dengan izin. Saya amat setuju dengan hujah Yang Berhormat bagi Arau tadi. Masalahnya ialah sistem penyampaian kita ini masih lagi tidak terlaksana dengan memuaskan. Okey, kita wujudkan KPI supaya kita dapat menilai prestasi pencapaian sektor awam kita. Tetapi walaupun dengan pengalaman, kursus, latihan telah diberikan, apakah Yang Berhormat bagi Arau setuju, mereka ini perlu turus ke padang? Mereka juga perlu jadi petani supaya dapat melihat keadaan-keadaan yang di mana masalah yang sedang dihadapi mudah untuk dilaksanakan. Minta sedikit pandangan, Yang Berhormat bagi Arau kerana Arau adalah terletak di kawasan bendang dan bersempadan dengan Siam. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, memang sudah saya bercakap macam itu, kira Yang Berhormat bagi Larut cakap pun sama macam saya cakap itu. Terima kasihlah. Jadi, saya sambung, ya. Pegawai-pegawai...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi bermakna Kementerian Pertahanan ini tidak perlu ditutuplah, Yang Berhormat? Yang penting ialah sistem penyampaian itu perlu sampai kepada sasarannya. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tidak perlu. Terima, terima. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Allahuakbar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya hendak menyambung sedikit satu pernyataan yang cukup bagus daripada Yang Berhormat bagi Arau iaitu pegawai-pegawai harus turun padang, turun ladang dan turun bendang. Ini satu pernyataan yang cukup bagus. Saya sebenarnya dapati bahawa ramai di antara pegawai itu dia memang berbuat begitu.

Tetapi akhirnya saya hendak menyambung daripada Yang Berhormat bagi Larut tadi yang terpenting sekali ialah pegawai ini ada projek contoh yang boleh diteladani oleh pihak lain. Kalau saya hendak mengambil contoh Sabak Bernam umpamanya, patut pegawai-pegawai pertanian ini menganak angkatkan kebun ataupun ladang tertentu sehingga dia berjaya. Oleh kerana peruntukan-peruntukan yang diberikan itu biasanya

memadai untuk orang kampung ini ataupun pekebun ini menjayakan itu, tetapi sekarang ini kita tidak nampak. Umpamanya pegawai-pegawai ini menganak angkatkan projek-projek yang berjaya, yang boleh dijadikan contoh. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Arau?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat, terima kasih atas cadangan itu. Bukan hanya pegawai-pegawai pengembangan dan pegawai-pegawai pertanian sahaja yang patut turun ke ladang dan sebegitu, sepatutnya semua lapisan patut turun termasuklah Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan Menteri juga. Jadi, pegawai-pegawai mesti juga berani untuk kikiskan cara-cara yang masih digunakan tetapi sudah *outdated*, dengan izin. Kikis cara-cara itu demi untuk masa depan petani, penternak dan nelayan kita.

Dengan kenaikan harga minyak mentah, harga baja-baja kimia dan baja-baja secara amnya pun turut naik. Kenaikan harga baja kimia sudah melebihi 30 atau 40%. Oleh kerana Malaysia adalah negara pertanian, kita akan menghadapi satu masalah. Perkara ini bukan hanya akan dirasai oleh petani-petani dan penternak-penternak yang kecil, tetapi juga oleh syarikat-syarikat perladangan yang besar, sederhana dan yang kecil. Kita mesti cari cara dan pilihan atau alternatif, dengan izin, untuk merendahkan kos input ini.

Ini harus dilakukan dengan secepat mungkin. Jika kita tidak buat sesuatu, maka petani, nelayan dan penternak kita akan kalah teruk dengan persaingan yang begitu agresif dan kos efektif, dengan izin, daripada jiran-jiran kita juga dari negara-negara yang mempunyai kaedah yang lebih efisien.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya bangun apabila Yang Berhormat sebut baja. Saya daripada tadi tunggu baja, tunggu padi. Apabila sebut perkataan baja, sekali lagi kalau Yang Berhormat sebut padi saya hendak bangun lagi sekali. Tetapi baja dahulu. Sekarang ini kerajaan bagi subsidi baja, saya tengok dalam bajet, dari RM1.5 bilion kepada Kementerian Pertanian, RM631 juta adalah untuk subsidi padi dan baja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baja cap apa?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Okey. Baja ini kerajaan bagi *free* kepada rakyat. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat bagi Arau ini untuk makluman Dewan, saya pernah panggil pergi kawasan saya, dia bagi nasihat mengenai penggunaan baja kepada petani dan petani saya ikut sekarang dan hasil berganda. So, dia ada *authority* untuk bercakap mengenai baja sebenarnya. Tetapi, dia tidak boleh bercakap, biar saya cakap. Saya jamin dan saya pernah tengok sebab saya pengerusi pertubuhan peladang. Okey, bajanya saya hendak tanya ini ialah kita dok bagi selama ini baja kimia, 7 beg, 9 beg 20 beg, baja kimia.

Baja ini sebenarnya tanah kita ini dah immune dengan baja yang ada. Sudah sakit dah tanah ini. Sudah tidak boleh buat apa. Kita bagi baja yang sebenarnya tidak boleh menambahkan hasil apa-apa sebab tidak ada satu kajian mendalam. Ini persoalannya. Hendak minta Yang Berhormat bagi Arau beri pandangan kepada kerajaan, bagi penjelasan kepada saya dan kepada Dewan ini bagaimana sebenarnya kaedah hendak memulihkan tanah ini sebab baja ini dok bagi sekalipun kalau badan tidak sihat makan apa pun tidak jadi. Bubuhlah pil tongkat Alikah, tongkat Alwikah, tongkat apa tidak jadi sebab yang penting badan itu hendak kena sihat. Sistem pembajaan yang ada pada hari ini

sebenarnya sudah memerlukan kajian yang mendalam sebab baja yang tidak betul menyebabkan hasil kurang. Hasil kurang, petani tidak dapat bawa pulangan yang lebih. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat ketereh. Sebenarnya tentang baja ini saya dah cakap pada tahun lepas tentang pemulihan tanah dengan menggunakan baja-baja organik dan cara baja organiklah kita boleh buat tanah itu lebih elok, lebih subur dan petani boleh pergi ke bank dan deposit duit mereka lebih banyak dan kita pun dapat sokongan daripada mereka dan terus menjadi wakil rakyat lagi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu agensi kerajaan selalunya ada pegawai-pegawai pengembangan untuk menolong petani-petani kita. Secara logiknya pula petani-petani kita sepatutnya dibanjiri dengan pegawai-pegawai pengembangan ini tetapi kenapa tidak ada kesan. Pada saya tiada kesan kerana terlalu banyak *overlapping* atau pengembangan bertindas sehingga petani pun sudah pening yang mana satu idaman kalbu atau hendak ikut yang mana satu.

Adakah sampai masa di mana kita perlu ada satu pusat perkhidmatan pengembangan Malaysia untuk menyelaraskan khidmat nasihat dan khidmat pengembangan ini. Satu lagi, sekarang benih-benih yang dibekalkan kepada penanam-penanam kebanyakannya diurus oleh syarikat-syarikat persendirian. Adakah benih-benih ini sudah diklasifikasikan sebelum dijual kerana saya mendapat tahu bahawa banyak benih-benih ini adalah dengan *variety* yang bercampur.

Sekiranya, kita hendak betul-betul maju di dalam bidang pertanian maka kita mesti pastikan benih-benih itu akan 'disertifikasikan' dan diberi jaminan di atas keasliannya. Dengan itu saya harap kementerian akan mengambil satu tindakan untuk menubuhkan satu pusat benih negara untuk pemantauan dan 'sertifikasi' pengeluaran benih-benih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Jika cadangan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: ..diterima... Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau. Hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian ini sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa kebanyakan rakyat di Malaysia ini yang terlibat di dalam aktiviti pertanian dan perikanan adalah mereka yang boleh kita katakan orang lama yang berumur 50 tahun ke atas. Sedangkan kita hendak menjadikan pertanian ini sektor moden tetapi mereka yang terlibat itu mungkin tidak mempunyai keupayaan untuk *catch up* dengan teknologi moden dan sebagainya. Bagaimana pendapat Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah untuk menggalakkan tenaga muda terlibat dalam sektor pertanian.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Itu apa yang saya cakap tadi. Yang pertama benih. Lepas itu kita telah bincangkan tentang Pegawai Pengembangan, itu yang mustahak. Yang ketiga apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh tentang tanah yang asasnya, tanah dan baja.

Kalau kita boleh buat satu pertanian moden, bahawa saya percaya golongan-golongan muda itu akan berkecimpung dalam bidang pertanian ini. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Jika cadangan saya untuk menubuhkan satu pusat benih negara itu diterima maka saya cadangkan bahawa Perlis digunakan sebagai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Menyampuk]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: ..tapak pusat benih negara kerana Perlis adalah satu-satunya negeri yang selalu mengalami musim kemarau dua kali setahun pada tiap-tiap tahun. Keadaan ini memang cukup bagus dan sesuai untuk pengeluaran benih-benih tambah sekali untuk padi, kenaf, jarak dan lain-lain.

FAMA dan syarikat-syarikat persendirian perlu buat pemasaran buah-buahan Malaysia yang lebih agresif. Kita sudah berjaya menghantar durian kita ke Australia kenapa tidak ke negara China, Eropah dan lain-lain. Jawapan yang saya dapat daripada pegawai memberitahu saya yang buah-buahan seperti kuinin, machang, jering, petai yang berbau juga buah-buahan seperti manggis itu tidak ada pasaran yang besar. Saya tidak boleh terima sebulat-bulatnya macam itu sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau, ini bekas pengerusi FAMA.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya, saya bagi dia *chance*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya ini berfikir lama dalam Parlimen ini. Tiap-tiap kali fasal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani SUP yang menjawab. Hari ini Timbalan Menteri pun ada. SUP jawab cukup elok. Daripada tulang apa semua masuk. Dengan ubi kentang apa semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sup untuk makan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: SUP - Setiausaha Parlimen. Hari ini Timbalan Menteri pun datang jawab. Saya hendak tahu fasal sampai hari ini Perdana Menteri sudah bercakap dasar pertanian negara. Ini dalam kawasan MADA, dalam kawasan Yan saya ini pun tidak tahu lagi ini, apa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tidak berkaitan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia, adakah Yang Berhormat bagi Arau hendak mencadangkan melalui Jerai ataupun daripada Jerai melalui Arau kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sama ada mereka ini boleh atau tidak boleh, sanggup atau tidak sanggup hendak bertanggungjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ..di atas dasar pertanian negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan ini daripada bekas Pengerusi FAMA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Betul, betul. Bekas, bekas. Termasuk pengekspor buah-buahan itu memang kita ada buat Tuan Yang di-Pertua Cuma pengerusi baru ini dia kena sambung. Buah rambutan kita hantar ke London. Orang putih mana pernah makan buah bulu di luar, semua ini kita hantar ke London. *Starfruit* kita hantar South Africa. Sekarang China...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila Yang Berhormat Arau bangun Yang Berhormat terpaksa duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya duduk.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Duduk. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini kena jawab ini.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Susah sungguh hendak suruh dia duduk. Tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak boleh dilarikan. Negara ini negara pertanian, tidak akan kita hendak buat sebaliknya. Tentang FAMA pula mungkin sudah buat sudah lama pasaran buah-buahan kita ke luar negara. Tapi saya rasa boleh buat lagi elok daripada itu.

Sebenarnya pasaran untuk buah-buahan yang saya sebut tadi itu tergantung kepada kita sendiri. Kita yang mesti membuka pasarannya. Kita yang mesti menerokai pasaran baru dan *create a demand* dengan izin untuk buah-buahan kita. Kadangkala kita ada pasaran daripada negara China misalnya tetapi tiada ruang kargo dengan penerbangan Malaysia. MAS mesti ambil tindakan yang sewajarnya tentang ini kerana keuntungan bukan hanya hasil daripada penumpang sahaja tetapi daripada kargonya juga.

Contohnya, Singapore Airlines menggunakan Boeing 777 untuk penerbangan jarak pendek juga antara Singapore dan Kuala Lumpur. Kenapa? Untuk mengisi ruang kargo, di sini kita rugi kerana kita tidak buat sedemikian. Pihak lembaga Pengarah MAS perlu buat satu siasatan atau *viability* untuk mempromosikan buah-buahan Malaysia kepada seluruh dunia dan dengan sendirinya menolong petani-petani kita dengan mengisi ruang-ruang kargo yang sukar sekali untuk kita hendak dapat kononnya selalu penuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Kita dok dengar Arau dengan Kedah bertani, Kelantan ada jarang-jarang tadi, Ketereh, ini Kuala Krai pun tempat pertanian juga. Dan di kawasan Kuala Krai ini ada empat DUN termasuk Dabong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat bagi Arau sentuh perkara yang berkaitan dengan kargo.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya, kargo tetapi saya ke belakang sedikit, maaf Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tidak sempat pasal di Kedah dia selalu bangun, bila dia bangun, dia yang dapat, yang lain tidak dapat, jadi saya ke belakang sedikitlah mengenai dengan pegawai-pegawai pertanian. Oleh sebab kawasan saya ini terlampau jauh yang tiga kali Perlis besarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kapal terbang sudah hendak bergerak ini.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat: Hendak bergerak ya, okey. Jadi kita hendak pegawai-pegawai ini setujukah pandangan Yang Berhormat bagi Arau supaya dapat dipertingkatkan ramai, tidaklah rakyat ini pergi ke Parlimen, bila tanya kita suruh pergi ke pertanian, jawab dia tidak ada layanan, tidak cukup pegawai, tidak tahu mana nak *refer*. Jadi perkara ini sudah ke belakang sedikit tetapi untuk kepentingan rakyat saya terpaksa bangun bangkit dan hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Arau bagaimana untuk hendak mengatasi ini supaya rakyat di luar bandar ini dapat respons daripada pegawai-pegawai. Jadi dia kata tidak dapat jumpa pegawai, tidak tahu siapa hendak jumpa, tidak ada pegawai dan sebagainya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat, itulah apa yang saya kata semua lapisan pegawai-pegawai di dalam Kementerian tak kiralah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ke apa patut pergi turun ke bawah untuk dengan sendirinya boleh rasa apa yang rakyat rasai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, tak boleh bincang lepas ucapan Yang Berhormat bagi Arau?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Di luar dia tutup *handset*, sini masuk saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Suka hati Yang Berhormatlah.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Saya bagi *last* ya. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya terpikat fasal Yang Berhormat Arau kata fasal buah-buah ini, promosi buah-buah. Tetapi adakah kita sedar rakyat kita sendiri sedar, Yang Berhormat atau Yang Berhormat sendiri sedar bahawa kita yang mengecil-ngecilkan buah-buahan kita ini. Kita merendah-rendahkan buah kita ini, mengecil-ngecilkan buah-buah kita ini. [Ketawa] Contohnya kalau buah rambutan, buah dokong, makan - kencing manis, makan buah durian -kolesterol tinggi, makan buah nangka -angin. Jadi habis buah-buah yang kita bawa keluar ini penyakit belaka. Jadi macam mana kita hendak *promote* sedangkan bila *orange from England, it's good, vitamin C*, dengan izin, *apple it's good*, padahal makan buah epal lebih itu dia boleh cirit.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Soalan, soalnya. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi persoalan dia, apakah pihak kementerian pun kena *promote* buah nangka, bukan ada angin, Mak Long ambil, Mak Long tua-tua bubuh dalam TV, ini dalam TV hendak ambil yang muda saja, ambil Mak Long tua-tua bubuh dalam TV makan buah nangka, *no air*. [Ketawa] Macam mana Yang Berhormat?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat, terima kasihlah soalan itu walaupun saya tidak tahu ke arah mana dia sudah pergi ini. [Ketawa] Saya nak sentuh tentang buah kuinin dengan bacang, saya diberitahu bahawa buah-buahan ini tidak ada *demand* ataupun permintaan yang memuaskan kerana berbau kuat dan manggis pula nasibnya sama, tidak ada permintaan yang memuaskan sebagaimana yang sudah saya diberitahu dengan izin, *market development* tergantung pada kita dan saya percaya memang ada pasaran...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Pendek sahaja?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pendek sahaja. Ya, mempromosikan buah-buah kita dalam negara. Tadi, saya dekat luar dengar cerita ini berlari masuk ke dalam Dewan. Jadi promosi kita di luar negara masih tidak mencukupi, bahkan orang kadang-kadang tidak tahu kalau dilihat buah durian dia kata macam landak, *porcupine*, dia kata. Jadi kalau dia tengok buah rambutan dia fikir apa benda itu dan bermacam-macam lagi. Jadi kita kena berpromosi bahkan kita punya *star fruit* orang di luar negara tidak tahu benda ini dimakan atau tidak boleh dimakan ataupun benda hiasan sahaja ke.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita cadangkan kepada pihak FAMA supaya mengadakan satu ekspo dan kita jemput orang ramai-ramai makan di tiap-tiap tempat, tiap-tiap bandar, kita pergi ke Shanghai, kita bawa semua buah-buahan tempatan kita dan kita jemput orang ramai-ramai, orang pedagang ini buat makan di sana. Kita bawa ke *Europe*, bawa ke mana-manalah, semua kita bawa jemput orang makan ramai-ramai dan buah ini naik kapal terbang, naik belon pergi ke negeri-negeri tersebut. Macam mana?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, memang saya setuju, biar mereka pun rasa kalau angin ada, biar *air* pun ada.

Saya percaya memang ada pasaran untuk buah-buahan busuk ini dan manggis kita. [Ketawa] Ya, buah-buahan macam kuinin dan bacang. Dengan adanya pasaran barulah petani-petani akan tanam lebih banyak pokok-pokok ini yang hampir pupus. Jagalah pokok-pokok ini yang kononnya tiada pasaran, takut suatu hari petani akan tebang habis pokok ini dan pupuslah pokok manggis, bacang, kuinin dan pokok-pokok sebegini.

Atas taju tenaga, dengan harga minyak mentah *fossil* meningkat daripada USD40 setong ke USD65 setong dan Morgan Stanley pernah memberi ramalan bahawa harga minyak mentah ini boleh sampai ke lingkungan USD120 setong, apa akan jadi kepada negara kita dan negara-negara jiran kita? Kita tidak mahu apabila harga minyak naik dan kegawatan pun akan berikutan, kita boleh mengalami keadaan yang tidak tenteram di kawasan ASEAN. Walaupun harga minyak kita lebih murah daripada jiran-jiran kita, kita mesti cari jalan untuk menolong diri kita dan juga jiran-jiran kita supaya kawasan ini sentiasa dalam keadaan aman dan damai.

Kita sudah lama meninjau kaedah-kaedah alternatif untuk bahan tenaga sebagai *solar energy* menggunakan angin, *hydro power* ataupun mini hidro dan lain-lain termasuklah menggunakan minyak sawit untuk membuat *biodiesel*, syabas saya katakan. Tetapi kita juga perlu meninjau tanaman-tanaman lain yang boleh digunakan untuk membuat *biodiesel* seperti daripada pokok jarak atau dalam *scientific* namanya, *jatropha curcas* dan pokok getah. Produk-produk daripada pokok jarak ini sudah lama petani-petani kita di kampung sudah guna tetapi bukan dengan cara komersial.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Pokok jarak? [Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Minyak, minyak. Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau, saya mengikuti ucapan Yang Berhormat daripada awal sampai sekarang. Saya dok tunggu harga minyak tetapi sebelum pergi kepada jarak ya. Harga minyak naik, saya hendak sampaikan melalui Yang Berhormat bagi Arau kepada Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, dan Menteri saya rasa ada di luar.

Dengan naiknya harga diesel ini, Yang Berhormat bagi Arau, kawasan saya sekarang sedang mengetam padi. Kos untuk tenggala sudah naik, dulu RM100 satu ekar, sekarang sudah jadi RM130. Kos untuk mengetam padi dulu RM7 satu guni, sekarang sudah jadi RM9 satu guni, satu ekar 20 guni maknanya naik RM20. Jadi petani atas tenggala dan mengetam sahaja, petani telah terpaksa berbelanja lebih sebanyak RM50, RM30 untuk tenggala.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketereh...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak maklumkan lagi dua minit saya akan minta Yang Berhormat bagi Arau...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak apa, tidak apa, ini untuk rakyat, untuk rakyat. Jadi yang saya hendak minta, apakah cadangan Yang Berhormat bagi Arau, penyelesaian untuk memastikan bahawa dalam bajet ini ada untuk petani. Ini tidak ada untuk petani ini, harga minyak naik, petani merana tetapi petani hendak dengar apa dia untuk mereka, apa kaedahnya, bagaimana hendak mengurangkan kos tenggala, hendak mengurangkan kos mengetam dan kos-kos lain supaya duit yang dibawa balik oleh petani itu tidak kurang dan tidak susut. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat Ketereh, cara nak mengurangkan kos-kos untuk petani ialah menggunakan teknik-teknik moden, mungkin kita boleh guna mesin-mesin, supaya tenaga upah itu kita kurangkan, memulihkan tanah supaya baja-baja yang kita guna itu boleh di jimat dan kita guna lebih kurang kewangan tentang baja-baja dan hasilnya meningkat. Itulah caranya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan tenaga pakar-pakar dari universiti-universiti kita boleh mengkaji dengan teliti tentang tenaga dari air pasang surut (*tidal power*) yang semula jadi pada tiap-tiap hari, dua kali sehari. Ini adalah satu tenaga yang perlu dikaji jika boleh di bendung untuk kegunaan jana kuasa tenaga.

Atas pendidikan penyediaan sumber manusia (*human capital*) dengan izin adalah mustahak untuk semua negara. Jadi kita mesti ada sumber manusia yang industri perlukan bukan hanya sumbernya sahaja, dengan izin '*training must be programmed in such a way as to be easily absorb into the work force and must be what the industry want*'.

Di sekolah dan di universiti pun, kurikulum-kurikulum perlu sentiasa dikaji untuk kehendak, kesesuaian industri. Kita tidak mahu satu produk yang bernama graduan ini sebagai satu robot, hanya boleh menghafal tetapi tidak boleh menganalisis keadaan semasa. Kita mahu seorang graduan yang boleh berfikir, merancang dan boleh melaksanakan pelan-pelan itu. Adakah kita terbabas di mana-mana sehingga produk universiti ini tidak boleh hidup dengan secara berdikari.

Jarang sekali bila saya menjadi seorang pelajar dahulu, dan saya percaya sekarang pun, di luar negara jarang sekali ada kelas-kelas pada jam lapan, sembilan atau sepuluh malam, kita masih lagi ada. Kenapa? Macam mana kita hendak tengok anak-anak kita aktif dan *alert* atau cergas pada esok hari, malam ini juga mesti habiskan *assignments*. Jika tidak cergas, pelajar itu akan menjadi lembap. Kita hanya suap mereka dengan informasi-informasi, boleh faham atau tidak itu bab lain pula. Dengan itu *syllabus* dan kurikulum kita perlu diubah suai untuk mengeluarkan produk yang lebih membangunkan negara dan bukan robot berjalan.

Saya bagi pihak Kesatuan Ragbi Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri dan warga Kementerian Belia dan Sukan atas sokongan yang telah diberi kepada kami dan kepada sukan-sukan lain. Tetapi kami percaya bahawa kecemerlangan sukan-sukan boleh lebih berjaya sekiranya sokongan moral dan kewangan boleh didapati daripada sektor korporat juga. Terimalah kami sebagai anak angkat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya difahamkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah beri jalan lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya difahamkan Yang Berhormat, Presiden Ragbi Malaysia. Boleh Yang Berhormat beritahu atau tidak Yang Berhormat bagi Larut, dia Naib Presiden Bola Sepak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, dia tak bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia bagi. Itu cuma fesyen dia. Dia bagi pun dia berdiri tu. Jadi saya nak tau, Pasukan Ragbi Malaysia ni, di Malaysia *ranking* ke berapa, di dunia *ranking* ke berapa. [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Yang Berhormat Jerai, pasukan Ragbi Malaysia di Malaysia nombor satu.. [Ketawa] di dunia yang dilaporkan daripada 250, Malaysia adalah *ranking* 73. Kira baguslah tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takziahlah. Yang Berhormat bagi Arau, saya nak minta penjelasan sedikit. Saya tidak berapa setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Arau yang mengatakan kalau diberi sokongan moral, wang ringgit oleh korporat, sukan itu boleh maju. Bola Sepak betapa, betapa disogokkan, dibantu, ditolong oleh macam-macam pihak tetapi mutu bola sepak tidak juga naik. Tidak tahulah kalau jenis sukan yang lain, seperti ragbi agaknya, mungkin badminton, sepak takraw boleh naik, tapi bola sepak jelas, apa yang Yang Berhormat bagi Arau katakan itu, tidak mencapai

matlamat. Apa sebabnya, cuba kalau Yang Berhormat bagi Arau dapat buat sedikit penjelasan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya tidak mahu masuk campur peperangan di antara Sri Gading dengan Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit saya minta penjelasan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Nanti-nanti dulu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini fasal Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak bagi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia ada bagi. Yang Berhormat sebut tadi Kementerian Belia dan Sukan telah membantu badan-badan sukan, saya nak tanya ragbi dapat berapa Yang Berhormat? Sebab, Yang Berhormat bagi Sri Gading ni rupanya bukan saja "pegang" Takraw, dia juga Presiden Badminton Melayu Johor. Dua dia pegang, dua-dua merudum. Minta penjelasan Yang Berhormat sedikit.

Saya bercakap ini berdasarkan fakta, bukan saja reka-reka. Jadi apakah Persatuan Badminton Melayu ini juga perlu dibantu kalau itu menyebabkan merudum. Tetapi saya ingat sampai dua pegang ni melampau, Yang Berhormat. Minta sedikit pandangan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Arau, tak payah bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Ya, baik, terima kasih. Saya ingat jawapan itu memang di antara dia orang berdua saja, kita biarkanlah.

Jadi saya sambungkan, [Ketawa] adakah kerajaan sedar bahawa sukan ragbi dimainkan oleh banyak sekolah-sekolah sekarang dan oleh hampir semua sekolah berasrama penuh dan semua universiti. Kerajaan pun patut sedar bahawa sukan ragbi adalah satu sukan yang membina akhlak yang positif, misalnya di sekolah yang kurang disiplin, apabila tertubuhnya sukan ragbi, maka masalah disiplin pun berkurangan. Di sini pelajar akan menghadapi satu pelajaran untuk bekerjasama dalam keadaan yang rumit dan mengalami semangat *comradeship* dengan izin.

Malangnya kita di Kesatuan Ragbi Malaysia dan saya percaya kesatuan-kesatuan lain pun sama, di mana sokongan daripada sektor korporat tidak menggalakkan di mana jika seseorang kakitangan syarikat tidak di luluskan cuti untuk mewakili negara Malaysia yang kami semua cintai. Soalnya, kenapa seseorang itu yang dipilih untuk mewakili negara tidak dapat cuti tanpa rekod, ini mewakili negara bukan mewakili *state* atau pun *estate*, ini negara. Kalau kita tidak dapat sokongan atlet-atlet.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Arau, Ketereh bangun. Masa Arau pun dah habis,

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ragbi, ragbi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Arau, lepas ini kena gulung.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail: Baru berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa, bagi dia jalan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Yang Berhormat sebut ragbi, saya pun main ragbi. Bekas pemain ragbi, peminat ragbi. Baru-baru ini Kelantan jadi johan ragbi tanpa membawa pemain luar, itu yang saya nak

sebut. Tanpa ada sokongan daripada pemain profesional luar, orang Kelantan boleh jadi johan ragbi. Kalau nak bandingkan dengan Selangor, nak bandingkan dengan bola yang bawa orang luar pun tak menang. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, maksudnya orang Malaysia ini sebenarnya boleh, kalau kita betul-betul latih. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Saya percaya kalau sokongan dan dorongan yang diberi oleh jurulatih dan peminat-peminat, saya percaya kita boleh menjadi satu pasukan yang kuat tanpa pemain-pemain daripada luar negara. Terima kasih dan tahniah kepada Kelantan.

Sebagai sokongan kepada ragbi, Kerajaan Singapura melabur 2 juta dollar Singapura dalam sukan ragbi bukan kerana Singapura boleh tewaskan New Zealand All Black tetapi untuk membuat Singapura sebagai destinasi sukan ragbi di rantau ini. Sukan ragbi juga mendapat sokongan hebat daripada sektor korporat di Singapura. Malaysia pernah menjadi tuan rumah kepada sukan ragbi anjuran International Ragbi Board (IRB). Jadi, tidak mustahil kiranya kita mempromosikan World Ragbi Event di Malaysia sekali lagi.

Sudah lama sukan ragbi ada di Malaysia dan sehingga ke hari ini kesatuan ragbi belum lagi ada satu padang khas untuk ragbi, belum lagi Kesatuan Ragbi Malaysia ada satu tempat yang kami boleh kata inilah stadium ragbinya dan muzium ragbinya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan sedikit Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Arau, masa Yang Berhormat Arau sudah habis.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Kalau jelas dia boleh sambung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat, hendak bagi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Pasal ragbi ini Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Dekat hendak habis sudah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Sekolah-sekolah dan universiti-universiti mesti dilengkapi dengan alat-alat asas ini dengan jumlah padang-padang yang cukup. Saya sudah pergi ke sebuah sekolah bestari Sekolah Alam Shah di Putrajaya, sekolah ini melahirkan banyak atlet-atlet yang cemerlang dalam bidang sukan dan pelajaran tetapi sekolah ini hanya ada satu padang sahaja untuk 850 pelajar. Di situ hoki lah di main, di situ bola sepak di main dan di situ lah ragbi dimainkan dan sukan-sukan lain pun di situ sehingga rupa padang itu macam kepala saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang lain tidak payah kacaualah, dia sudah hendak habis itu.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Macam mana kita hendak lahirkan banyak lagi para atlet pada masa depan sekiranya keadaan sebegini pun sama pada sekolah-sekolah lain. Saya mengesyorkan bahawa Sekolah Alam Shah, sekolah bestari ini diberi tanah lagi untuk membina padang-padang sukan yang cukup untuk pelajar-pelajar yang berasrama penuh ini. Sama juga pada sekolah-sekolah lain mahu pun di bandar ataupun di desa.

Tentang Kementerian Luar Negara, imej kita cukup mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, macam baru hendak mula berucap.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tidak, tidak, tidak dia topik baru, topik baru minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila gulung.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ini Tuan Yang di-Pertua, kacau ini kena tambah sedikitlah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tentang Kementerian Luar Negara, imej kita cukup mustahak. Tindak laku duta-duta kita pun mustahak, sama juga kenderaan yang digunakan, pastikanlah bahawa jenis dan *condition* keadaan kenderaan itu melambangkan imej Malaysia. Tidakkah kita boleh hantar Proton Perdana sebagai kenderaan *back up* ataupun kenderaan utama kita, malu kita bila kereta ataupun kenderaan duta kita jem di tengah jalan pernah pun berlaku.

Sama juga pada Syarikat Penerbangan Malaysia (*Malaysian Airline System*) iaitu kita patut berasa bangga kepada MAS walaupun kita menghadapi kerugian hanya sebanyak RM280 juta, bangga kerana layanan dalam kabin kita sudah dapat banyak kali anugerah-anugerah sama dengan kedudukan kedutaan-kedutaan kita, MAS pun main peranannya oleh kerana pejabat-pejabat MAS di negara-negara luar bersama dengan pegawai-pegawai MAS kita yang ada di stesen-stesen MAS di luar negara. Mahu tidak mahu menjadi ambasadur Malaysia di mana-mana yang kita ada pejabat MAS.

MAS telah diwujudkan selama 33 tahun, saya pasti kita pun sudah ada pegawai-pegawai yang mencukupi untuk menjadi *manager* atau *Area Manager* MAS di stesen-stesen kita di luar negara dan tidak perlu kita melantik warganegara lain untuk menjadi *Area Manager* MAS di mana-mana.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Saya ingin tahu, adakah benar MAS akan mengambil seorang wanita warganegara dari Kanada untuk menjadi *Area Manager* MAS di Bangkok. Beliau adalah seorang *sales manager* sahaja di Toronto sebagai *off-line station* dengan tiga kakitangan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin bangun, tetapi masa Yang Berhormat saya suruh gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tak mahu kasi kah Yang Berhormat?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tidak apalah bagi saya gulung...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sebelum gulung?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tidak, gulung saya ini di samping hendak panjang ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tabek, tabek. Toronto adalah satu *off-line station* di mana kecil dengan tiga pegawai sahaja, walhal Bangkok adalah satu stesen yang besar dan sibuk dengan lebih kakitangan dan *department* atau bahagian-bahagiannya. Tidakkah kita ada orang Malaysia yang lebih berpengalaman daripada wanita ini yang berwarganegara Kanada untuk menjadi *Area Manager* MAS yang tidak secara langsungnya menjadi wakil kita, menjadi ambasadur kita di Bangkok, lekeh sangatkah kita ini?

Kalau kita tidak ada pegawai warganegara Malaysia untuk menjadi *Area Manager* MAS di Bangkok atau di mana-mana, bila MAS sendiri berumur 33 tahun maka kita sebagai penebangan Nasional sudah gagal untuk melahirkan seorang anak Malaysia jati untuk menerajui pejabat kita di luar negara, malu saya dan malu Malaysia. Tahu atau tidak apabila selepas tugasnya di Bangkok selama tiga ke lima tahun sebagai *Area Manager* dia akan dipindah ke tempat lain sebagai *Area Manager* juga. Bersama dengan itu kita terpaksa pula mengambil seorang lagi warganegara Kanada untuk menjaga kawasan Kanada di Toronto. Ini akan merugikan MAS dan juga akan menghalang peluang untuk warganegara Malaysia yang sudah ada pengalaman.

Kenapa perkara ini terjadi? Kita tidak ada orang Malaysiakah? Orang Kanada ini akan dibayar gaji dengan *rate* Kanada yang lebih tinggi daripada pegawai Malaysia. Sudah pun kita menghadapi kerugian, kita akan tambah lagi masalah ini, mengikut undang-undang Kanada umur persaraan di Kanada adalah pada umur 65 tahun, jadi orang yang berumur 46 tahun ini sekarang akan berkhidmat dengan MAS selama 19 tahun lagi, apa kita hendak buat? Sama dengan kedutaan-kedutaan kita, kita mesti ada orang Malaysia sebagai duta kita kalau tidak malu kita.

Orang yang tahu tentang negara kita sejarah kita, adat resam kita, undang-undang kita, polisi kita, istiadat kita dan tidak lupa kerajaan dan Parlimen kita. Sama juga dengan *manager* tambah sekali *Area Manager* MAS kita di rata-rata negara, inilah lambang Malaysia, inilah maruah Malaysia. Carilah orang warganegara Malaysia yang memang sudah ada pengalaman, yang mencukupi untuk mengibarkan bendera Malaysia dan maruah Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada sekolah sukan yang ditadbir bawah Kementerian Pelajaran dan di mana sudah ada satu prestasi yang baik, dengan cara ini juga tidakkah kita dari kerajaan atau kementerian yang berkenaan ingin mengadakan satu sekolah khas, sekolah seni, sekolah seni untuk belajar muzik asli atau moden, tarian-tarian asli atau moden, lakonan teater dan sebagainya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Arau menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

12.18 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan baru-baru ini iaitu Belanjawan 2006. Saya akan khusus dua tajuk, pertamanya berkenaan dengan IPTS.

Pagi tadi kita telah mendengar jawapan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan kedudukan IPTS dan saya tidak berkesempatan untuk membuat pertanyaan tambahan dan kita telah mendengar sebentar tadi beliau menyebut sebanyak 564 bilangan IPTS yang ada di seluruh Malaysia ini dan masih ada 26 IPTS yang bertaraf universiti dan yang lain-lainnya 538 lain itu yang tidak bertaraf universiti. Persoalan di hadapan kita sekarang ini ialah IPTS bumiputera yang hidup ialah masih sebanyak 30 buah, manakala 123 sudah pun ditutup ataupun sudah mati berkubur. Kita tengok IPTS bumiputera semakin tersepit sekarang ini ekoran daripada kekurangan pelajar apabila hanya 500 daripada pelajar yang berdaftar bagi mengisi 10 ribu tempat ditawarkan untuk sesi pengambilan bagi tahun ini.

Berdasarkan kepada maklumat balas daripada sebahagian daripada 90 IPTS bumiputera yang aktif di seluruh negara kita dapati rata-rata daripada mereka ini hanya memperoleh antara 6 hingga 25 orang sahaja pelajar dalam sesi pengambilan bagi bulan Julai baru-baru ini.

Ini adalah kesan daripada penarikan balik pinjaman MARA dan PTPTN yang diisytiharkan baru-baru ini. Contohnya Kolej Teknologi Timur yang sudah mendapat pengesahan bagi mengisi 200 tempat, bagi program matrikulasi sebelum ini. Tiba-tiba hanya diisi 24 orang sahaja pada pendaftaran baru-baru ini, ini terbukti apabila pihak MARA dan PTPTN tidak lagi memberi pinjaman kepada mereka ini.

Kedua ialah ketidakmampuan Lembaga Akreditasi Negara, ataupun LAN untuk memantau setiap program di semua IPTS terbabit, khususnya yang bersaiz kecil. LAN sudah tentu tidak mampu untuk membuat pemantauan berkala dengan lebih berkesan sama ada program yang dijalankan oleh setiap IPTS mengikut kriteria yang ditetapkan atau sebaliknya jika jumlahnya terlalu banyak seperti apa yang diisytiharkan sebentar tadi oleh

Menteri. Mungkin pada pemeriksaan pertama, LAN akan menerima laporan yang benar-benar lengkap atau mengikut syarat.

Namun keadaan berlaku sebaliknya selepas tiga ataupun enam bulan kemudian. Jumlah IPTS yang terlalu banyak menyukarkan pihak LAN untuk membuat pemantauan. Jika IPTS gagal mewakili syarat oleh LAN akhirnya kualiti pendidikan kita juga akan terjejas. Faktor kos operasi di kebanyakan IPTS terlalu bergantung kepada yuran dan keadaan itu telah mengakibatkan ada di antaranya kini dalam keadaan tenat kerana kekurangan pelajar. Apabila berlakunya situasi sedemikian yang akan menjadi mangsa keadaan ialah pelajar yang telah sedia ada. Apabila sesebuah IPTS itu tidak dapat diuruskan dengan baik kerana masalah kewangan, pensyarah atau tenaga pengajar terpaksa berhenti ekoran tidak puas hati terhadap gaji atau sebagainya.

Pensyarah di IPTS terbabit akan bersilih ganti. Apa yang akan berlaku jika mereka sering bertukar pensyarah? Akhirnya nanti para pelajar tidak dapat menumpukan kepada pelajaran dan kemudian mempengaruhi kualiti pengajian. Isu ini akan bertambah meruncing apabila kursus yang diikuti tidak mendapat pengiktirafan daripada pihak LAN, ekoran kelemahan pentadbiran IPTS berkenaan. Akhirnya pelajar-pelajar akan menanggung akibat kerana ia menjejaskan peluang pelajar terbabit mencorak masa hadapan dan masing-masing di dalam alam pekerjaan mereka.

Masalah menjadi lebih kritikal apabila IPTS bumiputera ini merupakan tempat tumpuan pelajar-pelajar bumiputera yang sederhana. Mereka gagal memasuki IPTA dan jauh sekali mampu baik dari segi akademi mahu pun biayai untuk memasuki universiti swasta tajaan GLC itu. Sedangkan IPTS bumiputera sendiri masih hidup segan mati tidak mahu. Dari 123 buah IPTS bumiputera yang telah gulung tikar, manakala 30 lagi tenat kerana mendapati masalah kekurangan pelajar berikutan dengan badan-badan yang saya sebutkan tadi yang tidak memberi kerjasama, khususnya MARA dan PTPTN. Mereka tidak mampu membiayai pelajar-pelajar. Perkara ini bukan sahaja disebutkan oleh pihak akhbar tetapi disebutkan sendiri oleh Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia iaitu Datuk Dr. Ismail Mohd Salleh.

Sebagai contohnya, IPTS di Melaka yang telah tutup, antaranya ialah Institut Sarjana, Institut Pintar, Institut Sinar, Institut Teknologi Temenggung di Pulau dan banyak lagi institut-institut yang berada di Melaka itu telah ditutup. Sekarang ini kita melihat pihak Menteri telah pun menjawab baru-baru ini dalam jawapan bahawa ada 50 IPTS yang pelajarnya bawah daripada 50 orang. Kalau kita lihat di sini, maksud IPTS tersebut, ada di antaranya hanya tinggal 6 orang sahaja, iaitu institut JNL Selangor dan Kolej Unisel Selangor ada 7 orang pelajar.

Kalau kita lihat di sini ada di antara institut IPTS yang masih lagi bergerak tapi pelajar hanya ada 2 orang sahaja iaitu Institusi PBTC Johor, hanya 2 orang sahaja pelajar dan Kolej Brickfields KL ada 5 orang pelajar. Walaupun pelajar hanya ada di antaranya 5, 2 tetapi mereka ini masih lagi bergerak. Jadi, saya minta pihak kerajaan supaya membuat kajian bagaimana IPTS ini boleh bergerak dan boleh berjalan dengan pelajar hanya 2 orang. Berapa guru, berapa yuran yang diperolehi oleh IPTS ini kalau hanya 2 orang murid sahaja yang ada? Jawapan ini oleh Menteri dalam buku jawapan bertulis yang ada di tangan saya.

Tidak guna kita bercakap kedudukan IPTS sekarang ini tenat dan kedudukan IPTS sebahagian besarnya telah ditutup terutama sekali kepunyaan bumiputera tetapi yang dilaporkan kepada kita ini ada 47 IPTS yang berada dalam keadaan yang cukup-cukup membimbangkan dan menunggu masa sahaja untuk diisytiharkan bankrap dan pelajar-pelajar akan pergi ke mana, saya tidak tahulah. Jadi, saya minta pihak kerajaan supaya jangan sahaja bercakap tetapi cuba memantau dengan keadaan yang segera. Jangan cakap, tunggu dari tahun ke tahun lebih satu makin lama makin banyak IPTS yang ditutup, saya tidak mahu yang itu. Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua.

Ada sebuah IPTS yang sekarang ini sudah terhutang sebanyak RM78 ribu, saya tidak mahu menyebut nama IPTS tersebut, barangkali IPTS-IPTS lain ada yang sampai berjuta-juta yang telah berhutang. Ini semua adalah terkena kepada pengusaha-pengusaha IPTS bumiputera yang berada di Malaysia ini. Imej IPTS bumiputera sudah tercemar dan ia memerlukan usaha bagi memberi nafas baru untuk membolehkan ibu bapa

dan pelajar kepada institusi ini. Tambahan pula masalah ini berkaitan juga dengan sistem pembiayaan pendidikan tinggi negara yang dalam keadaan benar-benar terjejas sekarang ini. Kita tengok, tadi Menteri sudah memberi jawapan. Jawapan Menteri tadi memang kalau kita lihat tidak begitu memuaskan kepada kita dan kita tidak yakin dengan usaha-usaha yang akan dijalankan setakat itu boleh memulihkan kembali IPTS-IPTS yang berada dalam keadaan yang tenat, saya sebutkan tadi dan kemungkinan banyak lagi IPTS yang akan gulung tikar.

Seperkara lagi ialah mengapakah IPTS bumiputera ini dikatakan kurang mendapat sambutan? Keadaannya sendiri tidak meyakinkan, kewujudan terlalu banyak IPTS seolah-olah tidak ada satu dasar yang boleh menyekat kemaraan penubuhannya membuat kita sendiri meragui tentang kemampuannya dan masih ada lagi IPTS yang telah pun diluluskan tetapi masih tidak beroperasi. Yang telah beroperasi, makin hari makin banyak yang telah pun mati dan dalam keadaan begitu pun kerajaan masih lagi meluluskan IPTS ini.

Sektor pendidikan tidak mendapat sokongan secara menyeluruh daripada kerajaan seperti sektor lain, sektor pelancongan umpamanya. Sungguhpun boleh dikatakan pihak kerajaan menumpukan demikian rupa pada sektor ini kerana barangkali sektor ini boleh memberi banyak hasil dari segi industri pelancongan. Sektor pendidikan juga tidak sama seperti sektor-sektor yang lain, umpamanya sektor perkilangan dan sebagainya. Di sini kalau kita lihat, saya hendak sebutkan di sini berkenaan dengan IPTS bumiputera yang hidup sekarang ini nampaknya hanya IPTS yang bergantung pada syarikat-syarikat yang ada GLC. Yang lainnya boleh dikatakan keadaan tenat.

Mengikut Prof. Dr. Ismail Mohd Salleh iaitu Presiden, IPTS Bumiputera Malaysia, masalah ini sebenarnya sudah bermula sejak akhir tahun 1990-an lagi. Ia banyak berkait dengan dasar pendidikan yang terlalu berubah-ubah dari masa ke semasa. Naik seorang Menteri ubah yang ini, naik Menteri ini ubah yang itu. Saya masih ingat lagi IPTS ini mula tumbuh apabila Timbalan Perdana Menteri hari ini menjadi Menteri Pendidikan, Menteri Pelajaran pada waktu itu. Pada waktu itulah bermulanya dan berleluasanya sekolah-sekolah persendirian dan universiti-universiti persendirian dan kolej-kolej persendirian ini, diberi kebebasan pada waktu itu. Selepas itu tidak dikawal, walaupun kementerian ini sudah bertukar tetapi masih lagi menteri-menteri yang baru ini tidak mengawal pertumbuhan IPTS ini yang akhirnya kita boleh lihat apa yang berlaku sekarang ini.

Kita lihat sekarang ini, kursus-kursus nampaknya sekarang ini, kalau kita lihat betul-betul, misalnya pada awal tahun 1990-an, kerajaan sendiri meminta beberapa kolej bumiputera menyediakan kursus matrikulasi bagi mengimbangkan pendidikan tinggi awam dan swasta kerana matrikulasi waktu itu tidak cukup. Maka kerajaan memberi galakan dan mencadangkan supaya ada kolej-kolej bumiputera ini mengadakan kursus-kursus itu dengan dibantu oleh kerajaan. Tetapi akhir sekali kita tengok kerajaan sendiri pula - pada peringkat awal kerajaan suruh pihak swasta, mengambil para pelajar untuk matrikulasi.

Kemudian, kerajaan juga telah membanyakkan lagi dan apabila kolej-kolej berkenaan pula dibuka dengan belanja berjuta-juta ringgit, mengadakan kursus-kursus matrikulasi. Kerajaan sendiri pula selepas itu membina kolej matrikulasi dengan pelaburan lebih daripada RM40 juta. Mana hendak pergi pelajar ini? Sudah tentulah pelajar-pelajar ini memilih, "...lebih baik aku masuki matrikulasi yang kerajaan punya daripada aku masuk matrikulasi yang dianjurkan oleh pihak swasta."

Ini adalah salah satu perkara yang dikorbankan oleh kerajaan sendiri. Kerajaan, boleh dikatakan sebagai *double standard*. Sekali suruh, sekali dia buat perbandingan, ataupun dia sendiri berlumba-lumba menyebabkan pihak swasta sendiri menjadi mangsa.

Selepas dua tahun, kebanyakan kolej swasta ini menunjukkan prestasi yang cemerlang, sewaktu diberi peluang ini. Keputusan peperiksaan matrikulasi lebih baik berbanding dengan IPTA waktu itu, IPTS lebih baik. Tetapi selepas itu, kerajaan membina kolej matrikulasi sendiri dengan pelaburan yang lebih banyak, yang menyebabkan program matrikulasi di IPTS itu kemudiannya berhenti, banyak kolej terpaksa tutup. Ini termasuk di Kelantan pun ada juga salah satu kolej matrikulasi yang terpaksa tutup apabila kerajaan sendiri membuka begitu banyak kolej-kolej matrikulasi.

Dalam tahun 2000 pula, kerajaan mengeluarkan dana sebanyak RM150 juta untuk mengendalikan kursus bercorak latihan. Banyak usahawan Melayu dan bukan Melayu membuka pusat tauliah vokasional, ada kira-kira 1,800 buah pada masa itu dan 800 buah daripadanya milik bumiputera. Tetapi setelah berjalan dua tahun, kerajaan memberhentikan peruntukan mengakibatkan 600 buah kolej bumiputera terpaksa gulung tikar dan berdepan dengan tindakan mahkamah kerana hutang mereka itu terlalu banyak sewaktu membiayai kolej tersebut.

Pada masa yang sama, kita lihat pula keadaan yang sama. Beberapa institusi pengajian tinggi swasta IPTS ini dikesan mengambil sikap sambil lewa terhadap *standard* pengajian mata pelajaran wajib yang melibatkan mata pelajaran pengajian bahasa Malaysia, pengajian moral, pengajian Islam, dan bahasa Melayu. Ini mata pelajaran wajib, walaupun di IPTS yang telah ditetapkan oleh kerajaan sewaktu meluluskan IPTS tersebut. Mengikut Pengerusi Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Datuk Dr. Mohamed Sulaiman, mereka berkata, hanya setelah kegagalan melaksanakan standard yang pertama sahaja, barulah IPTS terbabit menunjukkan kesungguhan untuk mendapatkan standard yang digariskan oleh LAN. Maknanya, di peringkat awal, mereka ini tidak mengambil kira empat mata pelajaran yang diwajibkan oleh pihak kementerian ini. Kita tengok apa yang dikatakan oleh Datuk Dr. Sulaiman ini, Datuk Dr. Sulaiman mengatakan pada masa ini ada 40 program IPTS tidak memenuhi *standard* minimum pengajaran mata pelajaran wajib itu iaitu mata pelajaran yang saya sebutkan tadi, bahasa Malaysia, moral dan pengajian Islam.

Apakah tindakan yang perlu dibuat oleh kementerian selepas ini apabila LAN sendiri mengakui mereka ini tidak mematuhi *standard* minimum yang telah diberikan oleh pihak LAN ini, maka LAN sendiri barang kali tidak mengambil tindakan tegas, apakah pula pihak kerajaan sendiri pun melihat sahaja perkara ini, serah bulat-bulat kepada LAN. Walaupun saya sebutkan peringkat awal tadi seperti mana LAN tidak mampu oleh kerana IPTS begitu banyak tumbuh menyebabkan pegawai-pegawai dan kakitangan mereka ini tidak cukup untuk memantau *standard* minimum yang telah diberikan oleh pihak kementerian sewaktu mula tercapai ini.

Kita lihat apa yang berlaku sekarang ini di IPTS. Saya melihat pada tahun ini sahaja, kita lihat IPTS yang dimiliki oleh syarikat-syarikat yang boleh dikatakan *backing* dia kuat, ialah GLC ini seperti UNITEN, dan sebagainya, yang itu, yang lain-lain tidak. Tapi kalau kita lihat bukan bumiputera (*non* bumiputera), seperti kita tengok IPTS di Sunway Lagoon, umpamanya. Sunway Lagoon ini walaupun yuran pengajiannya tinggi tetapi ia mendapat sambutan hebat daripada kalangan rakyat, daripada kalangan pelajar-pelajar, sama ada bumiputera ataupun *non* bumiputera oleh kerana dua, tiga perkara.

Pertama sekali, kita lihat ialah, mereka ini mempunyai latar belakang yang kukuh dari segi ekonominya, ada orang belakang *support* mereka ini, maknanya ada, *backingnya* kuat. Yang kedua, saya dimaklumkan bahawa ada skandal berlaku dalam PTPTN. Kalau tak betul minta menteri beri jawapan dan kalau betul minta menteri supaya siasat. Saya dimaklumkan IPTS seperti ini, IPTS yang sebesar ini sanggup menggunakan satu kaedah kepada pelajar-pelajar, di mana setiap pelajar yang belajar di IPTS tersebut, di kolej tersebut, diberi jaminan untuk mendapatkan pinjaman melalui PTPTN dengan syarat RM1,000 hendaklah ditolak untuk membiayai proses untuk mendapat pinjaman tersebut.

RM1,000 ini, saya tidak mengatakan semuanya diberi kepada kakitangan atau pegawai yang berada di dalam PTPTN, saya tidak kata. Kemungkinan nak juga bahagi dua kepada kakitangan berada di kolej tersebut, dan sebahagiannya diberi kepada kakitangan berada dalam PTPTN. Oleh sebab itulah lebih daripada 90% pelajar-pelajar yang berada di kolej yang saya sebutkan tadi mendapat pinjaman daripada PTPTN. Ataupun kolej-kolej yang kecil-kecil, terutama sekali bumiputera yang tidak ada kaitan, tidak ada orang dalam, tidak pandai bermain kayu tiga, tidak pandai memberi sesuatu kepada pegawai dan kakitangan dalam PTPTN, mereka ini tidak mendapat apa-apa pinjaman. Pinjaman ditolak dengan pelbagai syarat dan pelbagai alasan. Boleh dikatakan payah untuk mendapat yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Luahan tadi amat berat bagi diri saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, adakah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bercadang untuk membuat laporan polis tentang perkara ini supaya disiasat sebab ia melibatkan satu wang rakyat yang begitu penting bagi para pelajar sekarang. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Perkara ini akan saya lanjutkan apabila pihak menteri akan memberi jawapan. Saya akan melihat menteri itu, bagaimana menteri memberi jawapan. Kalau menteri beri jawapan puas hati saya, barang kali berhenti setakat itu. Kalau jawapan menteri akan datang ini tidak memuaskan hati saya, maka perkara ini akan berlanjutan. Saya tak mahu supaya PTPTN menjadi mangsa hasil daripada skandal yang berlaku oleh kolej tersebut. Saya tak mahu. Perkara ini saya mahu lihat dulu, bukan maknanya saya mesti terus membuat laporan kerana Pengarah saya ada dalam Dewan ini.

Saya mahu buat laporan di Balai Polis Brickfields terhadap Perdana Menteri yang bercakap biadap terhadap Islam, saya sendiri buat laporan, tetapi tidak ada siasat apa-apa. Walau pun saya berada di balai polis satu jam lebih di *interrogate* oleh pihak polis, tapi tak dapat apa jawapan. Maknanya laporan polis tidak bermakna bagi saya tetapi jawapan menteri itu menjadi satu perkara yang lebih baik daripada laporan polis. Baik, kita lihat itu. Dalam IPTS sendiri juga, memang ada berlaku perkara-perkara yang tidak elok ataupun berlaku juga kesalahan yang boleh kita sebutkan di sini.

Sebanyak 46 institusi ataupun sebanyak 46 IPTS dikesan beroperasi tanpa kelulusan kerajaan sejak tahun 2000 sehingga Mei lalu. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Dato' Fu Ah Kiow berkata IPTS terbabit dikesan beroperasi di 10 bandar utama dan 11 bandar kecil di seluruh negara. Saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri daripada apa yang disebut ini, sekarang ini pada Parlimen kali ini adakah telah bertindak tegas terhadap IPTS yang disebutkan tadi. Kalau hanya sebut sahaja, tetapi tidak bertindak, amat malang bagi kita sebagai rakyat Malaysia ini.

Pada waktu itu Menteri menyebutkan Lembah Klang paling ramai sekali. Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh, Kuantan, Seremban, Melaka, Kota Kinabalu, Kota Bharu, Kuching dan Pulau Pinang dan termasuk bandar-bandar kecil. Menteri itu telah sebut bandar-bandar kecil seperti Taiping, Temerloh, Manjung, Jitra, Sandakan, Labuan, Tuaran, Tawau, Kulim dan Butterworth. Jadi, ini saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri hasil daripada jawapan menteri baru-baru ini. Saya nak tahulah sama ada perkara ini bertindak atau tidak. Kalau tidak bertindak, amat malang sekali lagi.

Kita lihat juga pihak menteri baru-baru ini telah mendedahkan di mana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah ditipu oleh sebelas institut pengajian tinggi ataupun sebelas IPTS. Saya ingin tahu sejauh manakah sebelas IPTS tersebut telah diambil tindakan oleh pihak kerajaan dan apa kesan kepada IPTS tersebut. Juga, apakah boleh pulang balik wang-wang yang ditipu oleh IPTS tersebut? Ingin saya sebutkan di sini ialah isu penggabungan IPTS seperti mana yang disebut oleh pihak Timbalan Menteri sebentar tadi.

Sebanyak 15 institusi pengajian tinggi ataupun IPTS ini yang telah bersetuju pada dasarnya untuk menganggotai sebuah konsortium bagi mengelakkan mereka daripada gulung tikar ekoran daripada kekurangan pelajar tersebut. Presiden Yayasan Kajian Dan Strategik Melayu Datuk Dr. Mohd. Radzi Abdul Latif berkata pihaknya serta persatuan IPTS bumiputera telah mula membincangkan perkataan tersebut dengan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) pada 10 Mei yang lalu dan hasilnya nampak reaksinya, positif.

Akhir sekali, perkara ini telah dihadiri sendiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh dalam perjumpaan tersebut. Saya ingin mendapat kepastian daripada mereka ini, apakah 30,000 pelajar yang bakal belajar di IPTS dalam kumpulan gabungan atau konsortium itu telah mendapat tempat yang baik dan telah dapat diselesaikan.

Saya hendak beritahu sekali lagi ialah sebab-sebab pinjaman pelajar-pelajar IPTS yang tidak mendapat pinjaman sebab-sebab yang tidak dapat meneruskan pengajian ini kerana tidak dapat pinjaman. Ada kira-kira 70,000 peminjam tabung Majlis Amanah Rakyat (MARA) masih belum menjelaskan hutang mereka yang membabitkan kira-kira RM244 juta hutang pinjaman itu yang belum diselesaikan dengan kos pengajian mereka itulah dan kita lihat MARA telah pun berusaha untuk mendapatkan balik pinjaman tersebut dan saya ingin tahu sejauh manakah pinjaman daripada mereka ini telah dapat dikumpulkan balik dan saiznya saya rasa tidak begitu besar yang diperolehi oleh mereka ini.

Saya hendak tahu, kalau perkara ini berkesan, apakah pihak kerajaan akan meneruskan lagi seperti mana MARA ini, maka PTPTN juga perlu mendedahkan perkara ini, bukan sahaja mendedahkan nama-nama pelajar yang tidak membayar dan daripada institusi manakah ataupun IPTA manakah pelajar tersebut yang boleh kita uruskan sendiri tentang pelajar yang tidak bayar hutang dan juga IPTS yang menaja pelajaran tersebut.

Kita tengok masalah pelajar sekarang ini. Timbalan Perdana Menteri kita, orang yang memulakan, mencetuskan, membuka ruang begitu luas kepada penubuhan IPTS ini iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak ini. Beliau menasihatkan 100,000 pelajar yang gagal mendapat di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) agar menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Itu nasihat beliau. Beliau mengatakan dan meminta supaya mereka mencari alternatif untuk membiayai pengajian mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pinjaman daripada kerajaan. Ini satu nasihat yang bagus supaya cari duit sendiri, supaya jangan bergantung kepada pinjaman kerajaan. Ini nasihat seorang Timbalan Perdana Menteri.

Beliau juga meminta supaya mereka yang tidak berjaya memasuki IPTS ini tidak putus asa, sebaliknya berusaha untuk menyambung pelajaran ke IPTS dan sekiranya tidak mendapat pinjaman daripada kerajaan dan badan-badan lain, pelajar perlu mencari alternatif seperti bekerja sambil belajar ataupun mengikuti pendidikan jarak jauh, katanya hanya 19,000 daripada 130,000 pelajar berjaya mendapat tempat di IPTA bagi kemasukan tahun ini.

Ini ucapan Timbalan Perdana Menteri kita dan saya meminta penjelasan sama ada menteri mana akan jawab, supaya apakah seruan itu telah dilaksanakan, telah dipatuhi dan disambut oleh pihak pelajar-pelajar atau seruan seperti itu tidak diambil kira sedikit pun oleh pelajar-pelajar kita kerana dianggap seruan seperti itu tidak sepatutnya disebutkan oleh orang yang berkuasa di tanah air. Tetapi sepatutnya disebutkan seperti parti pembangkang, sesuaialah disebut sebegitu kerana tidak ada kuasa. Tetapi kalau kerajaan sendiri, soal kerajaan tidak mampu lagi untuk membantu pelajar-pelajar yang gagal masuk IPTA ini, saya rasa amat malang jugalah kepada pelajar-pelajar kita.

Hampir 120,000 pelajar pintar Melayu yang gagal dan tercicir ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tahun ini. Walaupun syarat-syarat mereka itu sudah cukup dijangka berdepan dengan situasi terbiar sudah cukup, tetapi mereka ini terpaksa berhadapan dengan keadaan yang tidak disetujui atau tidak disukai oleh masyarakat kerana mereka mungkin akan menjadi penganggur, akan terbiar dan tidak mengetahui hala tuju ke mana akan pergi.

Malah harapan untuk melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pula terkubur apabila Majlis Amanah Rakyat (MARA) membuat keputusan drastik untuk tidak lagi memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar di institusi tersebut. Ini malang lagi. Saya minta Pengerusi MARA yang baru dan menteri yang ada sekarang ini supaya mengkaji kembali perkara ini. Mudah-mudahan orang-orang Melayu khususnya yang berada di IPTS ini tidak akan terhenti pengajian mereka itu, akan diteruskan apabila MARA boleh membuat kajian kembali.

Rata-rata anak-anak bumiputera ini tidak berupaya mengeluarkan wang untuk membiayai pendidikan di IPTS-IPTS tersebut. Senario ini bukan sahaja menyebabkan mereka tersingkir daripada arus perdana pendidikan negara yang semakin berkembang tetapi terpaksa bergelut merebut peluang dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

Kita melihat kajian yang dibuat sekarang ini mendapati 65% daripada 178,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) gagal

mendapat peluang untuk ke IPTA tahun ini. Hasil kajian tersebut, kita lihat maka Unit Pengambilan Universiti (UPU) menunjukkan kumpulan tersebut mempunyai kelayakan yang cukup tetapi gagal untuk melanjutkan pelajaran kerana bilangan tempat yang terhad.

Mengikut Ketua Pengarah tersebut, Dato' Dr. Ibrahim Saidon berkata, keadaan tersebut menyebabkan kumpulan berkenaan terus terasing dalam persaingan pasaran pekerjaan yang semakin terbuka sekarang ini. Lantaran itu katanya, tidak hairanlah jumlah pengangguran yang sering dikaitkan dengan anak-anak muda Melayu terus meningkat saban tahun. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan kerana kajian oleh Institut Kajian Pertumbuhan Ekonomi Melayu Malaysia ini, satu kajian yang teliti, yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung? Saya ada satu fakta lagi. Bagi mengatasi masalah IPTS ini, saya minta supaya pihak kerajaan benar-benar mengambil tindakan drastik terutama sekali bagi membantu IPTS-IPTS yang berada dalam keadaan nazak. Yang telah pun berkubur, saya rasa itu tidak perlu kita fikir panjang. Cuma kita perlu fikir bagaimana mereka itu hendak menyelesaikan ataupun kerajaan melangsaikan hutang-hutang yang mereka tanggung, hasil daripada mereka menjalankan IPTS beberapa tahun sebelum mereka itu gulung tikar.

Akhir sekali ialah saya ingin menyebut kepada pihak menteri sekali lagi berkenaan dengan kedudukan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Saya amat sedih sekali kerana setiap kali Parlimen bersidang, maka setiap kali saya menyebutkan perkara ini. Saya terkejut waktu pembentangan belanjawan tambahan baru-baru ini, sebanyak RM63 juta geran bantuan telah dikeluarkan kepada sekolah agama rakyat (SAR) baru ini.

Cuma saya tidak mendapat kepastian sama ada bantuan RM63 juta waktu bajet tambahan baru-baru ini diberi untuk bantuan modal ataupun per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini. Disebut di situ kepada sekolah agama rakyat yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Saya ingin mendapat kepastian daripada menteri, adakah masih ada lagi sekolah agama rakyat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelajaran atau Kementerian Pendidikan sebelum ini? Saya rasa semuanya telah berdaftar. Jadi kalaulah diberi geran sebanyak RM63 juta itu sahaja, kalau diberi bantuan per kapita, saya rasa telah jauh sangatlah kalau hendak dikira dengan dahulu.

Dahulu pada tahun sebelum daripada kerajaan menarik balik bantuan ini, bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) ini ialah RM228 juta tetapi baru-baru ini kita dapat RM63 juta. Itu pun orang tidak tahu sama ada bantuan modal ataupun per kapita, kita tidak tahu. Kepada sekolah mana yang diberi pun kita tidak mengetahui. Dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini pun, saya melihat tidak ada langsung.

Saya mengharapkan supaya di bawah kepimpinan baru hari inilah, yang belum lagi difitnahkan oleh pihak orang bawah, khususnya orang-orang UMNO yang belum kena fitnah lagi, kerana saya yakin pimpinan dahulu, Perdana Menteri dahulu menarik balik bantuan SAR ini hasil daripada fitnah daripada UMNO kampung yang tidak berpuas hati terhadap perjalanan sekolah-sekolah agama rakyat ini menyebabkan Perdana Menteri mengatakan sekolah agama rakyat tempat latihan militan waktu itu. Munasabahlah Perdana Menteri waktu itu suruh tarik bantuan ini.

Tetapi Perdana Menteri yang ada sekarang ini tidak mudah untuk menerima fitnah-fitnah seperti itu, mereka telah siasat. Dalam masa menjadi Perdana Menteri selama ini tak kan tak siasat lagi kerana kita malu hingga ke hari ini. Sebab itulah saya minta supaya perkara ini kita semak kembali apakah tohmahan-tohmahan dan tuduhan-tuduhan sewaktu Perdana Menteri dahulu itu masih relevan sekarang ini atau tidak. Kalau tidak kita kena bagi kembali kerana kita malu kepada negara-negara lain.

Cuba kita tengok terutama pada masa ini negara England. England dia bagi bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat tidak kira sekolah agama asalkan sekolah rakyat sama ada sekolah agama ataupun sekolah lain. Sekolah agama Islam

sendiri seperti yang ada di Birmingham yang dianjurkan oleh India Muslim. Ia mendapat 1,600 sterling ataupun RM9,000 *per head per year* dia dapat.

Di Thailand sebelum berlaku peristiwa ini, dia mendapat RM140 *per head per year* bagi sekolah-sekolah agama rakyat di Thailand. Kita di Malaysia sebelum ini mendapat bagi sekolah rendah mendapat RM60 *per head per year* dan RM90 *per head per year* bagi sekolah Menengah Rendah dan RM120 *per head per year* bagi Sekolah Menengah Atas.

Kesimpulannya saya minta pihak kerajaan supaya meneruskan kembali bantuan per kapita dan bantuan modal yang telah ditarik balik hasil daripada fitnah yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab kepada Perdana Menteri waktu itu yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran kerajaan Negeri sehingga menyebabkan mangsa kepada mereka yang berada di sekolah Arab ini.

Kesimpulannya saya minta kepada pihak kerajaan jangan sekali-sekali terasa sedih atau terhiris hati apabila kerajaan Thai menekan sekolah-sekolah agama rakyat sekarang ini ataupun melutut sekolah-sekolah agama rakyat sekarang ini kerana mereka itu belajar dari kerajaan Malaysia sebelum pada ini. Kerajaan kita jangan terasa. Jangan kata "apa kerajaan Thailand ini tutup sekolah Arab, tutup pondok.". Sebenarnya kerajaan Malaysia yang mendahului daripada kerajaan Thailand.

Kita harap kepada pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini supaya mereka itu tutup mata tidak usah fikir pasal Thailand kerana kamu sendiri telah melakukan perkara ini lebih daripada beberapa tahun mendahului kerajaan Thailand yang lebih lazim apa yang dilihat oleh rakyat sekarang ini. Sekian, maaf dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Temerloh.

12.52 tgh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai mana juga rakan-rakan yang lain ingin turut serta membahaskan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan pada sesi ini. Saya menganggap Tuan Yang di-Pertua, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini satu bajet yang sederhana dalam usaha untuk menangani keadaan ekonomi dunia yang serba mencabar ketika ini.

Ada elemen berbelanja ataupun *spending* walaupun tidak begitu menyeluruh. Saya ingin memberi beberapa dengan izin *observation* mengenai Bajet 2006 ini. Pertama sekali tentang kadar inflasi negara. Dalam ucapan bajet ini Tuan Yang di-Pertua, disebutkan kadar inflasi negara yang terkawal dan saya juga membaca kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang *incharge* MTEN ini mengatakan keadaan inflasi di negara kita adalah terkawal.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan adakah ini satu kenyataan yang benar ataupun kita tidak mempunyai angka yang tepat kerana kalau mengikut apa yang diberikan atau pun angka yang diberikan, setakat bulan Ogos 2005 kadar inflasi negara sudah meningkat kepada 3.7% dan ini antara yang tertinggi sejak 7 tahun dahulu. Kita sudah hampir mencapai 3.8% sekarang ini inflasi negara dan kadar ini pada ketika harga minyak di bawah USD71 dolar. Pada hari ini harga minyak sudah naik dan saya tidak dapat membayangkan bagaimana kalau harga minyak naik kepada USD100 dolar. Sudah tentu saya ingat keadaan inflasi negara akan menjadi lebih buruk dan kita tidak boleh kata harga minyak sekarang ini tidak boleh naik ke USD100 dolar satu *barrel* kerana pengeluaran minyak dunia pada hari ini hanya sekitar 84 *million barrel* sahaja satu hari. Itu pengeluaran seluruh dunia dan penggunaan seluruh dunia 82 *million barrel* sahaja satu hari. Kita hanya ada *surplus 2 million* sahaja satu hari.

Kalau berlakulah banjir di Venezuela, rakyat di Indonesia atau Katrina baru-baru ini, Rita di Texas sudah tentu 2 *million surplus* ini tidak cukup untuk mengimbangkan permintaan minyak dunia dan harga minyak akan naik. Kalau harga minyak naik macam mana kita boleh kata kita boleh kawal inflasi di negara kita, tidak mungkin.

Hari ini kadar *transport* sahaja sudah naik 7%, telekomunikasi 7% sudah naik. Kerajaan terpaksa naikan harga tembakau dengan *liquor* baru-baru ini kerana kita hendak *cover bajet* deposit ini. Kita tidak dapat tahan. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua kalau sekiranya kos pengangkutan tadi sudah naik 7% ini sejak bulan Ogos 2005. Saya takut kalau kadar inflasi meningkat sehingga kepada 5% dan kadar pertumbuhan ekonomi kita pada tahun lepas 6%. Tahun ini kita jangkakan 5% sahaja, paling-paling tinggi 5.5%. Bagaimana kalau kita tidak boleh capai kadar pertumbuhan ekonomi 5% dan inflasi naik sampai 5% maka akhirnya segala pertumbuhan ekonomi yang sedikit ini akan dengan izin di *wide out* oleh kadar inflasi.

Inilah pertumbuhan ekonomi yang lembap diiringi oleh kadar inflasi yang tinggi akan memberi kesan yang amat buruk kepada negara dan juga kepada masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sebab itu saya bangkitkan soal ini kerana pada saya ini satu daripada dengan izin *observation* yang paling penting. Dalam bajet ini disebut "mengawal kadar inflasi" tetapi dari segi *detail* nya saya tidak nampak ada tindakan untuk mengawal kadar inflasi.

Tidak cukup Tuan Yang di-Pertua kalau kita kata kita tidak naikan kadar cukai pendapatan, kita tidak naikan kadar tol, kita turunkan *road tax*, kita beri bantuan kepada orang tua dan orang miskin. Ini adalah langkah-langkah kebajikan – *is welfare action* ini. Ini tidak cukup untuk membanteras inflasi. Bukan ini caranya. Kita memerlukan langkah pasaran – *a market driven*. Banyak benda kita boleh buat. Kita boleh gunakan langkah fizikal kita. Mengapa tidak kita menilai semula ringgit kita. Ringgit kita Tuan Yang di-Pertua pada hari ini, 5% hingga 6% *under valued* di bawah nilai. Mengapa tidak boleh kita menilai semula ringgit kita. Ringgit yang kukuh akan mengurangkan kos import dan bila import kurang akan mengurangkan inflasi.

Saya tidak nampak ada usah untuk menilai semula ringgit. Betulkan *pegging* kita sudah apa tetapi menilai semula ringgit. Ini satu daripada kemungkinan yang kita boleh buat. Kita hendak selamatkan negara kita, hendak selamatkan rakyat kita. Apa juga yang kita boleh buat untuk menyelamatkan negara dan menyelamatkan rakyat, kita mesti buat. Kita boleh gunakan langkah fizikal. Kita boleh kurangkan cukai ke atas barangan pengguna. Kita boleh beri pelepasan *income tax* supaya dapat mengurangkan kesan inflasi kepada masyarakat. Kita juga boleh pro aktif menggerakkan ekonomi negara.

Kalau kita perlu belanja kita belanja. Saya akui Tuan Yang di-Pertua penting kita hendak kurangkan bajet deposit ini. 3.5% yang terbaiklah kalau kita boleh kurangkan. Tetapi kita hendak tengok juga adakah ini keadaan yang sesuai untuk kita terlalu dengan izin *exited about budget deficit*. Pada saya kerajaan perlu berbelanja ketika ini.

Prinsip ekonomi yang terpenting pengurusan ekonomi negara yang terbaik ialah sesebuah kerajaan itu berbelanja semasa susah dan menyimpan semasa senang. Masa kita mewah dahulu kita *save* kita simpan kita *build up* kita punya *saving* dan kita belanja semasa kita susah. Banyak negara buat macam ini. Singapore buat macam ini. Sebab itu ia tidak pernah kena daripada kesan kemelesetan ekonomi. Semasa ekonomi baik ia *saving*, semasa ekonomi turun ia belanja. Kita boleh gerakkan pro-aktif, langkah pasaran, gerakkan ekonomi pasaran dan kalau perlu kita pinjam apa salah kita pinjam tidak salah.

Saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, sejauh mana kita ambil langkah-langkah untuk hendak betul-betul kawal inflasi. Saya bimbang sangat Tuan Yang di-Pertua kalau keadaan kenaikan inflasi lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan ekonomi jawabnya kita susah. Tidak kena gaya daripada mula kita akan mengalami keadaan kemelesetan, lepas itu kita akan alami keadaan *depression*. Kalau kita mengalami *depression* Tuan Yang di-Pertua, *it will take* dengan izin *twenty to twenty five years* hendak *rebuilt* semula sesebuah ekonomi jika kita berada di tahap *depression*.

Saya minta sangat supaya bila kita buat kenyataan, kerajaan buat kenyataan keadaan inflasi terkawal adakah benar ia terkawal? Kalau tidak mengapa kita mesti berbohong dengan diri kita sendiri? Kalau inflasi *is on the raising* kita perlu berbuat sesuatu. Kalau kita minta negara berjimat seluruh negara mesti berjimat kerana ini adalah satu elemen yang amat menakutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung petang.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Temerloh, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung ucapan saya, ingin saya memperbetulkan sedikit daripada apa yang saya ucapkan pada pagi tadi - bukannya bilion dan penggunaan 82 *million barrels a day* dan *surplusnya* ialah 2 *million barrels a day*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sebelah pagi tadi tentang perlunya kita mengawal keadaan inflasi negara dan tidak cukup kita mengambil langkah-langkah kebajikan, seperti tidak menaikkan kadar tol, tidak menaikkan harga minyak, menurunkan *road tax*, beri bantuan kepada orang tua dan orang kurang upaya. Saya tidak mengatakan ini tidak perlu dilakukan, tetapi tidak cukup langkah-langkah tersebut, kita perlu mengerakkan langkah-langkah fizikal dan juga langkah-langkah pasaran. Saya cadangkan tadi supaya kita meneliti kemungkinan untuk menilai semula ringgit kita kerana ringgit kita 5% hingga ke 6% di bawah nilai ataupun dengan izin, *under valued*.

Nilai ringgit yang kukuh akan mengurangkan kos import dan seterusnya dapat mengurangkan inflasi. Saya juga mencadangkan supaya mengurangkan cukai ke atas barangan pengguna dan mungkin juga pelepasan cukai peribadi boleh mengurangkan kesan inflasi kepada masyarakat. Langkah pasaran, saya mencadangkan tadi supaya kita proaktif untuk mengerakkan pasaran. Kerajaan kena berbelanja dan berbelanja kepada sektor yang produktif. Apa salahnya kerajaan meminjam. Jika perlu pinjam, kita pinjam dan kita punya keupayaan yang kuat untuk meminjam kerana *reserve* kita sahaja, dengan izin, USD80 bilion dan kalau perlu kita lakukan ini untuk mengerakkan ekonomi dan mengawal inflasi, kita perlu lakukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Baru mula Yang Berhormat. Pasal inflasi, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal inflasi. Selamat datang Yang Berhormat bagi Temerloh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh iaitu dari segi pinjaman untuk mengerakkan ekonomi dalam negara kita. Kita tengok Amerika Syarikat sendiri pun belanjawannya, deposit cukup besar. *Very big* dia punya deposit kerana untuk hendak *generate*kan pertumbuhan ekonomi dalam negara mereka sendiri.

Orang berniaga pun dia pinjam duit kerana dia hendak *rolling* baru dia boleh menjadi besar. Jadi, cambahan ekonomi ke seluruh negara kita ini kalau tidak ada pusingan kewangan dalam negara kita, ini akan merugikan kita, akan jem pertumbuhan ekonomi kita. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak setuju bahawa sekarang kerajaan membenarkan pelabur dalam negara kita membawa wang 30% daripada dia punya modal untuk melabur di luar negara.

Dengan secara tidak langsungnya kita tengok kita punya stok *exchange* tidak boleh *improve*, ia tidak boleh naik *pointnya*. Disebabkan oleh wang ini sudah tentu orang ambil duit ini kerana *cost of living* dia sendiri tinggi dan sebagainya, dia ambil duit 30%

modal dia, dia bawa pergi ke negeri lain dan dia *invest* di sana. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju sekali Amerika deposit dia trilion. Hari ini tiga suku daripada jajahan Amerika ini sudah dipunyai oleh negara China dan Jepun kerana berhutang terlalu banyak. Pada saya kalau kita mampu berhutang dan membayar balik untuk kepentingan mengerakkan ekonomi negara, kalau tidak, macam saya sebut pagi tadi, kesan daripada inflasi akan melanda negara kita dan lebih teruk lagi kalau kadar inflasi meningkat lebih daripada pertumbuhan ekonomi. Tentang 30% bawa keluar ini, pada pandangan saya Yang Berhormat, tidak banyak sangat syarikat-syarikat tempatan yang mengambil 30% melabur di luar. Yang banyak sekarang ini ialah syarikat-syarikat antarabangsa daripada Jepun, daripada Korea, daripada Singapura, daripada Amerika, daripada Eropah yang dulunya melabur di sini.

Tetapi oleh kerana tekanan ekonomi di negara mereka sekarang dengan harga minyak yang lain, mereka terpaksa dapatkan *cash*, dengan izin, untuk hendak beli minyak, hendak bayar harga minyak yang meningkat. Jadi, apa yang mereka lakukan ialah *unload*, dengan izin. *Unload* dia punya *investment* di sini. Ambil *cash* bawa balik ke negara dia kerana untuk hendak menampung perbelanjaan kenaikan harga minyak. Kalau ini berterusan jawabnya kita akan kekeringan modal dalam negeri. Saya akan sentuh selepas ini, Yang Berhormat. Jadi, itu yang saya telah sebut Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pergi kepada perkara kedua yang saya hendak sentuh dalam bajet ini, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, disebut untuk mengukuhkan imbalan pembayaran negara.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, memang benar kita punya pelaburan asing sekarang, FDI adalah antara 5 ke 6% daripada JMP. Laporan daripada *world investment report 2005* untuk Asia Tenggara, meletakkan Malaysia pada tangga kedua, kemasukan FDI selepas Singapura. Itu Asia Tenggara. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, imbalan pembayaran sesebuah negara ini meliputi dua gabungan, satu, *balance of trade*, dengan izin atau imbalan perdagangan. Ini kita berdagang dengan negara luar. Memang benar kita punya *balance of trade*, kita punya *huge*, dengan izin, *huge surplus*, lebihan kita besar, banyak. Tetapi satu aspek yang lain ialah *capital account*, ertinya kemasukan modal ke dalam negara ini. Yang ini, kita mengalami deposit dan *huge deposit*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan berapa besar deposit kita ini. Ertinya sekarang tidak ada tidak banyak modal daripada luar masuk Malaysia. Dalam bajet ini disebut sejak Oktober, kalau tidak silap saya, RM8 bilion atau USD8 bilion, saya tidak pasti. Sedangkan MITI merencanakan satu tahun kita mesti dapat RM25 bilion FDI untuk hendak *sustain* lebih kurang 5.5% pertumbuhan ekonomi. Kita hanya dapat RM8 bilion dan modal ini keluar daripada Malaysia. Sebab itu saya ingin tahu daripada kerajaan berapa besar kita punya deposit dalam kapital akaun. Kita gembira *balance of trade* kita besar. Sedangkan negara lain, negara maju, Amerika - Presiden Bush kata *I don't care. I may have huge deposit in the trade balance* dalam imbalan perdagangan.

Tetapi Amerika dia kata saya hendak Amerika mempunyai *huge surplus in the capital account*. Ertinya, duit banyak dalam negara, dia hendak deposit dengan Jepun dengan kita ke, gasaklah tetapi modal dia banyak dan modal yang banyak itu menggerakkan ekonomi negara. Kita *reverse* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita *dues straight deposit but huge deposit in the capital account*.

Saya minta ini kita kena *address* isu seperti ini, ini isu yang utama ang akan memberi kesan kepada negara masa depan kalau kita tidak teliti dan kita mesti cari jalan bagaimana boleh kita dapatkan *inflow of capital* masuk ke Malaysia. Saya ingin mencadangkan supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Pontian.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Temerloh, kita memerlukan pada pandangan Yang Berhormat tadi *huge inflow* untuk

menggerakkan ekonomi negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang duit yang pernah dulu *outflow*, keluar daripada negara kita yang *unpatriotic money* keluar daripada negara kita adakah masih banyak di luar negara ataupun sumber-sumber ini dapat kembali balik semula ke negara, ianya tentu akan dapat mengatasi masalah kita dan akan dapat mengurangkan *exposure* kita.

Kita akan dapat mengurangkan *gearing* kita dan apa pandangan Yang Berhormat dengan kedudukan duit yang ada di luar negara *unpatriotic money* ini, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Yang Berhormat, saya tidak tahu berapa banyak. Saya ingat itu pihak kerajaan mungkin boleh jawablah tetapi saya ingat bajet tahun lepas atau bajet dua tahun lepas kita pernah adakan insentif untuk sesiapa yang ada akaun di luar dia boleh bawa balik duit dia ke Malaysia balik semula tanpa ada apa-apa *declaration* dan apa-apa harus dibuat saya ingat itu pernah dilakukan tetapi yang penting sekarang ini Yang Berhormat ialah *inflow of capital*, ertinya kita kena perbaiki sistem ataupun insentif-insentif yang lapuk ini kita kena gantikan. Sistem kewangan kita kena perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuaran di belakang.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya nampak dan saya bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat. Saya terbaca dalam satu *magazine* bahawa pertumbuhan KDNK kita ini juga berdasar kepada pendapatan kewangan yang berada di persisiran pantai (*offshore*) bank. Jadi didapati kira-kira lebih kurang RM37.0 bilion yang belum masuk ke sini. Bagaimana caranya supaya kita tidak paya membuat *road show* untuk mendapat FDI. Malah kita boleh bawa masuk wang tersebut. Walaupun kita dah ada undang-undang tetapi belum masuk. Sesetengah itu misalan kita hendak *invest* sendiri di negara China tetapi tidak boleh masuk. Jadi macam mana cara supaya sekurang-kurangnya separuh ataupun tiga suku daripada wang yang *dioffshore* yang *stranded - investment stranded* ini boleh masuk dan kita boleh mengatasi sebahagian daripada FDI bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ini Yang Berhormat kita jadikan Labuan dulu sebagai pusat persisiran pantai kewangan, *financial centre*. Kalau sekiranya pelabur datang ke Labuan membuka akaun dan menyimpan wangnya di situ, itu sudah dianggap *inflow of capital*.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Maksud begini. *Industrial* produk kita ini kita yang kita eksport tetapi bayaran itu *stranded* di *offshore*.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya ingat itu kena tanya dengan pihak kerajaanlah, macam mana cara itu melibatkan *legal aspect of the...* macam mana cara. Tetapi saya hendak sebut tadi tentang Labuan. Sistem kewangan kita harus diperbaiki. Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa dengan seorang rakan daripada Middle East, daripada Arab baru ini, dia kata dia datang ke Malaysia dia buka akaun di sini simpan duit dan ramai dia kata daripada Middle East datang ke sini buka akaun simpan duit, tetapi selepas enam bulan dia kata dia tengok *financial*, pasaran kewangan kita tidak kreatif dan dia bawa balik semula duit.

Sekarang ini duit ini dilambakkan di Dubai. Dubai *is the place where the money is enough* dan sebahagian besar wang yang dibawa ke Dubai sekarang ini dulunya di Malaysia. Labuan, kita jadikan *financial centre* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *compare*kan Labuan dengan Bahamas. Bahamas, 250 ribu penduduk sahaja pulau yang kecil. Hari ini dekat 500 *international* bank beroperasi di Bahamas dan tidak kurang daripada USD480 bilion diletakkan di Bahamas, pulau yang kecil kenapa Labuan tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini seorang pakar ekonomi, pernah dulu Yang

Berhormat mencadangkan di antara Ahli Parlimen yang terawal meminta kerajaan supaya direpegkan ringgit kepada US Dollar, sekarang kita buat *repegging* walaupun *is regulated pegging*. Apakah langkah ini telah memberi apa-apa kesan terhadap pengurusan *capital account*? Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Kita *repeg* dalam keadaan yang tidak sesuai. Saya bercakap di Parlimen dua tahun dahulu Yang Berhormat ingat tiap-tiap tahun saya kata *repeg* ketika itu, kita tidak buat. Saya dicap macam-macam oh ini bekas orang apa... saya membawa perkara ini untuk kepentingan negara. Bila *repeg* baru-baru ini keadaan tidak sesuai, kita punya ringgit *is very low, it is very weak*. Siapa hendak beli ringgit kita. Kalau kita jual barang yang murah, siapa hendak beli?

Kawan saya buka restoran di Jepun jual roti canai dan nasi lemak di Tokyo. Dia jual roti canai, nasi lemak harga Malaysia, RM1 sebungkus nasi lemak, RM1 sekeping roti canai orang Jepun tidak makan. Saya kata jual mahal sedikit dia jual RM10 sekeping roti canai, RM10 sebungkus nasi lemak di Tokyo hari ini, berbaris orang Jepun pergi makan di restoran dia, ada beza. Tetapi kalau kita *repeg* dua tahun yang lepas, saya ingat ringgit kita menjadi pupus.

Sebab itu saya cadangkan tadi saya kata kita perlu nilai semula kita punya ringgit supaya ringgit kita menjadi kukuh dapat mengurangkan kesan daripada inflasi.

Seorang Ahli: [Bangun]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Yang Berhormat sekejap, saya hendak habiskan Bahamas ini. 250 ribu penduduk tetapi di Bahamas cukai tidak ada, *no taxation*. You hendak bawa balik untung bila-bila masa boleh, yang ada *small fees*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk bayar *processing* dan sebagainya, tetapi kalau you hendak simpan duit di Bahamas - Bill Gates misalannya yang terkaya dalam dunia sekarang hendak buka akaun di Bahamas dia boleh buka tetapi syarat dia satu sahaja, dia mesti tinggal di Bahamas selama dua minggu, itu sahaja, yang lain semua *interference* daripada central bank tidak ada.

Bayangkan orang macam Bill Gates tinggal dua minggu di Bahamas, berapa dia akan berbelanja di Bahamas? Yang itu menceria dan menggerakkan ekonomi Bahamas. Kita Labuan sampai hari ini, saya kira perlu diteliti semula. Barangkali terlalu banyak sangat *interference* daripada *central bank* menyebabkan Labuan tidak bergerak. Kalau betul-betul kita hendak, hendakkan *capital inflow* kita kena tengok kena *address* perkara ini dengan serius, dengan betul-betul, kalau tidak kita punya dalam kontanglah. Saya yakin saya minta kerajaan beritahu berapa besar kita punya deposit *in the capital account*, saya yakin cukup besar. *Yes* kita punya *trade account is perfect huge surplus* tetapi kita punya *capital account is huge deposit*. Sila

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta penjelasan Yang Berhormat, kadang-kadang saya nampak kita di Malaysia ini terlalu *xenophobic*, kita takut kita tidak mahu orang luar, kepakaran dari luar, ini berlaku di bola sepak, ini berlaku dari kepakaran yang seperti di Labuan, kita harapkan *local boys*, kadang-kadang *local boys* ini belum mendapat *exposure* yang cukup, jadi apabila kita menyuruh mereka *handle* wang yang begitu banyak, wang itu tidak ada hasil, kita rugi. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kita dari masa ke semasa carilah *go ahead hunting around the world*.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kita jangan takut menggunakan kepakaran luar dengan hasrat, dengan *vision* pakar luar ini perlahan-lahan akan membantu membina pakar dalaman. Kita jangan takut. Saya hendak ambil contoh yang paling mudah sekali. Ini *River dance* Yang Berhormat, tarian yang hentak-hentak kaki daripada Ireland, daripada Irish. *River dance* ini diperkenalkan pada tahun 1994 dalam satu pertandingan lagu-lagu seluruh Eropah di Dublin sebagai *intermit show*. *Three minutes*. Tiga minit sahaja *intermit show*. Selepas itu, lagu yang menang dalam pertandingan itu, lagu yang menjadi *champion* dalam pertandingan lagu-lagu Eropah itu orang tidak ingat pun tetapi *River dance* hari ini di seluruh dunia.

Di Beijing ditayangkan tiga bulan. Di Malaysia, berapa banyak *show River dance* ditayangkan di sini dan yang saya hendak sebut Yang Berhormat moralnya begini, *River dance* hari ini bukan lagi ditarikan oleh orang-orang Irish. Pengarah muzik dia orang Amerika, penari dia orang daripada Uzbek, daripada Perancis, daripada Australia, daripada Malaysia pun ada. Pengarah muziknya pun bukan orang Irish lagi. Ertinya *River dance* yang berasal daripada Ireland *is the Irish traditional muzik* sudah menjadi *international* diarahkan oleh orang Amerika, ditarikan oleh seluruh orang *international, River Dance*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Jadi, soalan kepada Yang Berhormat tadi ertinya kita jangan takut untuk menggunakan kepakaran luar kalau kepakaran luar itu dapat membantu membina ekonomi kita. Saya minta Yang Berhormat daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lepas dia, sayalah no.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, okey.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Temerloh menyebut tentang defisit dan saya rasa Bajet kita yang telah dibentangkan baru-baru ini walau pun telah menurunkan pelbagai cukai, sebagai contoh *road tax* kereta diturunkan untuk kemudahan rakyat.

Tetapi saya ingin meminta pendapat Yang Berhormat bagi Temerloh yang arif dalam bidang ekonomi, *in the long run* dengan izin cara ini tidak akan dapat mencapai apa yang dikatakan *sustainable deficit*. Ini tidak akan mencapai selagi mana FDI kita tidak masuk dan kita semua maklum bahawa FDI sebagai contoh *investment* dalam ICT mereka tidak datang ke Cyberjaya. Mereka pergi ke India, mereka pergi ke Indo-China dan mereka pergi ke negeri China.

Jadi, Yang Berhormat bagi Temerloh, apa pandangan Yang Berhormat tentang wujudnya SME Bank dan apakah Yang Berhormat nampak dalam bidang SME ini adakah kita serius dan adakah rakyat kita telah bersedia dengan SME ini yang boleh membantu mencapai apa yang dikatakan *sustainable deficit* ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, saya sebut saya kata langkah-langkah kebajikan ini tidak cukup. Setakat tidak menaikkan *road tax*, bantuan kepada orang-orang tua tidak cukup. Ini saya panggil langkah-langkah kebajikan. Perlu langkah pasaran, perlu langkah fizikal. Langkah pasaran termasuklah apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya ingat SMI ini perlu digerakkan. Kita mesti betul-betul serius untuk menggalakkan syarikat ini bersaing di pasaran antarabangsa. Ini saya nampak satu daripada aktiviti yang boleh membantu mengekalkan pertumbuhan yang stabil untuk negara. Dengan tidak masuknya FDI sekurang-kurangnya kita ada *investment* pelaburan dalam sektor ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Temerloh, kita hendak bercakap tentang pembangunan ekonomi negara kita kerana kita dapati bahawa rata-rata mengatakan sejuk sekarang ini. Keadaan sejuk, kita hendak panaskan benda ini memanglah sukar.

Jadi, dengan terbentuknya SMI kita hendak mempertingkatkan industri kecil dan sederhana maka dengan tentunya ia akan memudahkan pertumbuhan ekonomi. Tetapi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya birokrasi kerana birokrasi inilah kadang-kadang yang menyebabkan kos untuk menguruskan sesuatu jenis perniagaan tidak kira kecil atau besar menjadi masalah. SMI ini industri kecil dan sederhana. Tetapi kalau birokrasinya terlalu tebal masalah untuk kita hendak *through* susah. Yang keduanya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata tarian apa yang di Irish itu?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *River dance.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *River dance.* Tapi saya ingat tarian Sumazau itu lebih susah daripada *river dance*.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sumazau itu menari kena kapit dengan buluh. Kalau kita lambat lompat buluh kapit kaki kita.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Okey, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, tarian kita ini boleh kita bawa ke peringkat antarabangsa...

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Okey, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ..dengan Yang Berhormat bagi Kalabakan menjadi pengarahnya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tidak, ini yang saya sebut tadi. Kawan saya daripada Arab ini dia boleh komen. Dia kata *your bank, your commercial bank* di Malaysia tidak *friendly* langsung dengan SMI. *They are not supporting the business, they are not supporting the activities.*

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Memang betul dan *central bank must interfere. Must interfere* mana SMI yang boleh ada duit sendiri terus hendak buka *factory*. Tidak mungkin. Orang berniaga ini mesti pinjam modal. Tapi barangkali sebahagian sedikit dia ada dan bank mesti *cooperative*. Ini *commercial bank* di negara kita lebih minat hendak *finance* apa? Beli kereta. Hendak *finance* apa? *Credit card*. Hendak *finance* apa? Beli alat-alat karaoke ke apa benda. Tapi hendak *support* SMI tidak ada.

SMI kita hari Tuan Yang di-Pertua, *is dead, is dead*. Saya tahu, saya mewakili mereka. Saya tahu *is dead*. Selagi *central bank* tidak buat polisi dengan *commercial bank go and support them, no way* dengan izin tidak akan bangkit. Ini berkaitan dengan apa yang saya hendak sebut seterusnya Tuan Yang di-Pertua, iaitu ICT kita, MSC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kemaman.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sila.

Tuan Ahmad Shabey Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya begitu tertarik dengan hujah-hujah yang disampaikan menggambarkan kepekaan Yang Berhormat dalam situasi ekonomi kita. Saya tertarik dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat sebentar tadi yang mengatakan wang kita sepatutnya dinilai semula (*revalue*) ke arah mengukuhkan lagi ringgit kerana ia akan membantu dari segi mengurangkan kos import dan dapat membendung inflasi. Ini pandangan Yang Berhormat.

Sejauh manakah dengan mengukuhkan lagi ringgit, pertama ia akan dapat meningkatkan lagi pengaliran modal ke dalam negara kita kerana dengan sendirinya kalau US1 bilion nilainya kalau dikukuhkan sudah tentu sedikit setelah ringgit kita dikukuhkan kalau berbanding dengan keadaan sekarang. Yang keduanya, sejauh manakah juga ia akan dapat membantu eksport kita kerana ringgit yang kukuh boleh menjejaskan dari segi nilai barang kita di luar terutama sekali nilai barang kita yang terpaksa bersaing dengan barang-barang lain daripada China, India dan sebagainya. Itu soalnya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih. Saya hendak sebut lagi sekali macam saya cadangkan *pegging* ringgit itu. Kalau kita hendak nilai ringgit sekarang kita buat. Kita takut hendak nilai semula ringgit ini kerana kita takut eksport kita terutama kelapa sawit jadi mahal. Tapi kita kena ambil *opportunity* sekarang fasal *soybean* Amerika

dengan Texas dilanda oleh Rita dan Katrina ini *soybean* ini tidak dapat hendak keluar. Kalau harga kelapa sawit kita pun jadi mahal sedikit masih ada pasaran yang luas di India dengan China.

Jangan kita *repeat the same mistake* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak nilai semula ringgit *this is the right time*. Ini masa yang paling sesuai dan dengan cara itu kita dapat seperti Yang Berhormat sebutkan tadi saya setuju mengukuhkan *in flow* ataupun kemasukan modal. Saya hendak sebutkan fasal MSC ini Tuan Yang di-Pertua secara ringkas.

Tuan Jimmy Donald: Saya tertarik dengan yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai *central bank* kita *less than helpful* kepada SMI. Kalau begitu macam mana Gabenor Bank Negara boleh diundi sebagai gabenor yang terbijak di dunia ini.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: itu soalan peribadi. Tan Sri Zeti Aziz seorang profesional. Saya kira sebagai seorang gabenor, *she is the best governor*. Tapi yang kita hendak bangkitkan ini soal macam mana boleh kita menyejahterakan ekonomi negara dan menyejahterakan rakyat.

Saya hendak tanya fasal MSC. Saya minta kerajaan ataupun kementerian berkenaan bentangkan di Parlimen beritahu rakyat sejauh mana *successnya* MSC kita. Saya takut sangat MSC ini akan jadi gajah putih. Saya baca buku ini Tuan Yang di-Pertua, [*Sambil menunjukkan sebuah buku*] dahulu saya bangkitkan tahun lepas dalam Parlimen *The Invisible Continent* ini yang ditulis oleh Kenichi Ohmae. Dalam buku ini Kenichi Ohmae ini Tuan Yang di-Pertua dia salah seorang saya bacakan: "*I was personally involve in the original concept development of MSC from day one in 1993.*" Dalam buku ini dia cerita dia *praise* Malaysia. Malaysia mengambil langkah yang bijak *of course* hendak buka Malaysia kepada *rest of the world*, *of course* dia banyak puji *previous prime minister* dengan izin Tun Mahathir, *vision* yang jelas dan sebagainya.

Tapi soalnya bukan Dr. Mahathir di sini, soalnya langkah kerajaan, langkah Malaysia ketika itu, buku ini penuh *praise* Malaysia. Pertengahan tahun ini, Kenichi Ohmae tulis satu lagi buku Tuan Yang di-Pertua, "*The Next Global Stage*" - *is only quarter page mentioned about* Malaysia. *There must be something wrong* fasal apa Kenichi Ohmae tidak *praise* Malaysia dalam buku ini sedangkan dia salah seorang yang terlibat merancang MSC dan sudahlah begitu dengan dia *praise* nya sekarang, dia kata *the next global stage is* Vietnam. Adakah Kenichi Ohmae melihat MSC kita *is a failure*? Atau kita punya PR *work*? Fasal apa yang ditulis oleh Kenichi Ohmae *will go worldwide*, seluruh negara.

Bill Gates, dia menjadi *advisor* kepada Bill Gates, menjadi *advisor* kepada NOKIA, menjadi *advisor* kepada ATNT, *all the big companies, the giant companies in the world*. Kalau dia dulu *praise* Malaysia dalam "*The Invisible Continent*", dalam "*The Next Global Stage*" *is only quarter page, there must be something wrong somewhere* dan kita kena tengok ni. Kalau tidak nanti MSC ini *it's a future investment*, cukup baik, itu mesti ada *follow through*, kalau orang main golf ini bila pukul itu kena ada *follow through*, baru bola boleh pergi jauh. Kalau *you swing half swing*, bola pun tak kena, *you* pukul kaki *you*, *as simple as that*. Mesti kena ada *follow through*, MSC mesti kena ada *follow through*, apa sukses nya sekarang? Berapa banyak *company international* yang dah datang?

Dulu kita bercakap, saya masih ingat kita bercakap dulu kita nak buat *operation*, pembedahan jantung di Cyberjaya bagi orang Australia, dia *operate* sana, kita monitor melalui itu sahaja. Yang berjaya sekarang ini, MSC ini, IT ini Singapore, Thailand. Singapore *started much later than us*, Singapore dapat idea tubuh MSC daripada MSC kita. Hari ini Singapore punya MSC lebih berjaya daripada MSC kita. Di mana silapnya? Ini *investment* untuk *future*, untuk anak-anak kita masa depan, untuk negara kita masa depan, inilah sumber pendapatan negara kalau kita hendak cari masa depan, hendak ganti dengan eksport kelapa sawit, hendak ganti dengan eksport getah, hendak ganti dengan eksport balak, ini dia.

Tapi mesti ada *follow through, we address this issue*, cari mana kelemahan kita, jangan takut nak guna kepakaran luar, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kita bawa balik, *offer* saintis kita daripada luar dulu ini, saya ingat 60 orang lebih kurang, bawa balik. Dengan insentif bajet tahun lepas, saya difahamkan semuanya dah balik semula, kerana

apa, gaji tak menarik, kemudahan tak ada, infrastruktur tak cukup. Saya tak tahu benar tak benar perkara ini tapi saya yakin ramai yang dah balik semula. Yang daripada German dah balik, yang daripada France dah balik, daripada England dah balik, semuanya dah balik semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sementara itu Parit nak cakap.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya sebenarnya memang tertarik dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Temerloh tadi. Saya nak berbalik kepada soal FDI dan juga *liberalisasi* pasaran modal luar negara kita.

Mungkin agaknya Yang Berhormat, kita tidak seperti Amerika. Amerika sudah bersedia menghadapi saingan global daripada mana-mana negara sekalipun kerana dia sudah cukup mampu untuk bertahan.

Kebimbangan kita Yang Berhormat, agak saya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita belum bersedia lagi menerima FDI ini secara terbuka dan juga meliberalkan pasaran modal kita kepada pelabur asing oleh sebab kita bimbang suatu ketika nanti negara kita dikuasai oleh pelabur-pelabur asing ini dengan kita tidak mempunyai persiapan untuk menghadapi seperti yang dihadapi oleh Amerika sekarang. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tidak, kita..... sebab itu saya sebut juga dalam tahun lepas, saya kata kita mesti belajar. Kita kena *attack financial crisis*, kita kena *attack Soros* semua ini. Kita mesti dapat belajar daripada itu dan menyediakan cushion tapi tak boleh bila kita kena *attack* sekali, kita berundur, pertahanan berundur, tak ke depan. Kena *attack crisis financial* ini, England pun kena *attack*, *Bank of England almost collapse* satu ketika di *attack* tapi dia bangun semula, belajar daripada kesilapan. Semua orang boleh buat kesilapan,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semua orang boleh buat kesilapan, jadi yang perlu kita sediakan *cushion*. belajar daripada kesilapan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tak ada, saya nak sebut pendidikan.

Pertama, saya cukup terharu bila Perdana Menteri, Menteri Kewangan bentangkan untuk membina, memperbaiki kemudahan sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Saya cukup terharu dan saya menyokong penuh ini Tuan Yang di-Pertua. Kita orang Semenanjung tak marah, kerajaan nak belanja, belanjalah, buat sekolah. Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, betul ini, anak-anak yang terpaksa bangun pagi pukul 3, 4 pagi nak pergi sekolah [*Tepuk*].

Kemudahan sekolah di Semenanjung Tuan Yang di-Pertua, sekolah di kampung orang Asli dibina tiga, empat tingkat bangunan Tuan Yang di-Pertua, saya sebut pada bajet yang lepas. Murid 75 orang, tiga tingkat, di bawah digunakan sebagai kelas, di tingkat dua, tak ada benda, tingkat tiga, dia simpan sumpit saja, jadi stor sumpit di sekolah.

Sekolah di kampung semua, di Sabah dan Sarawak, Allah, saya cukup terharu, saya minta ini dilaksanakan sebaik mungkin yang boleh dalam jangka masa yang singkat [*Tepuk*]. Saya tidak ada kepentingan, saya bukan nak bertanding Majlis Tinggi, saya bukan nak bertanding di Sabah, tapi kepentingan saya Tuan Yang di-Pertua ialah masa depan generasi pendidikan anak-anak kita. Apa gunanya kita sudah merdeka macam ini, tetapi masih ada kawasan-kawasan di mana kemudahan pendidikan tidak sebaik yang boleh kita sediakan. Kalau kita tidak mampu, itu lain cerita, ini kita mampu Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua di bawah pendidikan. Saya terkejut sungguh. Saya ditemui oleh Pegawai Pendidikan di kawasan saya mengatakan ada terdapat hampir 300 orang anak-anak yang sudah sampai ke Darjah 6 tapi tak tahu

membaca, tak tahu menulis. Ini di kawasan saya, bila saya dapat ini, saya siasat, bertanya, mendapatkan angka-angka, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, hampir 114 ribu orang murid di seluruh Malaysia daripada darjah 2 ke darjah 6 yang tak tahu menulis dan membaca.

Saya nak minta semua rakan-rakan saya MP di sini termasuk pembangkang, kita *check*, tidak ada guna kita nak jadi negara maju, kita laungkan kita nak jadi *develop countries*, kita ada *Vision 2020*, kita mewah, kita kaya, kita banyak duit tapi masih ada anak-anak yang masih buta huruf tak boleh membaca dan tak boleh menulis.

Saya tak boleh terima Tuan Yang di-Pertua, *excuse* bahawa 3% *is normal* untuk sesebuah negara di mana anak-anak tak tahu menulis dan membaca. Saya tak boleh terima ini. Sebagai sebuah negeri yang maju seperti ini, patutnya *zero* yang tak boleh membaca dan menulis ini. Tidak seharusnya berlaku dalam sesebuah negara seperti Malaysia, saya bernasib baik kerana ditemui oleh pegawai ini, saya terus buat *trace* program tapi ini bukan ini caranya. Tidak boleh, ini masalah kita buat begini, kita harus ada perancangan jangka panjang Kementerian Pendidikan. Macam mana kita hendak pastikan supaya tidak ada lagi anak-anak yang tidak boleh membaca dan tidak boleh menulis di sekolah.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Pandangan Yang Berhormat tentang buta huruf, tidak dapat menguasai 3M, walaupun sampai UPSR ini adalah satu pandangan yang amat menarik dan saranan Yang Berhormat kepada semua Ahli Parlimen untuk memantau satu saranan yang baik.

Di kawasan saya, saya buat pemantauan, saya ada dua PPD di kawasan saya, satunya PPD Tamparuli iaitu satu Pejabat Pendidikan Daerah yang terbaik di seluruh Sabah, 8 tahun berturut-turut tetap nombor satu di seluruh Sabah dari segi pencapaian UPSR. Saya buat pemantauan pada tahun lepas daripada 600 orang yang mengikuti calon UPSR, masih lagi 60 orang tidak menguasai 3M di kawasan ini. Bila saya bertanya di Dewan yang mulia ini, dan juga pegawai-pegawai, mereka menyatakan tidak ada pemantauan, tidak ada pemantauan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kerajaan mengadakan pemantauan tentang laporan, melaporkan pencapaian dalam soal 3M ini sebab sepatutnya dia tahap satu maknanya sampai Darjah 3, mahu menguasai 3M. Tetapi ini sampai di akhir tahap dua pun, sewaktu mengikuti peperiksaan UPSR pun belum lagi menguasai. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya diadakan pemantauan di Kementerian Pelajaran dalam soal ini?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat, saya bukan sahaja bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila gulung ya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Ya, saya bukan setuju, saya nak istilahkan, saya nak ajak rakan-rakan saya, Ahli-ahli Parlimen di sini kita istilahkan ini sebagai usaha untuk membasmi kerana kita bercakap dalam soal bajet ini, membasmi akademik deposit. Kita mahu supaya deposit ini juga bukan saja dikurangkan tetapi kalau boleh, kosong. Tidak ada lagi anak-anak yang tidak boleh membaca dan menulis.

Point yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya oleh kerana masa tidak ada, saya minta Kementerian Pengajian Tinggi ini, kita harus menjadikan *education* negara kita ini, menjaga standard dan kualiti yang tinggi supaya kita boleh jadikan dia sebagai *as a business consideration*, dengan izin, pertimbangan perniagaan. Banyak boleh kita dapat. Ada satu kolej swasta di sini, Tuan Yang di-Pertua, yang dibanjiri oleh pelajar-pelajar daripada Indonesia, daripada China, daripada Korea, daripada Jepun, belajar bahasa Inggeris tetapi dia kolej swasta. Tetapi dia jaga kualiti dengan baik. Kita boleh, kita boleh jadikan *education* sebagai *business*, ini boleh dibuat di negara kita. Saya minta supaya Kementerian Pengajian Tinggi menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin teguran yang saya buat ini ikhlas dan saya berhasrat teguran ini dapat membantu menyediakan suasana pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap untuk masa depan negara. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Segambut, ya.

3.10 ptg.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam ucapan *budget*. Kami bersyukur kepada Tuhan kerana duduk dalam satu negara yang maju dan stabil. Kami juga duduk dalam aman dan damai.

Baru-baru ini, di negara Malawi, di Afrika, berjuta-juta penduduk menghadapi kebuluran dan ada yang menghadapi banyak masalah, tidak cukup makan dan sebagainya, minta izin, *famine*. Baru-baru ini tentang masalah bencana alam, gempa bumi di Pakistan, India, Afghanistan dan baru pagi ini ada laporan begitu teruk, lebih kurang 20 ribu penduduk sudah meninggal dunia dan lebih kurang 4 juta orang tidak ada rumah walau pun menghadapi musim sejuk.

Perkara nombor satu ialah menikmati, membahagi pendapatan atau, minta izin *revenue sharing* dan Kementerian Kewangan. Tahun lalu saya pun ada sebut .tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kita nampak ekonomi negara China berkembang dengan pesat. Ini disebabkan kerana Kerajaan Pusat China kongsi pendapatan dengan negeri-negeri tempatan di negara itu.

Di negara China, kerajaan negeri mengutip cukai-cukai dan apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, membahagi seperti berikut; 60% diberi kepada Kerajaan Persekutuan atau Pusat, 20% disimpan untuk negeri-negeri dan juga apa yang penting untuk kita, 20% diberi untuk majlis tempatan sebab baru-baru ini banyak komen tentang peranan atau tugas kerajaan tempatan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya majlis tempatan di negara kita tidak ada wang. Dengan formula ini, negeri-negeri dan kerajaan tempatan mendapat duit yang mencukupi untuk memperbaiki infrastruktur dan lain-lain perkara.

Di Malaysia, Kerajaan Persekutuan menyimpan segala cukai yang dikutip, seperti cukai pendapatan, persendirian, cukai korporat atau *corporate tax*, cukai kastam dan cukai minyak kereta, baru-baru ini disubsidi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan kita mesti berkongsi pendapatannya dengan negeri-negeri...

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Nanti ya, saya baru mula, nanti. Negeri-negeri untuk membelanjakan projek-projek tempatan. Saya difahamkan, dahulu Tuan Yang di-Pertua pun jadi menteri besar, saya difahamkan kebanyakan menteri besar kurang berpuas hati dengan hal ini dan ingin menyelesaikannya. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih. Saya memang bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat. Jadi, setujukah Yang Berhormat kalau kita minta Kerajaan Pusat dan Petronas menggunakan formula ini untuk membahagi *oil revenue* dari Sabah dan Sarawak – 60-20-20. [Ketawa] 40 untuk Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Saya sebut hanya untuk Kerajaan Persekutuan. Nampaknya berita hari ini, *Shell* di Sabah dapat satu tempat yang baru. Saya haraplah Kerajaan Persekutuan dan juga pihak Petronas boleh ambil kira tentang perkara ini. Kalau setuju atau tidak setuju, *because* saya bukan pentadbiran...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Segambut, Segambut...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Haa, kawan baik saya, Yang Berhormat bagi Jerai. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Segambut kerana bercakap pasal pengagihan harta kekayaan negara. Kita dengar hari ini, Yang Berhormat bagi Segambut, memang tiap-tiap kerajaan negeri berhutang kepada Kerajaan Pusat. Perlis, Arau pun tidak bayar, [Ketawa] Kedah tidak bayar tidak apa kerana negeri Kedah mengeluarkan beras, royalti tidak ada. Kalau kami tanam kelapa sawit, *income* besar. Kami tidak boleh potong kayu balak, kerana hendak takung air untuk tanam padi. Tanam padi untuk rakyat Malaysia makan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Perlis ada gula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Perlis ada gula, gula boleh buat apa, kencing manis semua itu. [Ketawa] Jadi saya hendak cadangkan supaya Kerajaan Persekutuan juga melihat, kadang-kadang negeri-negeri itu berkorban tertentu kerana dia tidak boleh bawa keluar hasil dia. Jadi boleh atau tidak boleh, kita kaji balik hutang-hutang yang lapuk itu, bank pun dia *right off*, Tuan Yang di-Petua, kalau tidak silap saya, Bank Negara bagi saya *right off certain amount of back debts* dan ini pun boleh. Kalau tidak, macam Kedah masih berhutang dengan Kerajaan Persekutuan RM1.8 bilion tapi yang RM1 bilion kita hutang itu untuk bantuan air luar bandar. Jadi yang kita terhutang itu RM800 ribu sahaja. RM800 ribu itu pun, kami korbanlah, tanam padi, subsidi tidak ada, dapat sedikit hendak bagi rakyat makan. Tidak kasihankah kerajaan Kedah ini? Jadi Yang Berhormat setuju atau tidak pandangan saya yang kira-kira bernas ini. [Ketawa]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Saya sokong sepenuhnya. [Disampuk] Sebab itu saya sebut sekali lagi tentang formula *sharing* ini, sebab *technically*, minta izin Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan tahu banyak kerajaan negeri *technically bankrupt*. Sebab apa, sebab perkara inilah, sebab perkara ini memang serius, sudah sampai satu tahap yang memang serius.

Kementerian Kesihatan dengan Skim Kesihatan Kewangan Negara atau minta izin, *National Health Financing Scheme*. Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip, saya menyokong Skim Kesihatan Kewangan Kebangsaan. Kerajaan kita tidak boleh menyambung dengan sistem yang ada sekarang dan apa yang penting juga, di mana negara kita juga memainkan peranan untuk mengekalkan kesihatan.

Ini, *headline* minta izin, *New Straits Times* hari ini, "Young Malaysians and sick, very sick.. There were 5 million young peoples with chronic diseases by 2006, 10 million by 2020", *nothing is done about it*. Dan saya bagi nasihat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini sebab statistik yang lagi teruk atau *shocking*, minta izin, *young people below 29 admitted to government hospital untuk ischemic heart diseases (IHD) dan stroke*. Untuk tahun 2002, ini sebelum sampai 29 tahun, kita berapa tahun, *times two or may be three*, kita tidak tahu. *In year 2002, 502 admitted for heart attack, below 29, 474 admitted for stroke*, so kita mesti ambil berat perkara ini dan berhenti rokok dan buat *exercise at least* tiga kali seminggu. Sebab Yang Berhormat bagi Larut menyokong penuh, [Disampuk] [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: ..bola sepak dan juga beberapa seruan untuk kerajaan. Ya sila,sila. [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah sahabat saya daripada Segambut bekas Timbalan Menteri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Rokok, rokok.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Seorang doktor, saya tidak nafikan soal kesihatan ini, macam Yang Berhormat Jerai pun merokok juga curi-curi sesekali. [Ketawa] Masalahnya ialah saya ada cukup dalam baget baru-baru ini tentang pemakanan, makan berlebihan. Apakah ini juga tidak boleh kita salahkan?

Makan berlebihan macam kata Yang Berhormat Tanjung Malim belanja kawan-kawan, yalah ini satu makanan yang tidak ada sekatan. Apakah Yang Berhormat melihat kita di Malaysia ini sudah terlebih makan? Kita tidak boleh nak menyekat orang hendak

makan? Terutama sekali barang-barang import yang terlalu banyak kita bawa masuk apakah ini juga sebagai langkah bagaimana ke arah itu? Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat sebagai seorang doktor.

Dato' Dr. Tan kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, ini makanan penting sebab apa kita mesti ada satu *habit* untuk sederhana. Kalau makan janganlah makan sampai kenyang banyak mesti sederhana, kurangkan makanan daging, kurangkan makan lemak, makan lebih sayur-sayuran, tauhu dan juga buah-buahan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Arau macam mana Yang Berhormat, Arau? [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mengatakan kurangkan makan bererti kurangkan merokok begitu? Atau pun mengurangkan merokok terus, minta pandangan. Atau pun jangan makan jangan merokok? [Ketawa]

Dato' Dr. Tan kee Kwong: Terima kasih. Hakikatnya dahulu saya pun ada hisap rokok tetapi tahun 1981 saya sudah berhenti langsung, sudah berhenti rokoklah kerana itu tidak baik. Beberapa soalan untuk kerajaan atau Kementerian Kesihatan.

Untuk perkara ini *National Health Finance Skim* minta izin adakah pakar perunding sudah dilantik dan juga bilakah skim ini akan bermula? Sebab kita dapat banyak soalan dari pengundi-pengundi kita, kawan-kawan kita di luar sana terutamanya orang dari golongan miskin. Adakah skim ini untuk Lembah Klang sahaja, projek perintis atau untuk seluruh negara termasuk rakan baik kita dari Sabah dan Sarawak dan kita difahamkan itu *basic facilities* kadang-kadang pun tidak ada. Adakah ianya meliputi sakit tenat atau mintak izin *critical illness* seperti *dialysis*, *bypass* jantung, rawatan *chemotherapy* untuk barah dan sebagainya.

Sebab kalau penyakit biasa - batuk, selesema itu tidak guna perbelanjaan yang banyak, tetapi bila terlibat dengan sakit tenat, ini kalau masuk hospital swasta di Klang Valley lebih kurang RM20 ribulah, lebih kurang satu hari di ICU Tuan Yang di-Pertua RM2 ribu. Saya menyeru kerajaan untuk mempertimbangkan dengan rapi juga keperluan kesihatan bagi luar bandar dan juga miskin.

Perkara ketiga, ialah satu perkara yang sangat popular, sebagai Ahli Parlimen di kawasan Kuala Lumpur, ini berkenaan kesesakan trafik atau *traffic jam* di Kuala Lumpur. Walaupun kerajaan sudah guna peruntukan berbilion-bilion ringgit ini sudah sampai ke satu tahap yang serius.

Saya menyambut pengurusan syarikat kenderaan Lembah Klang dan juga kesesakan trafik di Kuala Lumpur adalah sangat teruk dan menyumbang bandar rayanya dan juga kerajaan mesti sedar, ini yang sangat penting. Kerajaan Persekutuan mesti sedar bahawa kenderaan awam atau minta izin *public transportation* tidak dapat untung. Apa yang saya difahamkan, hanya satu bandar atau *city* di seluruh dunia dapat untung lebih minta izin *self-financing* iaitu Hong Kong sebab dia tempat yang kecil dan *mass traffic transport* di Hong Kong satu hari ada empat juta orang guna. Di lain-lain tempat semua rugi termasuk kita. Ianya mesti disokong dan biayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Tindakan-tindakan segera yang perlu diambil, satu contoh yang senang dibuatlah, tidak perlu guna peruntukan *million-million* atau *billion-billion* ringgit. Nampak contoh tidak jauh daripada sini, Puduraya atau Jalan Pudu. Saya harap pihak DBKL dan trafik polis ambil tindakan segera dan tidak boleh letak kereta merata-rata seperti menunggu di Puduraya. Kalau nampak situasi sekarang atau keadaan sekarang, satu *lane* dia dari kiri pergi ke *Pavillion*, teksi-teksi diletak pada satu bahagian dan di hadapan dekat itu Plaza Rakyat kita punya rakan dari perbankan yang terbengkalai projek Plaza Rakyat.

Satu *lane* bas ekspres di jalan sebelah, ini adalah karut dan trafik polis mesti mengambil tindakan dengan serta-merta dan mengalih kereta dengan kenderaan yang bersalah. Lebih baiklah Tuan Yang di-Pertua tidak mahu saman-saman lagilah, tunda teruslah sebab saman-saman dia kata 'sub, sub sui' RM30 apa ada, tak ada apa-apa, tetapi

tunda terus. Dan juga satu perkara yang begitu teruk di petang, ini masalah petak kuning atau minta izin *yellow box* di simpang trafik oleh kerana trafik sesak, petak kuning ini di sembunyi biasanya di sebelah petang.

Kalau nampak misalnya di simpang Jalan Tun Razak di Jalan Bukit Bintang di hadapan Duta Indonesia atau RSGC. Contoh lagi Jalan Pudu, Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kita punya orang yang pandu kereta tidak peduli, saya mencadangkan denda dikenakan sebanyak RM1,000 di atas kenderaan yang menghalang petak kuning. Beberapa bulan dahulu saya baca satu laporan yang Menteri Pendidikan kita Datuk Seri Hishamuddin sendiri turun kereta dan jadi peranan trafik polis di hadapan Ampang *Park*. Baik itu bukan dia punya tugaslah, saya ingin mencadangkan tindakan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Kalau ikut contoh dari lain negara Tuan Yang di-Pertua, yang pertama *bus shuttle* percuma boleh diperkenalkan di Pusat Bandar raya setiap 10 minit yang mungkin banyak pihak, *vested group*, pihak teksi, pihak bas, termasuk LRT, KTM Komuter tidak setuju tetapi ini yang sangat penting. Guna juga bas kecil dikenalkan dan juga kenderaan bas ini mesti ada tip top *condition*, jangan pakai bas yang 20 tahun, yang *air-cond* tidak berfungsi dan sebagainya. Kalau guna bas yang seperti keadaan yang buruk orang tidak mahu pakai. *Bus shuttle* ini mengikuti satu *rules*...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, pasal bas sedikit.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Satu minit ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa lebih kurang 200 buah bas akan diberi di ibu kota. *[Disampuk]* 250. Jadi, banyak bas ini akan berada di ibu kota dan ini akan menambahkan kesesakan. Boleh atau tidak sebelum mereka buat bas, saya hendak mencadangkan jadikan bas *double decker*. Maknanya kalau 250, bas itu akan jadi 600 lebih sahaja. Jadi *reducekan*, bas tidak banyak, ramai orang boleh naik.

Ini salah satu cara untuk mengurangkan kenderaan. Lagi satu, boleh atau tidak cadangkan supaya ekspres *buses* ini tidak boleh masuk dalam ibu kota. Dari luar ibu kota, kita gunakan *shuttle* untuk masuk ke ibu kota. Kita adakan satu tempat, kalau dia masuk dari Seremban, adakan satu *area* di mana di situ bas ekspres berhenti, dan dari situ *shuttle* masuk ke dalam ibu kota. Begitu juga dari utara, macam itu jugalah. Macam kita naik di lapangan terbang, takkan kapal terbang turun terus ke dalam ibu kota. Dia turun dari KLIA, kita naiklah teksi masuk. Jadi, macam itu caranya. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Sekarang nampaknya pihak RAPID tidak rapid lagi, sebab apa, banyak bas rapid menggunakan bas lama, dia cat semula sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan guna di banyak tempat, ia jalan sampai setengah bukit sudah tidak boleh jalan lagi.

Saya sokong sepenuhnya kegunaan bas *double decker* dan juga pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan bas ekspres yang tidak boleh datang. Nanti saya sebut tentang *central business district*, tidak boleh masuk di tengah-tengah pusat bandar raya sebab itu menyesakkan Puduraya dan sebagainya. So, lebih baik pengurusan, ambil berat perkara ini dan kalau ekspres bas dari Timur guna Jalan Putera, di Utara guna Jalan Duta. Dari tempat lain, dari Selatan mungkin boleh guna Plaza Rakyat yang akan datang, kita harapkan. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Mungkin ini juga satu pandangan bagi orang yang tidak suka guna dan juga mungkin orang yang tidak suka dengar tentang pusat perniagaan daerah, atau *central business district*.

Dahulu ada satu cadangan, Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini, iaitu tiang-tiang pun sudah dibina di banyak tempat di Kuala Lumpur tetapi atas bantahan dari beberapa pihak, ia tidak dimulakan. Perkara ini yang mesti diambil berat iaitu tentang pusat

perniagaan daerah atau *central business district*. Apabila tindakan-tindakan tersebut diperkenalkan Kerajaan Pusat boleh mengamalkan CBD dan ini hanya boleh dimulakan mungkin lebih kurang dua tahun ke hadapan.

Apabila semua persiapan untuk kenderaan awam sudah buat, *rapid* sudah tambah 600 buah unit dan salah satu sistem yang boleh guna, satu cara untuk semua LRT, Star, Putra dan sebagainya. Kereta-kereta, mungkin pada masa akan datang, yang ingin memasuki kawasan CBD perlu dibayar mungkin RM2,000 bagi satu tahun. Dan, juga terhadkan tempat-tempat *parking* untuk kenderaan sebab kalau *you* tambah lagi tempat *parking* kenderaan di pusat Kuala Lumpur mungkin orang biasa yang pandu seorang tidak ada lain duduk, dia guna kereta sendiri. Kalau dengan keadaan ini dan juga terhadkan tempat *parking* dan juga naik tambang atau yuran tempat *parking* itu, mungkin saya tidak tahu RM1 bagi 20 minit atau apa, terpaksa orang yang gunakan kenderaan awam. Kalau tidak sampai sekarang pun tidak boleh tahan lagi. Saya ingat lagi 5 tahun atau 10 tahun, sampai satu tahap yang minta izin, *GRID*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Dengan perkataan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan ambil berat dan cari apa-apa yang boleh diselesaikan tentang perkara ini.

Tuan Lau Yeng Peng: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Ya, ya. saya beri Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada beri jalan pada dia? Ingat sudah habis.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Nanti! Saya beri Yang Berhormat bagi Puchong dahulu.

Tuan Lau Yeng Peng: Oh! Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Segambut. Tadi saya tertarik dengan sistem pengangkutan awam yang telah menyebabkan masalah terutama di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat, di Kuala Lumpur, kita ada LRT, kita ada STAR, Monorail, bermacam-macam sistem pengangkutan yang ada sekarang ini tetapi pada masa yang sama, ramai orang tidak guna sistem ini ataupun sistem pengangkutan awam. Adakah ini kerana dalam masa perancangan lokasi-lokasi yang strategi ini, mereka tidak mengambil kira faktor-faktor kepadatan penduduk dan juga corak kecenderungan penduduk untuk menggunakan sistem pengangkutan awam?

Setujukah Yang Berhormat, cadangkan kepada Rapid KL atau kerajaan atau kementerian tertentu mengkaji semula bahawa sistem pengangkutan yang efisien atau berkesan ini adalah sangat-sangat penting pada masa hadapan dan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya, terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Kalau kita bandingkan di Hong Kong, Australia ataupun di Paris, ataupun di London, walaupun *citynya* ataupun bandar raya dia berjuta-juta manusia tetapi kita jarang tengok mereka jem, apakah sebabnya? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, lain tempat pun ada jem juga tetapi bukan kita tidak mahu menyelesaikan perkara ini. Apa yang Ahli Yang Berhormat kata adalah benar dan skim perancangan patutnya ambil kira perkara ini dan saya setuju komen-komen Ahli Yang Berhormat tetapi kita tidak boleh paksa orang guna kenderaan awam dan perlu satu sikap tukar fikiran atau *paradigm shift* tentang jaga alam sekitar ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Nanti bagi. Sebab saya duduk tidak jauh dari sini iaitu Bangsar, kadang-kadang dengan keluarga saya, saya mahu pergi KLCC, saya guna LRT. Tidak ada masalah. Tetapi kalau tiap-tiap orang mahu bawa kereta pergi KLCC, teruklah. Kadang-kadang kita guna kenderaan awam atau Putra lebih cepat. Saya beri peluang untuk Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dahulu. Sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Segambut, saya amat tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Segambut tentang masalah kesesakan lalu-lintas dan sikap orang ramai terhadap penggunaan kereta persendirian. Rasa saya, pokoknya bukan orang ramai hendak menggunakan kereta persendirian untuk masuk ke bandar ataupun kawasan perbandaran. Salah satu masalah utama adalah berkaitan dengan perkhidmatan atau mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

Kalau kita lihat, saya pernah cakap dalam Dewan ini bahawa kadar penggunaan sistem pengangkutan awam di Malaysia kini telah merosot sehingga kepada 16 peratus pada tahun 2004 kalau berbanding dengan tahun 2002, 23 peratus dan pada tahun 1985 adalah 34 peratus. Ini menunjukkan bahawa orang ramai tidak puas hati tentang pengangkutan awam di kawasan ini, khususnya di kawasan bandar raya atau di Lembah Klang.

Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Segambut kalau kita cadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu badan berkanun yang bernama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Lembah Klang, yang mempunyai kuasa untuk merancang, mengintegrasikan dan mengawal selia perkhidmatan pengangkutan awam bandar di Lembah Klang supaya dari segi apabila kita dapat tumpukan pada ini maka dapat mengawal selia dan memantapkan lagi sistem pengangkutan awam. Maka orang ramai akan secara automatik akan menggunakan sistem pengangkutan awam untuk *to and from every day*. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih atas pandangan dari rakan saya dari Kelana Jaya. Tadi saya sebut kerajaan sudah menubuhkan satu pengurusan Syarikat Kenderaan Lembah Kelang, dan saya harap tidak lama lagi boleh keluar laporan. Tetapi tentang perkara ini, suruhanjaya mungkin kerajaan boleh ambil kira perkara ini sebab ini terlibat semua orang - orang miskin yang duduk di setinggan, orang kaya dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat bagi Kelana Jaya kata tentang perkhidmatan awam. Tadi saya sebut kalau boleh guna pandangan ini, *shuttle bus*, minta izin, kenderaan ini mesti berada dalam satu keadaan yang baik. Kadang-kadang di lain tempat, kita nampak bas itu pintu mau rosak, tidak ada *bumper*, itu asap dari ekzos teruk dan sebagainya. *Air-cond* mesti berfungsi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Nak bagi laluan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Ahh.. Larut

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Segambut. Pasal kesesakan ini, di Indonesia pun dipanggil 'macat' - di Jakarta, di Madras, di Shanghai, di Hong Kong, di mana-mana ya. Saya ingat sudah tiba masanya kerajaan, saya nak cadangkan kalau Yang Berhormat setuju, Yang Berhormat tinggal di kawasan bandar. Kita ikut macam di negara jiran. Pada hujung minggu (*weekend*) mana menjadi tumpuan orang ramai di suatu tempat itu, menggunakan kenderaan awam, dipanggil Zon Terhad. Mahu tidak mahu dia guna kenderaan awam.

Dia nak pergi KLCC umpamanya. Dia nak pergi ke mana lagi? Ke Menara Kuala Lumpur? Ini sebagai contoh ya. Saya rasa sudah tiba masanya untuk menyelesaikan masalah kesesakan ini. Memang di mana-mana pun kalau kita cakap, sebab gaya hidup. Ya. Setengah tu ada sampai tiga, empat buah kereta, dia mesti nak pakai kereta dia. Kalau tidak, bila lagi? Macam Pontian umpamanya, kalau dia ada tiga kereta, empat kereta. Sebagai contoh, mungkin tidak. Mungkin Tuan Yang di-Pertua sendiri. Ini gaya hidup, kita mesti adakan satu pendekatan pendidikan bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Apakah pandangan Yang Berhormat sebagai wakil rakyat di kawasan bandar raya ini?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Ini Zon Terhad satu pandangan atau idea yang baik. Di negara lain seperti England ada lain kegunaan, minta izin, *park and ride*. Ianya di tempat di luar bandar, kita simpan kereta untuk 1 *pound* sehari dan guna 20 *pence* untuk guna bas untuk sampai pusat bandar. Itu pandangan yang baik. So sekali lagi saya ucap terima kasih untuk Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk saya ambil bahagian dan saya harap pihak kerajaan dan pentadbiran ambil berat tentang komen-komen saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yacob]: Pontian

3.45 ptg.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan bajet 2006 pada hari ini. Saya amat bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan anggota Kerajaan Barisan Nasional telah membentangkan sebuah bajet yang luar biasa dalam suasana masa kini. Dalam keadaan luar biasa, kita perlukan bajet yang luar biasa.

Saya berpendapat luar biasa itu adalah di mana harga petrol yang terus meningkat tertinggi yang pernah kita lihat tetapi jalan raya tetap penuh sesak dengan kenderaan. Ini yang berlaku dalam negara kita. Malah, kita semua sedia maklum, lebuh raya yang baru Kuala Lumpur ke Putrajaya akan dibina. Itu dalam keadaan harga petrol terus meningkat. Selatan Thai, Pulau Peranginan Bali, walaupun dengan adanya sokongan kuat kuasa-kuasa besar, tetapi tetap diancam.

Malah di Amerika sekalipun ada berpuluh ribu Ph.D tetapi New Orleans tetap tenggelam. Sementara Jalan Bukit Bintang, Dataran Putrajaya, Pulau Langkawi dan Pulau Pinang, pelancong terus bersantai dan membeli belah. RM8 billion FDI pada pertengahan 2005, alhamdulillah, kita amat bertuah. Pada saya sebuah bajet yang dibentangkan pada tahun ini adalah pendekatan yang cuba untuk mencari perimbangan antara keperluan domestik dan juga international, antara keperluan coastal dan keperluan inland, antara keperluan luar bandar (*rural*) dengan yang di bandar, keperluan antara society dan ekonomi dan juga keperluan antara alam sekitar dan manusianya.

Pada saya, Bajet 2006 ini merupakan *road map* untuk ekonomi negara kita. Ianya bukan ramalan. Bajet 2006 kita ini bukannya ramalan, tetapi pengisian dasar sebagai asas kepada yang saya panggil *high speed economy growth*. Tuan yang di-Pertua, perkara yang penting yang disentuh dalam Bajet 2006 yang saya ingin bangkitkan pada petang ini yang menyatakan hasrat untuk membangun dan meningkatkan keupayaan modal insan, sistem pengurusan dan organisasi. Antara lainnya satu kaedah untuk menambah baik modal insan adalah melalui pelajaran dan latihan. Dalam masa yang sama Bajet 2006 kepimpinan negara juga berhasrat untuk menubuhkan akademi kepimpinan, pengurusan dan pengarah, *management leadership* dan *director's academy* sebagai pusat kecemerlangan kepimpinan. Saya kira inilah dia pendekatan yang merupakan kunci kepada kejayaan yang besar untuk mencapai *high speed economy growth* ini.

Saya berpendapat sedemikian dengan membawa syor supaya akademi kepimpinan pengurusan dan pengarah ini bukan hanya melatih pengurusan dan juga pengurus syarikat-syarikat GLC ataupun syarikat-syarikat yang berorientasikan pembangunan ekonomi, tetapi juga akademi kepimpinan, pengurusan dan pengarah ini juga akan dapat memberi peluang kepada kakitangan kerajaan, pegawai kanan kerajaan untuk memperolehi kemahiran, untuk mewujudkan apa yang dipanggil suasana mesra perniagaan ini (*business friendly*) supaya dengan adanya akademi ini yang memberi pendedahan dan latihan kepada pegawai dan pegawai kanan kerajaan ini, proses yang saya panggil *high speed economy growth* ini dapat kita lalui.

Kita tidak ada Bill Gates seperti mana wujudnya Microsoft, kita tidak ada Steve Jobs dengan adanya Syarikat Komputer Apple, kita tidak ada Larry Bench atau Surgey Brin dengan tertubuhnya Google. Tapi kita bercita-cita besar dengan adanya MSC, dengan

adanya pelbagai pendekatan pembangunan ICT. Yang malangnya, berbilion-bilion ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan, tetapi hasilnya masih belum lagi dapat kita lihat.

Kita alu-alukan peranan sektor swasta yang kita katakan amat penting untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Percayalah, dan saya tidak teragak-agak untuk mengesyorkan bahawa pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan dalam mana yang saya perkatakan lebih awal tadi mewujudkan suasana mesra perniagaan ini merupakan agen yang penting. Kenapa tidak, kenapa harus kita berada di dalam keadaan di mana kita takut kalau pegawai kerajaan kita untuk dilihat bersama dengan ahli perniagaan, takut kalau-kalau mereka ini akan dituduh terlibat ataupun melakukan perkara yang di luar batasan mereka sebagai kakitangan kerajaan.

Kita harus ada persepsi yang baru terhadap kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan kita. Kita harus lebih terbuka, kita harus lebih bersedia untuk menerima perubahan supaya dengan adanya suasana yang sedemikian, kerana saya tak pernah terdengar adanya pegawai kanan kerajaan ataupun pegawai-pegawai penting dalam agensi-agensi kerajaan, yang menelefon misal kata Ahli Parlimen Titiwangsa untuk membincang dengan beliau ini cadangan penswastan yang dikemukakan itu.

"Bolehkah tidak Yang Berhormat kita jumpa petang ini?" Tetapi bukan ahli perniagaan itu yang membelanjakan pertemuan itu, sama ada minum kopi ataupun makan malam atau makan tengah hari. Tetapi ianya dibiayai oleh pegawai kerajaan. Yang hendak kenal dengan orang yang hendak mencadangkan apakah projek yang hendak dicadangkan ini, apakah *proposal* yang hendak dikemukakan ini, pegawai kerajaan bayar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Yang Berhormat bagi Larut, bukannya ahli perniagaan sebab mereka ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan? Boleh?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Sebelum Yang Berhormat bagi Pontian pergi lebih jauh, seorang ahli perniagaan, seorang jurutera, saya ikuti apa yang telah Yang Berhormat hujahkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa mesra. Kita ada mesra pegawai dalam melaksanakan perniagaan. Baru-baru ini apakah Yang Berhormat sedar bahawa setelah dikeluarkan arahan, tidak ada kakitangan kerajaan boleh menerima hadiah lebih daripada RM500? Kalau lebih daripada itu, mestilah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pontian dalam apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi ke arah yang kita hendak capai ini.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Itu yang saya maksudkan lebih awal tadi bahawa persepsi kita, akhirnya terpaksa menyekat sumbangan yang mungkin ikhlas datang daripada pihak-pihak tertentu. Satu hadiah hendak musim hari raya begini ataupun pada bulan puasa yang baik begini, satu usahawan seperti rakan saya daripada Arau mungkin, pendapatan bajanya begitu baik sekali, membuat sumbangan kurma kepada pegawai-pegawai kerajaan. Salahkah pegawai-pegawai kerajaan tersebut hendak menerima kurma, ikhlas hasil daripada kejayaan perniagaan mereka.

Tetapi yang menjadi persoalan kita, yang kita pelik, yang kita hairan ialah dalam larangan-larangan yang dikemukakan ini, tetapi akhirnya pegawai-pegawai tinggi, mereka bila pencen, bila tidak lagi berkhidmat dengan kerajaan, menjadi *chairman* sana, *chairman* sini dengan berkesan. Tetapi dalam masa yang sama, sebelum itu mereka tidak boleh buat itu, tidak boleh terima ini, tidak boleh terima itu. Jadi persepsi rakyat bahawa apabila mereka bertugas, apabila mereka pencen maksud saya, "ah, betullah dulu patut dia duduk sembunyi sahaja di sudut-sudut restoran dan hotel kerana kita salah persepsi." Mereka berbincangkah apa, akhirnya hari ini jadi *chairman*lah, Gentingkah atau jadi *chairman* itu dan ini. Ini yang menjadi masalah kepada kita. Begitu juga kepada saya, dalam usaha kita

hendak mewujudkan suasana yang seperti mana Yang Berhormat bagi Larut perkataan tadi, berkaitan dengan soal sistem penyampaian tadi itu.

Pegawai daerah sebagai contoh, kakitangan-kakitangan kerajaan, pada saya tidak perlu Yang Berhormat hendak umumkan. Misal kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet mencadangkan supaya jambatan kecil yang begitu lama diperlukan, yang hari ini diminta supaya Ahli-ahli Parlimen ini mengenal pasti. Kalau bila sampai sudah dikenal pasti pada peringkat pelaksanaan nanti, biarlah Ahli-ahli Parlimen atau wakil-wakil rakyat yang mengumumkan akan peruntukan-peruntukan yang diluluskan.

Ini kadang-kadang wakil rakyat dengan pegawai kerajaan berlumba-lumba hendak mengumumkan sesuatu peruntukan yang diluluskan. Kita yang hendak dipilih setiap lima tahun bukan pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan, mereka akan tetap berada pada pangkat dan juga tahap di mana mereka berada. Kalau boleh, keluar satu arahan pegawai-pegawai tidak payah umum satu pun. Ini semua adalah diberi tanggungjawab mengumumkan segala peruntukan kepada wakil-wakil rakyat, sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira sebagai rumusan kepada perkara yang saya bangkitkan ini ialah pengiktirafan supaya sektor swasta mengiktiraf pegawai kerajaan. Dalam masa yang sama, pegawai kerajaan juga mengiktiraf peranan sektor swasta dan gandingan ini, kerjasama yang baik antara pegawai kerajaan dan juga sektor swasta ini akan dapat mewujudkan satu suasana pengiktirafan demi kepentingan masa depan negara. Pengiktirafan ini penting untuk negara kita. Sebab itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, yang telah dipilih sebagai Naib Presiden UNESCO baru-baru ini. Itulah pengiktirafan yang saya maksudkan supaya negara kita akan dapat melalui proses-proses yang membolehkan kita terus menjadi sebuah negara yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kelewatan pengeluaran sub-waran. Dalam satu pertemuan dengan Menteri Kewangan Kedua, mengatakan bahawa apabila sahaja Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan ataupun bajet ataupun akta yang dipinda, maka Kementerian Kewangan tidak pernah melengah-lengahkan usaha untuk mengeluarkan arahan sekiranya bersabit kewangan dalam bentuk waran kepada kementerian-kementerian yang berkenaan. Tidak pernah Menteri...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh sikit lagi, kementerian?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Sekejap Yang Berhormat. Kata Menteri Kewangan. Tetapi sebaliknya sub-waran itu daripada kementerian kepada agensi-agensi pelaksana. Ini yang melewatkan. Tetapi kerap kali kalau kita berada di kementerian pula, kementerian menafikan ataupun kementerian menghadapi sukar untuk mempercayai bahawa sub-waran itu payah hendak dikeluarkan. Tidak ada kemungkinan bahawa sub-waran itu tidak boleh diberi kepada agensi-agensi yang berkenaan. Jadi ini memerlukan satu pendekatan yang saya kira satu pendekatan yang membolehkan supaya kerenah birokrasi ini dapat kita permudahkan, dapat kita ringkaskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Fasal birokrasi. Tidak apalah, saya lajak itu sikit. Sebenarnya saya hendak sambung fasal apa yang telah saya bagi pandangan tadi di mana Yang Berhormat bagi Pontian mengatakan bahawa pegawai ataupun ketua jabatan tidak adil kalau setakat kakitangan dikenakan sekatan. Jadi kalau mereka ini pencen, bererti mereka mendapat kedudukan. Kebanyakannya adalah mendapat kedudukan, tempat-tempat yang lebih baik, lebih mewah.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pontian untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya memberhentikan amalan ini. Itu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Pontian. Apakah amalan sedemikian rupa, kita hentikan. Kita minta supaya kerajaan melihat, apakah dengan peluang-peluang yang sedemikian rupa, mereka yang di bawah tidak ada kesempatan untuk sampai ke peringkat itu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Pontian sebelum Yang Berhormat bagi Pontian pergi lebih jauh dalam masalah kontrak itu.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, apa pun keadaan, apa pun suasananya, kita tidak mahu melihat bekas matan Perdana Menteri kita sebagai contoh, masih lagi pada hari ini menyuarakan bahawa tidak ada lagi ketelusan, masih belum ada ketelusan di peringkat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kenapa harus keadaan yang sedemikian itu timbul sehinggakan satu perkara yang saya anggap hanya memerlukan ketelusan dalam menentukan sama ada Naza Kia itu siapa yang meluluskan sebagai kereta nasional yang ketiga. Hanya MITI perlu membuat pengesahan.

Saya kira tidak penting sama ada ia diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu itu ataupun oleh Menteri yang berkenaan. Ia yang kita tahu kerajaan yang mempunyai Kabinet satu keputusan yang diputuskan di dalam Kabinet dan Menteri-menteri yang berkenaan melaksanakan. Yang Berhormat Larut saya bawa perkara ini sebagai menjawab soalan Yang Berhormat kepada keadaan di mana ia bukan sahaja *collectives responsibility* semuanya kerana satu dua hal maka terpalit kepada yang lain. Saya kira ini kita kena berbalik semula. Sebab itulah saya amat menyokong sangat rakan-rakan yang mencadangkan supaya Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini supaya memikirkan semula hasrat untuk mengapungkan anak syarikat di Bursa Malaysia ini.

Di dalam bajet yang bertajuk "Membina ketahanan menghadapi cabaran" telah diperkatakan bahawa salah satu kemudahan yang disediakan ialah *group relieve* yang dibenarkan di mana 50% kerugian sesuatu syarikat ditolak daripada keuntungan syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Ini bererti bahawa bukan hanya itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyediakan satu peluang supaya badan berkanun bersumber kewangan sendiri akan dibenar menentukan skim perkhidmatan mereka. Ini memberi peluang kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk melihat semula ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Pontian. Saya rasa macam terpanggil berkenaan dengan Tabung Haji ini kerana kita lihat yang degil sangat ni pasal apa. Adakah kalau misalan kata Tabung Haji dapat *go public* atau pun mengadakan IPO ini satu kebanggaan kepada Tabung Haji? Adakah ini satu trend bahawa apabila pergi *public* sahaja konon boleh bermegah? Dan kita lihat pada hari ini *public listed company* pada hari ini berapa banyak sudah lingkup.

Apa yang hendak dibanggakan. Kita hendak Tabung Haji supaya balik kepada asal. Kita lihat Felda, dahulu ia cuba juga hendak pergi *public listed* tetapi saya penuh yakin dan percaya kalau Felda hari itu kita pergi *public listed* kemungkinan Felda pada hari ini tidak dapat memberi sagu hati kepada peneroka-peneroka yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pasal sebagai satu *listed company* ia tertakluk kepada *share holder* dia dan ia hendak mendapatkan keuntungan maksimum, jadi soal-soal kebajikan ini tidak timbul.

Apabila kita sebut Tabung Haji ini Yang Berhormat bagi Pontian, kita kena sebut tentang kebajikan jemaah haji. Kalau misalan kata tambang itu tinggi pada hari ini maka kita minta Tabung Haji subsidi memberi bantuan kepada jemaah haji supaya tambang jangan mahal sangat. Ini boleh dilaksanakan kalau anak-anak syarikat Tabung Haji ini berada dengan keadaan yang ada hari ini. Tetapi kalau ia pergi *public* apabila telah diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur maka ia tidak boleh buat kerja-kerja macam ini. Apa pendapat sahabat saya Yang Berhormat bagi Pontian yang bijaksana?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya rasa soalan Yang Berhormat pun terjawab dan merasakan bahawa dengan kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Saya kira bila ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut bangun apa pula Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jawablah, senang.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *Last.*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *Last.* Saya rasa kita sudah ramai memberi pandangan tentang Tabung Haji ini kalau boleh kita minta ditangguhkan untuk disenaraikan dalam Bursa Saham. Atau kalau boleh batalkan terus kerana alasan-alasan yang telah diberikan macam sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Kita harap ini macam Felda kalau diapungkan dahulu apa jadi. Mungkin hari ini tidak ada orang-orang kampung merasa dividen-sagu hati raya, mungkin untuk persekolahan dan sebagainya.

Saya mintalah Yang Berhormat mungkin setuju kalau perlu campur tangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya rancangan hendak mengapungkan anak syarikat Tabung Haji ini atau mana-mana syarikat dibatalkan dan ditangguhkan demi masa depan Tabung Haji ini sendiri. Yang sebenarnya adalah semata-mata untuk melindungi segala wang simpanan orang Islam termasuklah kita yang di dalam Dewan ini dan Timbalan Speaker. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sambung sikit sahabat saya Yang Berhormat bagi Pontian apa yang disebut oleh Larut. Kadang-kadang orang tidak faham. Yang Ahli Parlimen bangkitkan bukan bangkitan cara peribadi. Kita ini Ahli Parlimen mewakili rakyat Malaysia. Saya di Jasin 53 ribu pengundi begitu juga di Larut. Yang kita menyuarakan ini adalah suara rakyat bukan suara peribadi Ahli Parlimen. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Pontian?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Saya tambah sikit lagi sebagai tanda bersetuju dengan Pandangan Yang Berhormat bagi Larut dan juga Yang Berhormat bagi Jasin. Saya kira Lembaga Urusan dan Tabung Haji bila mohon tanah atau satu kawasan untuk buat satu perniagaan dengan kerajaan Negeri walaupun tidak semua kerajaan Negeri bekerjasama dengan Tabung Haji tetapi cara dan kaedah mereka dapat itu kadang-kadang ada *green lane* nya. Dengan premiumnya yang lebih rendah, dengan kaedah memperoleh sesuatu kawasan pembangunan ladang dengan cara yang orang kata banyak *discount* diberikan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: ..maka dengan keadaan yang sedemikian tidak ada sebab kalau Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini terpaksa merasakan bahawa mereka menghadapi kesempitan lagi. Tetapi sebaliknya mereka perlu menunjukkan bukti dan hasil bahawa segala keistimewaan yang diberikan selama ini dapat memberikan satu pulangan yang berlipat kali ganda berbanding dengan syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang sama tetapi masih lagi belum dapat pulangan yang ...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Sila, Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh, yang lain sila duduk.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Apa Yang Berhormat bagi Pontian sebut saya sokong, saya setuju dan saya hendak tambah sedikit. Saya terima banyak SMS. Ini hendak baca SMS yang dihantar oleh saya tidak tahu siapa tetapi bila dia dengar dan baca berita hari ini tentang *TH Plantation* tentang Tabung Haji, dia hantar SMS. Soalan yang dia tanya saya tidak boleh jawab, "*Siapa yang cadang, kenapa cadang?*". Cadang itu bermaksud cadang untuk buat apung. "*Kenapa hendak bail out ladang di luar negara ke? Siapa yang untung? Pastikah untung? Financial unit yang mana yang buat kajian? Kalau perladangan rugi overseas baik*

jual sahaja, tanggung sahajalah hutang. Kenapa tidak fikir soal dari segi politik, agenda Melayu, roh dasar ekonomi baru?" Itu soalan daripada rakyat. Saya tidak boleh jawab. Saya katakan kepadanya saya tidak boleh jawab. Kalau Pontian boleh jawab tolonglah.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Ketereh lebih besar lagi daripada Pontian. Tidak terjawab saya soalan ini. Tetapi pertanyaan itu saya kira mempunyai makna yang jauh yang mempunyai saya kira tujuan yang murni untuk membawa hasrat supaya Tabung Haji ini terus menjadi satu badan yang unggul yang mencerminkan kekuatan bangsa dan juga agama Islam yang ada di negara kita.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pontian. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saudara lagi ini dengan Yang Berhormat bagi Pontian ini Tuan Yang di-Pertua *[Dewan riuh]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapa Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji ini adalah milik kita bersama. Keyakinan umat Islam pada Tabung Haji ini adalah keyakinan yang kita bina bersama walaupun saya daripada PAS walaupun daripada UMNO tetapi keyakinan orang kampung, keyakinan kita kerana kesucian pelaburan, kerana kita yakin dengan Tabung Haji. Keyakinan ini telah kita bina bersama dalam hati kita semua dan Tabung Haji kena ingat supaya jangan main-main. Jangan perbodohkan orang di luar sana. Jangan fikir orang tidak tahu. Kami mahu supaya duit kami dan duit kita semua ini yang kita simpan dalam Tabung Haji, duit yang suci, duit yang boleh memberikan pulangan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, PAS ada 1.3 juta ahli. Saya sendiri kalau orang bertanya dengan saya di mana duit mesti disimpan, saya jawab dengan tegas, "Bank Islam dan Tabung Haji".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak ke Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini pasal Tabung Haji ini, saya geram sungguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyakkah duitnya?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Jadi, saya minta Tabung Haji, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sampai lagi hendak kempen jangan keluarkan duit tetapi jangan sampai hilang keyakinan orang keluar duit daripada Tabung Haji, ini akan merugikan masa depan kita. Ini Tabung Haji kena dengar baik-baik dan menteri mesti bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Tabung Haji ini. Jangan apungkan wang kami dan risiko yang bakal kami terima. Ini amaran kami kepada Tabung Haji, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Saya kira Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab sudah tentu mendengar. Sudah kuat laungan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Pontian belum jawab saya tadi. Saya minta campur tangan Yang amat Berhormat Perdana Menteri. Kemudian terima kasihlah PAS pertama kali menyokong kita minta supaya jangan diapungkan. Yang Berhormat setuju tidak Perdana Menteri campur tangan dalam hal ini? Tutup cerita, jangan diapungkan. Kita pun faham, bukan tak faham masalahnya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Setuju, setuju, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Saya setuju.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat dia bagi jalan. Saya ingat lepas ini Yang Berhormat bagi Pontian tidak payah bagi jalan lagilah, sila gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya, selepas ini dia hendak gulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya tengok Yang Berhormat bagi Kubang Kerian semangat sungguh bercakap, mungkin ada penyokong dua orang di atas itu kot. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak isu Tabung Haji ini memang telah kita bahaskan dengan panjang lebar. Dalam perbahasan bajet tahun lepas, saya sendiri pun telah bawa isu Tabung Haji ini mengenai kecekapan dan keberkesanan pegawai-pegawai dalam menyediakan perkhidmatan. Kali ini Yang Berhormat bagi Pontian, saya betul-betullah hendak minta Yang Berhormat bagi Pontian kalau boleh sampaikan kepada menteri, saya tengok sudah dua, tiga kali menteri meletakkan apa juga keputusan yang membabitkan perkara-perkara berkenaan dengan agama Islam.

Saya dapat lihat bahawa kajian ataupun analisa yang dilakukan tidak begitu komprehensif, tidak melambangkan ciri-ciri *Islamic* di dalam membuat keputusan umpamanya dalam tajuk halal haram, dalam tajuk pengapungan Tabung Haji Plantation ini, meletakkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) tadi itu sebagai tempat rujuk yang pertama tanpa mengambil kira pendapat-pendapat lain yang boleh mempengaruhi keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu tadi.

Bila ditanya oleh wartawan, Yang Berhormat Menteri berkata, "Jawatankuasa JFK ini telah membuat keputusan", dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormatlah, saya minta Yang Berhormat sampaikan kepada menteri ke, kalau boleh buatlah satu analisa yang komprehensif dan menyeluruh supaya jawapan itu benar-benar boleh menenangkan hati kita semua. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandangan itu amat berkesan sekali dan amat bernas dan saya percaya bahawa harapan hasrat Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu pun sudah dijawab. 12 hari bulan esok, 5.30 petang, Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menerangkan kepada kita tentang TH Plantation ini.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak menimbulkan lagi kesakitan kepada lutut Menteri MITI ini. *[Ketawa]* Dia sudah ada di hospital, sudah sakit sungguh, tetapi AP pun ceritanya masih tidak selesai. Sebenarnya kalau AP ini dapat diselesaikan segera ceritanya kerana masih ada satu lagi peranan MITI yang saya kira menjadi kepentingan kita. Dalam bulan baik, hari baik ini, Yang Berhormat, mengenai pembangunan industri halal ini, ini tanggungjawab MITI yang masih lagi tidak terlaksana dan kita tidak tahu sejauh mana kejayaan industri halal ini.

Saya pernah mengikuti rombongan MITI ke Australia tidak berapa lama dahulu, Yang Berhormat, syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor yang turut serta itu, yang ditugaskan untuk memperkenalkan industri halal di Malaysia ini, syarikat berkenaan merupakan syarikat pemaju yang hanya ada sebidang tanah di satu kawasan di Pulau Indah di Selangor itu yang digazetkan sebagai satu industri halal dan Kerajaan Negeri Selangor hendak menjual tanah sahaja kepada pelabur-pelabur yang ditemui ataupun ahli-ahli perniagaan yang ditemui di Australia pada waktu itu.

Saya rasa industri halal ini lebih jauh luas skopnya daripada hanya kawasan pembangunan industri yang menempatkan industri-industri yang mengeluarkan produk-

produk yang halal ini, lebih jauh daripada itu. Kalau kita hanya berkisar kepada itu, maka saya kira satu lagi kegagalan di peringkat MITI untuk menjelaskan kepada kita di manakah sebenarnya arah tuju dan kedudukan kita berkenaan dengan industri halal dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat saya rumuskan, kalau kita dapat mengelak negara daripada melakukan sesuatu yang ajaib seperti lambakan AP sehingga menjejaskan industri kereta nasional, jejambat MRR2 yang retak sebelum siap, bumbung makmal yang runtuh sebelum digunakan, membeli petrol *vessel* pada harga yang berlipat kali ganda, pendekatan penswastaan yang membebankan kerajaan, saya yakin formula *high speed economic growth* ini yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam bajet bagi tahun 2006 ini, insya-Allah akan dapat membawa keharmonian kepada negara kita.

Terima kasih Yang Berhormat, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baram.

4.18 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 ini. Saya bangun untuk menyokong bajet ini dan seterusnya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana mengemukakan Bajet 2006 ini dengan cukup baik dan prihatin kepada semua lapisan masyarakat di negara kita, di bandar ataupun di luar bandar.

Kita sedar bahawa bajet ini bukan mudah untuk dibuat memandangkan cabaran perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan daripada peningkatan mendadak harga minyak, kadar faedah yang kian meningkat serta persaingan global yang semakin sengit. Dengan hasrat kerajaan untuk terus mengurangkan *deficit budget* daripada 5.8% daripada KDNK pada 2002 kepada 3.8% tahun ini kepada 3.5% tahun 2006, maka strategi-strategi yang diambil itu mestilah diberi keseimbangan supaya penjana pertumbuhan ekonomi terus kekal, pembangunan infrastruktur fizikal tercapai, kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat terus dipertingkatkan, keupayaan modul insan itu berkekalan dan kewujudan persekitaran yang lebih mesra perniagaan bagi meningkat daya saing negara. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang diberi kepada saya ini agak terhad, saya ingin tumpukan perbahasan saya ini kepada beberapa perkara sahaja yang mempunyai kaitan dengan pembangunan negara, khususnya pembangunan kawasan luar bandar. Kita berterima kasihlah kepada kerajaan kerana berhasrat untuk membawa bangunan yang seimbang dan komprehensif kepada rakyat seluruh negara. Selaras dengan matlamat ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM5.7 bilion ringgit untuk memperbaiki ekonomi dan infrastruktur di luar bandar iaitu satu peruntukan yang saya rasa cukup besar. Saya berharap sebahagian daripada peruntukan ini disalurkan kepada negeri-negeri yang masih mundur dan lebih-lebih lagi kepada kawasan-kawasan Parlimen yang mempunyai kekurangan kemudahan asas seperti kawasan saya di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, kita merujuk kepada statistik pencapaian pembangunan jalan raya, jalan luar bandar dan jalan kampung di negara ini, kita tentu nampak bahawa kemudahan ini belum cukup untuk mempercepatkan atau memfasilitasi pembangunan luar bandar ke satu tahap di mana penduduk-penduduk luar bandar itu boleh bertindak berusaha untuk membangunkan kawasan kampung dan aktiviti ekonomi mereka. Saya ambil satu contoh, di kawasan saya di Baram jalan ini disebutkan jalan utama persekutuan Beluru Long Teru jaraknya 44 km. Jalan ini dibina ke taraf jalan batu lebih daripada 20 tahun dahulu akan tetapi sampai sekarang jalan ini pun belum dinaik taraf dan ditarkan walaupun ini satu jalan yang disebutkan jalan utama Persekutuan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangkitkan pembinaan naik taraf jalan ini semenjak tahun 1995 masa saya menjadi wakil rakyat dalam Parlimen ini masa Rancangan

Malaysia ke-7 dan telah menyuarakan masalah jalan ini setiap sesi Parlimen ini berada sama ada dalam ucapan atau dibangkitkan dalam persoalan jawab lisan ataupun jawab bertulis, malangnya Tuan Yang di-Pertua jawapan yang saya sering menerima daripada kementerian adalah mengata kementerian sentiasa akan ambil perhatian dan mengkajinya. Saya merasa sedih sekali kerana tindakan perhatian ini tidak terjadi sampai ke begitu lama. Rancangan Malaysia Ke-7 sudah lepas, Rancangan Malaysia Ke-8 pun dekat lenyap dan sekarang ini kita dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-9. Mengapa tindakan ini tidak boleh terjadi? Susulan, dengan satu susulan telah dibuat tidak juga boleh jadi, bagaimana lagi? Ini sangat menyedihkan hati saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jalan ini memang diguna oleh semua rakyat di kawasan Baram. Sekali lagi saya minta kepada Menteri Kewangan dan Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam hal ini supaya memberilah peruntukan kepada kawasan Baram untuk menaikkan taraf jalan ini pada tahun 2006 dan siapkan jalan ini dalam Rancangan Malaysia ke-9 akan datang ini.

Mengikut jawapan kementerian kepada saya dalam sesi Parlimen yang lalu, iaitu bulan Mac, jalan ini memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM145 juta sahaja. Jadi saya rasa ini bukan satu peruntukan yang besar sekali dalam satu Rancangan Malaysia yang kita ada dalam 5 tahun. Janganlah biar masalah ini sampai ke Rancangan Malaysia Ke-10 nanti dan Ke-11. Mungkin saya tidak ada di sini lagilah. Bila lagi hendak buatnya? Bila lagi? Saya mahu dia siap semasa saya duduk di sini. Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya ceritakan ini mencerminkan bahawa kecekapan kerajaan dan isu-isu yang dibangkitkan di Parlimen yang mulia ini nampak tidak diambil perhatian dengan serius oleh pihak yang bertanggungjawab. Di manakah perginya perkhidmatan pencapaian *delivery service* kerajaan yang kita sentiasa sebutkan cemerlang itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada infrastruktur jalan yang saya sentuh itu tadi, pembangunan kemudahan asas dari segi bekalan air dan elektrik luar bandar juga masih kekurangan, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah. Menurut kajian peratusan daripada isi rumah, liputan bekalan air di luar bandar adalah 86.5% pada tahun 2004 dan 8.6% pada tahun 2003. Dalam satu tahun ada naik 0.5% sahaja. Bagi liputan bekalan elektrik pula, pada 2004 adalah 92.7% dan 91.5% pada 2003. Kenaikan hanya 1.2%. Ini menunjukkan bahawa peruntukan RM299 juta yang disediakan bagi bekalan air dan elektrik di negara ini pada tahun depan nampak tidak mencukupi. Jika kita perhatikan bagi kawasan saya di Baram, peratus pencapaian ini adalah rendah dari pencapaian purata negara. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya peruntukan ini ditambah supaya peruntukan juga disalurkan ke kawasan-kawasan pedalaman yang mundur seperti kawasan saya di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh tentang pembangunan ekonomi di luar bandar kerana kadar kemiskinan peratus isi rumah di luar bandar itu adalah 9.6% pada tahun 2004 dan 11.4% pada tahun 2003. Jika dibandingkan dengan bandar - 1.6% pada 2004 dan 22.0 % pada 2003. Kadar kemiskinan tegar bagi luar bandar juga tinggi - 1.5% pada 2004 jika dibandingkan dengan bandar - 0.2% pada 2004. Atas keadaan yang seperti ini maka kerajaan perlu tumpukan strategi untuk membasmi kemiskinan ini di luar bandar. Saya percaya tumpuan boleh diberi kepada sektor yang relevan dan sesuai yang bakal dibangunkan untuk meningkat pendapatan-pendapatan luar bandar.

Dalam pada itu kenaikan ekonomi luar bandar adalah bergantung kepada usaha yang melibatkan pembangunan pertanian dan industri berasas pertanian. Ini juga melibatkan industri pelancongan dan juga kerja-kerja dari aktiviti perladangan dan pembalakan. Saya mengalu-alukan bajet RM2.7 bilion untuk pelaksanaan projek pertanian luar bandar khususnya bagi menaik nilai yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada petani. Kita sedar bahawa petani-petani kita sangat memerlukan bantuan modal, perkhidmatan nasihat dan pembangunan fizikal, sistem pemasaran yang berkesan dan pasaran yang berkekalan supaya mereka terus bergiat dan berinisiatif untuk menaikkan pendapatan mereka. Langkah-langkah yang diambil secara proaktif dalam bajet ini adalah baik dan kita berharap bahawa langkah ini akan terus membawa sektor pertanian ini maju dari yang tercapai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tersebut adalah seperti - penyusunan semula Jabatan Pertanian dan penambahan 255 jawatan baru; pembukaan Pejabat Kaunselor Pertanian di luar negara untuk mempromosikan produk Malaysia cukup baik; penambahan wang RM300 juta kepada Tabung Makanan 3F; menggalak GLC menjadi pemangkin dan mengkomersialkan sektor pertanian; penubuhan syarikat pertanian dan makanan nasional dengan modal RM500 juta; dan juga pelancaran Dasar Koperasi Negara untuk memacukan pembangunan sektor pertanian dalam bidang penguasa kecil.

Semua langkah ini memang akan memajukan sektor pertanian dan seterusnya memajukan penduduk luar bandar. Saya mencadangkan supaya langkah-langkah yang diambil ini dipergiatkan dan dilaksanakan dengan baik dan cekap supaya boleh membangunkan kawasan luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan langkah tersebut saya ingin minta penjelasan daripada Menteri kewangan dalam beberapa soalan iaitu:

- (i) bagaimanakah syarikat pertanian dan makanan nasional ini boleh *reconciliation* peranannya dengan badan-badan yang sedia ada seperti Jabatan Pertanian, FAMA dan badan-badan yang terlibat dalam sektor pertanian ini?
- (ii) apa perbezaannya peranan koperasi yang baru ini dengan Lembaga Pertubuhan Peladang ataupun LPP yang sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh sedikit ke perkara sektor pelancongan kerana sektor ini juga boleh memainkan peranan penting untuk menaikkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar di negara ini, khususnya di negeri Sarawak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita sedar bahawa kedatangan pelancong ke negara ini semakin ramai daripada 12.7 juta pada tahun 2001, ke 13.29 juta pada tahun 2002, ke 15.7 juta pada 2004 dan 16.7 juta dianggarkan pada 2005 ini. Industri pelancongan menyumbangkan RM25.2 bilion pada 2002 dan pada perhatian ini meningkat ke tahap yang lebih tinggi pada tahun 2004 dan tahun 2005 ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, jika sebahagian daripada jumlah pelancong ini melancong ke kawasan luar bandar mengikuti pakej-pakej *eco-tourism* dan lain-lain, saya percaya ekonomi luar bandar akan terus meningkat. Saya memerhati bahawa sektor ini disentuh dengan *passing remark* sahaja dalam bajet ini. Adakah ini bermakna bahawa sektor ini sudah sampai ke tahap yang matang dan mencukupi?

Bagi pandangan saya sektor pelancongan ini perlu digiatkan dengan peruntukan yang cukup besar supaya Kementerian Pelancongan boleh menjalankan usaha kementerian ini dengan agresifnya, seperti membangunkan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menarik pelancong pergi melawat ke luar bandar. Contohnya, di kawasan saya kawasan *Logan Bunut National Park* yang belum cukup *facility* lagi dan juga satu lagi kawasan yang cukup menarik iaitu Dataran Tinggi Usun Apau, di mana kita mempunyai satu air terjun yang cukup tinggi tetapi bukan di dunia, mungkin di seluruh Malaysia, lebih kurang 600 kaki tinggi. Begitu juga kementerian boleh mempromosikan budaya, kesenian dan warisan kita kepada dunia luar dan seterusnya mempromosikan usaha kraf tangan masyarakat Malaysia yang cukup menarik dan unik di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baram Regata ialah salah satu kegiatan yang cukup unik dan bersejarah untuk menarik pelancong ke kawasan Baram. Kita baru mengadakannya 3 hari dalam bulan September 2005 dari 23 sehingga 25 hari bulan. Kita nampak ramai pelancong-pelancong luar ke kawasan tersebut dan mengambil bahagian dalam Baram Regata itu. Jadi, regata seperti ini perlu dipromosikan pada pelancong dalaman dan juga pelancong di luar negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ampang.

4.34 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Bajet 2006 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 30 September 2005, bertemakan membina ketahanan, menghadapi cabaran, merupakan satu bajet seimbang yang mengambil kira daya tahan negara dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia.

Seperti tahun sebelumnya, Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang tinggi iaitu lebih kurang RM19.8 bilion. Peruntukan yang besar ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mencapai satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia, melahirkan insan berilmu dan menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara.

Seperkara yang saya ingin sentuh ialah tentang peruntukan untuk kegiatan kokurikulum sekolah. Objektif pendidikan rendah dan menengah dengan jelas menyatakan bahawa objektifnya adalah untuk menyediakan program dan kemudahan pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bidang kurikulum dan kokurikulum untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan falsafah dan dasar pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kementerian memperuntukkan RM1.60 bagi setiap pelajar untuk kegiatan kokurikulum dan tidak pernah dikaji sejak sekian lama. RM1.60 ini terlalu kecil. Memang tidak langsung membantu. Akhirnya sekolah-sekolah, PIBG-PIBG akan meminta peruntukan daripada wakil-wakil rakyat. Sepatutnya, Kementerian Pelajaran memperuntukkan sejumlah wang yang munasabah jumlahnya. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana untuk memasuki ke IPT mulai tahun depan, Menteri Pengajian Tinggi sudah pun mengumumkan bahawa penglibatan murid-murid dalam aktiviti kokurikulum akan menjadi satu syarat, yang mana 90% kelayakan akademik diambil kira dan selebihnya 10% aktiviti kokurikulum menjadi syarat kemasukan ke IPT.

Aktiviti kokurikulum yang dimaksudkan termasuklah kegiatan sukan dan pakaian seragam. Tidak kiralah sama ada kegiatan sukan atau pakaian seragam, murid-murid sekolah mestilah aktif mulai sekarang dalam kegiatan kokurikulum bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Jika kegiatan sukan, memang selalunya sekolah menjalankan aktiviti tetapi untuk pasukan pakaian seragam peruntukan diminta dari wakil rakyat. Jika kementerian boleh membelanjakan secara puratanya RM600 secara purata untuk setiap pelajar bagi penyediaan prasarana ICT, kenapa untuk kokurikulum cuma RM1.60 sahaja?

Menyentuh kegiatan sukan pula, nampaknya Kementerian Pelajaran ada berminat untuk meningkatkan pembangunan sukan dan sahsiah diri murid-murid sekolah kita. Pada awal tahun ini, Kementerian Pelajaran ada mencadangkan untuk mewajibkan pelajar sekolah rendah dan menengah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Tetapi masalahnya kita tidak mahu pelajar-pelajar rasa terbeban sedangkan guru yang terlatih tidak ada dan akhirnya pelajar sendiri yang akan rugi.

Kajian oleh Fakulti Sains Sukan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), mendapati majoriti guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah terdiri daripada mereka yang tidak berkelayakan. Ada yang tidak mempunyai asas langsung dalam bidang sukan. Ada sekolah yang main tangkap muat, sesiapa sahaja boleh mengajar Pendidikan Jasmani, termasuk guru agama dan sesiapa sahaja yang tidak mengajar pada waktu tersebut. Guru-guru ini ada yang tidak pernah hadir kursus dan ada yang tidak minat langsung dalam bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah merupakan *venue* pertama, dengan izin, untuk mengesan bakat dan seterusnya dibentuk menjadi atlet yang berjaya. Jika guru tidak mengetahui perkara asas sukan, murid-murid akan menganggap subjek ataupun mata pelajaran Pendidikan Jasmani ini sebagai tidak penting kecuali bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sukan.

Walaupun di awal ucapan saya tadi menyebut bahawa kegiatan kokurikulum termasuk sukan akan merupakan prasyarat kemasukan ke IPT mulai tahun depan, saya berpendapat sistem kredit sudah mencukupi untuk diperkenalkan di sekolah-sekolah. Tetapi jika ingin menjadikan subjek Pendidikan Jasmani itu sebagai subjek peperiksaan maka sediakanlah guru-guru yang terlatih terlebih dahulu.

Kementerian Pelajaran harus menyediakan tenaga pengajar yang berkecukupan dan mengatasi senario kekurangan guru bertauliah dalam Pendidikan Jasmani melalui program pembangunan staf, khas untuk subjek Pendidikan Jasmani di peringkat sekolah, daerah dan zon.

Seperkara lagi bukan guru bertauliah sahaja, malah kementerian juga harus memastikan kemudahan prasarana sukan dapat disediakan secukupnya. Jika tidak mampu disediakan kedua-dua perkara ini, saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengkaji secara terperinci terlebih dahulu sebelum diwajibkan pelajar menduduki peperiksaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Jika tidak, berikanlah tumpuan kepada sekolah sukan atau membina lebih banyak sekolah sukan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan akan mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM1.3 bilion untuk pembangunan hospital, naik taraf klinik-klinik dan juga mempertingkatkan makmal dan peralatan di hospital-hospital. Manakala, peruntukan mengurus pula sebanyak RM7.3 bilion.

Tetapi masalah pengurusan seperti masalah kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan masih di takuk lama. Ramai doktor pakar memilih untuk meletak jawatan dan berkhidmat di sektor swasta, ada segelintir yang berhijrah ke luar negara bukan kerana tidak sayangkan negara. Dalam kedua-dua senario tersebut, gaji merupakan sebab asas doktor-doktor pakar meninggalkan hospital-hospital kerajaan. Yang anehnya kerajaan lebih memilih untuk memberi layanan yang lebih baik untuk doktor-doktor pakar dari luar negara dengan memberi insentif atau tangga gaji yang jauh lebih baik berbanding dengan doktor-doktor pakar tempatan.

Doktor-doktor pakar luar negara ini secara umumnya adalah dari negara-negara membangun seperti India, Pakistan dan Myanmar. Mereka kebanyakannya adalah doktor-doktor pakar yang sukar mendapatkan pekerjaan di negara masing-masing. Mereka tidak dapat bertutur dalam bahasa tempatan, tidak memahami kebudayaan tempatan dan ada yang terpaksa dilatih semula oleh pakar-pakar tempatan sebelum dihantar berkhidmat di hospital-hospital di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor pakar di hospital-hospital kerajaan sebenarnya kecewa dan rasa terhina seolah-olah kerajaan tidak menghargai mereka yang berkecukupan pakar. Setelah bertungkus-lumus...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Izin laluan?

Dr. Rozaidah binti Talib: Sila.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Ampang. Ini mengenai dengan doktor pakar ini, memanglah kalau kita boleh kita nak doktor pakar daripada tempatan yang duduk di hospital kita dan sebagainya. Tapi saya dimaklumkanlah yang doktor pakar yang ada di Malaysia ini tidak berapa patriotiklah, sebagai contohnya bila pernah diberitahu oleh seorang pengarah kesihatan atau pegawai kesihatan, dia kata bila doktor pakar itu nak ditempatkan di luar bandar contohnya macam hospital di Kuala Lipis, mereka sanggup letak jawatan dan bekerja di swasta, tak mahu pergi. Jadi kesannya macam di Lipis sepatutnya ada tujuh doktor pakar, tapi ada satu saja, satu pun yang importlah, doktor pakar yang dibawa daripada luar. Dan tak boleh nak berfungsi pula sebab pakar biusnya tiada, sebab doktor pakar tu dia memerlukan pair dia, jadi saya rasa tidak ada patriotik itu, itu yang penting, bagaimana?

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya ada menyebut Yang Berhormat Lipis bahawa pokoknya sebab asas kepada doktor-doktor pakar ini berhijrah ke hospital swasta terutamanya adalah disebabkan oleh ketidakpuasan dalam soal gaji dan saya nak terangkan sikit senario seorang doktor pakar ini. Seorang doktor pakar ini setelah

bertungkus-lumus untuk mendapatkan kelayakan sebagai seorang pakar, mereka ini berada pada tahap U41 mengikut sistem saraan baru. Mereka tidak berkecayaan untuk mendapat U48 seperti sebelumnya. Mengikut peraturan yang sedia ada, seseorang itu hanya layak untuk U48 selepas melepasi dua peperiksaan awam iaitu PTK1 dan PTK2, kedua-duanya merupakan peperiksaan am dan apa yang diuji langsung tidak berkaitan dengan bidang kepakaran yang diamalkan walaupun mereka memang berkecayaan setelah lulus dalam peperiksaan ikhtisas dalam bidang masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis dan Santubong juga.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Tak apalah, Lipis nak sambung sahaja, nak sambung sikit. Jadi yang itu saya bersetuju bahawa peperiksaan awam bagi doktor pakar ini patut tak perlu adalah kerana kita melihat yang itu, kita bersetuju. Maknanya kalau mereka dah pakar, mereka mesti dibayar gaji pakar, jadi jangan pula ada yang lain-lain peperiksaan yang menyebabkan mereka ini ya, itu kita setuju.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Ini macam-macam peperiksaan pula nak dibuat, sedangkan patutnya yang kita nak adalah pakarnya. Yang itu jadi kita harapkan kerajaan menimbang balik yang itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Ampang, saya nak sebut apa yang Lipis sebut. Persoalan peperiksaan awam ini apa benda soalan tadi? Apa PKKK ke PKK tu? PTK, ini kadang-kadang macam PKK juga ini, benda ini tak relevan Tuan Yang di-Pertua, mana ada relevan seorang doktor disuruh periksa yang benda-benda doktor tak buat. Orang jurutera disuruh periksa benda-benda bukan jurutera buat, orang yang arkitek disuruh peperiksaan yang bukan arkitek buat, macam mana dia lulus?

Jadi orang daripada perkhidmatan awam saja yang lulus. Kalau macam itu orang yang pakar ini suruh beri pekerjaan pakar, beri pekerjaan pakar, beri gaji pakar, tak usah nak jadi pengarah, tak usah nak jadi timbalan pengarah, tak payah. Saya baru-baru ini dengar kerajaan, kementerian kata kita nak wujudkan jemaah pentadbiran dalam jabatan kerajaan khususnya dalam pentadbiran umpamanya yang mempunyai kepakaran dalam *medical services*, dalam JKR, dalam mana-mana sahaja yang memerlukan pegawai-pegawai kepakaran yang khusus ditadbirkan oleh pegawai awam yang tidak mempunyai kelulusan yang sedemikian. Mereka mentadbir sahaja, merekalah jadi pengarah, tapi soal gaji, *perk* dan sebagainya mesti tidak kira. Kalau pengarah ini gaji RM10 ribu, bagi pakar gaji RM20 ribu, apa salah? Jangan persoalkan, you nak jadi pengarah pangkat besar, presiden besar, duduk tempat besar you gaji kecil tak apalah, kerja kecil. [Ketawa]

Tapi kepakaran ini kita jangan kompromikan, pihak saya setuju dengan apa kata Ampang dan dalam masa yang sama saya juga setuju dengan Lipis, orang tak nak pergi Bintulu Tuan Yang di-Pertua, Bintulu besar, tak mahu pergi Bintulu oleh sebab benda inilah. Minta macam mana pandangan?

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis dan Santubong kerana menyokong perkara yang saya timbulkan. Sebenarnya Yang Berhormat Santubong, masalahnya yang membuat semua peraturan peperiksaan ini ialah Jabatan Perkhidmatan Awam, mereka bukan terdiri dari doktor pakar sendiri, jadi dia tidak tahu masalahnya. Dan satu lagi masalah, di dalam Kementerian Kesihatan tidak membela nasib doktor-doktor pakar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran, Parit, Tangga Batu.

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya habiskan sikit sahaja bab ini, lepas itu boleh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ada kaitan.

Dr. Rozaidah binti Talip: Tajuk sama, saya belum habis berucap. Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua peperiksaan ini berbentuk peperiksaan am yang memang tidak membantu untuk meningkatkan mutu perkhidmatan seseorang doktor tersebut sebab tidak ada kaitan langsung dengan bidang kepakaran doktor-doktor ini seperti yang saya katakan. Malangnya Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memilih untuk mengutamakan kedua-dua peperiksaan tersebut berbanding kelulusan ikhtisas yang ada.

Kesimpulannya, setelah berkelulusan ijazah kepakaran, doktor-doktor pakar ini terpaksa membazirkan masa untuk bersedia bagi peperiksaan am tersebut yang tidak produktif kepada kerjaya mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seseorang doktor biasa yang tiada kelayakan kepakaran pun juga boleh mendapat tangga gaji U48 setelah melalui kedua-dua peperiksaan am tersebut. Maka kelulusan kepakaran seolah-olah tidak langsung dipertimbangkan dalam *exercise* kenaikan pangkat seseorang doktor dalam pemikiran Kementerian Kesihatan dan JPA. Sila Parit dulu kemudian Tangga Batu dan Maran.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Ampang, kita apabila berjumpa dengan doktor pakar kita berkehendakkan perkhidmatan yang terbaik, sebab itulah mereka ini dipanggil doktor pakar, dan mereka juga diberi gaji yang lumayan berdasarkan kepada kepakaran mereka. Tapi seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, kita ada menerima pakar-pakar daripada negara asing, saya mengibaratkan seolah-olah kita mengamalkan 'tiada rotan, akar pun berguna.'

Jadi, dalam konteks ini bolehkah amalan ini diteruskan kerana ini melibatkan kepakaran, keyakinan dan juga perkhidmatan yang terbaik daripada pakar itu. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Saya rasa jika kita mengamalkan sikap 'tiada rotan akar pun berguna' ini akan *compromise*, dengan izin, mutu perkhidmatan kesihatan di negara kita sebab atas masalah-masalah daripada doktor pakar luar yang saya sebutkan tadi. Tetapi saya bersetuju macam Yang Berhormat Santubong dan Lipis cakap tadi, bahawa ada sesetengah doktor-doktor ini tidak mahu berkhidmat di luar bandar tetapi ini asasnya kerana mereka tidak puas hati, saya rasa kalau gaji mereka selumayan di pihak swasta, maka mana pergi pun, disediakan kemudahan kuarters dan sebagainya, saya rasa tidak menjadi masalah. Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Pada saya ia adalah merupakan kaitan antara ganjaran (*reward*), pengiktirafan dan juga *performance*. Adakah Yang Berhormat Ampang bersetuju kalau kita minta supaya kerajaan hapuskan terus PKK ini dan wujudkan satu sistem.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Sudah? Sudah hapus dia kata hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Ketawa] Kedai kopi, dia ingat kedai kopi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, saya pun fikir sudah jadi kedai kopi. [Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ha, dia pun cakap macam kedai kopi dekat Bukit Mertajam. Saya cadangkan kerana dengan cara ini kerajaan akan mengkategorikan mereka yang benar-benar ingin kemajuan, pembangunan dalam kepakaran, di dalam *competency* ini boleh menjuruskan ke arah itu dan terus membawa manfaat kepada negara. Dan begitu juga kalau yang hanya berminat kepada pentadbiran boleh duduk di sektor awam ini dan menjadi ketua-ketua pengarah. Adakah Yang Berhormat Ampang ingin mencadangkan demikian? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Tangga Batu kerana rasanya jika kita buat juga peperiksaan yang tidak ada kena mengena untuk menaikkan kepakaran atau pun kerjaya seseorang itu,, maka ini adalah pembaziran wang rakyat sebenarnya. Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya hendak menarik sedikit tentang peperiksaan tadi. Kita hargai bahawa peranan doktor pakar ini penting, tetapi pada saya di negara kita ini, kita mempunyai budaya, kita mempunyai peraturan, kita mempunyai undang-undang dan sebagainya.

Sebagai seorang bekas Pentadbir, lebih kurang dua puluh tahun dengan kerajaan dan saya pernah terlibat dengan mengendalikan peperiksaan ini, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa kerajaan mengadakan peperiksaan ialah untuk melihat supaya pegawai-pegawai tadbir juga ahli-ahli profesional yang ada memahami peraturan, undang-undang dan juga tatasusila negara kita. Saya hendak kaitkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Lipis tadi, bahawa terdapatnya doktor-doktor pakar yang mempunyai sifat cintakan negara, patriotik.

Saya rasa inilah yang perkara yang diadakan oleh kerajaan supaya doktor-doktor ini bukan saya hendak mencari duit, saya rasa mereka hendak keluar daripada perkhidmatan kerajaan kerana mereka tidak mempunyai jati diri, tidak cintakan negara. Kita ramai lagi ahli profesional di luar negara yang tidak balik ke negara kita kerana mereka fikirkan duit sahaja. Saya minta pandangan Yang Berhormat Ampang, setujukah dengan pandangan saya, kerana nampak ada *contradict* di sini, silakan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya tidak setujulah. Saya rasa, patriotik, tidak patriotik seseorang itu bukan diukur dari segi itu dan sama sekali tidak boleh diukur melalui ujian PTK. Saya minta maaf. Saya ingin beralih ke lain tajuk, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Ini doktor cocok juga ni. Saya hendak bertanya satu daripada Yang Berhormat bagi Ampang berhubung dengan tangga gaji untuk pakar di luar bandar ini, sebab saya pernah bekerja di luar bandar dan memang saya merasalah berapa peritnya kita duduk di luar bandar.

Yang pertamanya, kalau kita lihat baru-baru ini, Perdana Menteri ada mengatakan kalau bekerja di bandar di bagi elaun COLA, kalau di Sabah dan Sarawak di bagi elaun wilayah. Apakah pandangan Ampang kalau sekiranya mereka yang ditempatkan di luar bandar ini diberi elaun khas kerana bekerja di tempat yang terpencil, misalnya diletakkan di hulu-hulu yang tidak ada tempat dia beriadah, tempat-tempat yang tidak mempunyai kemudahan hiburan dan juga perkara-perkara yang kadang-kadang itu kemudahan *internet* juga tidak ada di tempat tersebut. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih. Saya sangat bersetuju kerana yang bekerja di bandar akan dapat elaun COLA ini. Tetapi di luar bandar, walau pun kos sara hidup lebih rendah tetapi ada beberapa pengorbanan yang dibuat terutamanya oleh doktor-doktor pakar ini apabila bekerja di luar Bandar. Jadi saya bersetuju dengan cadangan itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini soalan patriotik ni. Saya membawa Yang Berhormat bagi Ampang, dua sejarah. Ada seorang budak daripada Sarawak, baru balik daripada Australia, belajar dalam bidang *Landscape Architecture* I. Apabila dia balik ke Malaysia, hendak bekerja di Sarawak. Dia pergi ke pejabat kerajaan, dia tidak berhutang dengan kerajaan, tidak ada berhutang dengan sesiapa, bila dia minta kerja, hanya satu sebab sahaja dia tidak boleh diterima oleh kerana tidak mempunyai sijil SPM, Bahasa Malaysia. Jadi dia tidak diterima.

Lima tahun *down the road*, apabila Datuk Bandar DBKU Sarawak, pergi ke Singapura melihat kesan-kesan pekerjaan di Singapura, belajar daripada Singapura bagaimana hendak mengolah sesuatu perkara, dia kata, *I will introduce you to the architect who did all these things*. Bila diperkenalkan, Datuk Bandar kata, *I would like you to come to Sarawak and work for me*. Jawapan daripada orang itu, *I came before you for interview but my Bahasa Malaysia was not there, I was not accepted*. Jadi rasa malu Datuk Bandar. Orang bukan tidak hendak bekerja tapi syarat kita banyak sangat.

Satu lagi, adik beradik dengan *my partner, legal firm partner*. Sekarang bekerja di Hospital di Singapura. Dia hendak balik. Dia mempunyai banyak *qualification* yang tidak ada di Malaysia. Jadi dia datang *interview*. Inilah, peperiksaan inilah yang bagi tahu kepada dia *that she must pass this* peperiksaan, kalau tidak dia tidak boleh menerima apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ampang. Jadi dia menangis, tidak dapat kerja. Dia datang ke pejabat, menangis kerana tidak dapat kerja, balik ke Sarawak dan duduk di Kuching. Dia kata dia nak duduk di Kuching, tidak boleh balik kerana peperiksaan ini dia tidak boleh, oleh sebab didikan dia jurusan Bahasa Inggeris dan dia tidak belajar syarat-syarat ini. Bukan makna bukan soalan patriotik, ini bukan soalan patriotik, tetapi ini soalan rintangan dan *barriers* yang sendiri kita buat.

Dr. Rozaidah binti Talib: Itulah Yang Berhormat bagi Santubong, masalahnya di negara kita ini, kadang-kadang kita mengenakan syarat-syarat yang tidak *relevant* dengan keadaan semasa, tidak mengikut kehendak atau pasaran semasa yang menyebabkan kita kerugian jika kita tidak mempunyai pakar-pakar macam ini atas sebab sijil SPM Bahasa Malaysianya tidak lulus. Tetapi bagi saya, ini boleh diatasi, boleh diserapkan dahulu di dalam perkhidmatan kesihatan kerajaan kita dan pada waktu yang sama kita suruh dia buat *Julai paper* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada tajuk seterusnya. Saya begitu mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk membangunkan sektor Pelancongan Kesihatan, sebagaimana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lagi sepuluh minit .

Dr. Rozaidah binti Talib: ..sebagaimana yang saya tekankan dalam ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini, sektor ini berpotensi besar dan mampu menjana ekonomi yang cukup tinggi untuk negara kita. Saya juga mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk menubuhkan Unit Pelancongan Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi menarik lebih ramai warga asing mendapat khidmat kesihatan swasta di negara kita. Selain itu ada juga disebut bahawa fokus akan diberikan terhadap usaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa dan mempromosi hospital swasta tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini juga saya pernah membangkitkan isu mempromosi atau mengiklankan perkhidmatan kesihatan swasta akibat kekangan dalam Akta Perubatan dan Akta Pergigian yang tidak membenarkan pengamal-pengamal perubatan dan pergigian untuk mempromosikan perkhidmatan masing-masing. Saya diberi jawapan bahawa promosi akan dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan mereka yang berminat kenalah mendaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pelancongan yang akan menjalankan promosi.

Sekarang ini pula kita dapati Unit Pelancongan Kesihatan akan ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan. Sememangnya inilah seelok-eloknya kerana kementerian inilah yang tahu tentang *standard* atau piawaian yang harus diguna pakai untuk mendapat pengiktirafan antara bangsa. Tetapi soalnya, adakah hospital-hospital swasta ini akan dikecualikan dari Akta sedangkan pengamal-pengamal secara individu tidak boleh mempromosikan perkhidmatan mereka.

Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, di hadapan ke Jawatankuasa Penyiasatan Majlis Pergigian Malaysia kerana mengiklankan pusat pergigian saya pada tahun 2003 di majalah dalam penerbangan MAS, kerana menyalahi Akta Pergigian 1971. Akta Pergigian 1971 Tuan Yang di-Pertua, itulah yang terkini, tidak pernah dipinda atau dilihat semula sejajar dengan kehendak semasa. Akta lapuk ini sebenarnya haruslah dikaji. Bagaimana hendak dipromosikan industri kesihatan kita atau adakah hospital swasta boleh tetapi pengamal individu tidak boleh?

Jikalau macam ini, saya rasa tidak bolehlah doktor-doktor pakar persendirian memperkembangkan perkhidmatan mereka atau pun adakah mereka terpaksa menutup klinik masing-masing dan bekerja di hospital swasta yang dibantu oleh kementerian untuk tujuan promosi kepada orang asing? Kita tahu bahawa hospital-hospital swasta yang besar ini ada tauke dia, ada perbadanan di sebaliknya, ada syarikat-syarikat besar. Persoalan

saya, janganlah sampai sektor ini pula dimonopoli oleh orang-orang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pendek sahaja. Akhir sekali..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh

Dr. Rozaidah binti Talib: Ketereh sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya kagum dan terpegun dan menyokong penuh bahawasanya akta lapuk tadi patut dipinda. Ini pasal Pelancongan Kesihatan, saya ada pengalaman Tuan Yang di-Pertua. Bukan pengalaman bedah orang, pengalaman bawa orang, sesuatu yang baru di negara ini dan patut digalakkan.

Saya hendak beri satu contoh, ya. Anak saudara saya duduk di Saudi Arabia. Dia sakit, satu jenis penyakit pelik. Dalam *trachea* dia ni tumbuh biji-biji, macam buah anggur. Dalam *trachea*. *This is call trachea (sambil menunjukkan kerongkongnya)*, - kerongkong. Dia pergi ke hospital di Jedah, hospital di Jedah nak belah dada, *open heart, open surgery* dan hendak belah *trachea* harganya seratus dua puluh ribu Saudi, sama dengan seratus dua puluh ribu kita. Satu keluarga risau, panggil saya pergi ke sana sebab saya *uncle* yang disayangi, saya pun pergi.

Di Malaysia ada tidak orang boleh belah penyakit ini? Saya kata, saya tidak tahu saya telefon kawan-kawan ada seorang sahabat nama Doktor Zamani pakar jantung berada di Ampang Puteri, dia kata *you come to Malaysia we do it easily in only one and a half hour*. Saya tanya berapa harga? *Don't worry about price, come*. Saya bawa dia datang, keluarga datang dan dia tidak belah dada dia belah ikut tulang rusuk. Belah ikut tulang rusuk ini buka tulang rusuk rupanya tulang rusuk kita ini boleh buka macam...

Seorang Ahli: Bonet kereta!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Macam bonet ya boleh buka, dia buka kemudian potong *trachea* dan dia sihat sekarang jadi manusia biasa dapat tambah anak dua lagi selepas daripada buat pembedahan. Ini saya hendak buktikan bahawa kepakaran Doktor Zamani orang Melayu, kepakaran yang ada di negara ini sebenarnya boleh dieksport dan selepas itu ramai kawan-kawan dia datang *and the cost is only RM60 thousands*, saya sokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh, memang teknologi dan kepakaran doktor-doktor kita ini memang cukup tinggi, nasib baik pesakit itu kenal dengan Yang Berhormat bagi Ketereh jadi boleh *recommend* dengan izin kepada Doktor Zamani tetapi apa jadi dengan doktor-doktor yang ingin memperkenalkan kepakaran mereka kepada orang luar dan Doktor Zamani juga di Ampang Puteri di bawah PKENJ, Perbadanan Ekonomi Negeri Johor. Ada satu badan yang melindungi mereka dan mendapat kepentingan tetapi apa jadi dengan doktor-doktor persendirian? Macam orang meniaga runcit, sekarang ini ditelan oleh *Hyper Market* bagi saya senario yang sama akan berlaku jika tidak digubal akta lapuk ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya adalah selalu cakap dalam Dewan ini persoalan undang-undang lapuk Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bincang dengan menteri minta-minta menteri dalam Pejabat Perdana Menteri, minta senarai undang-undang yang dikatakan undang-undang lapuk. Memang ini salah satu undang-undang. Undang-undang ini kita warisi daripada *British* dahulu semasa itu *British* tidak menggalakkan mana-mana pengiklanan semua profesional. Sama ada dia jurutera, arkitek, peguam lebih lagi memang tidak boleh mengiklan termasuklah undang-undang kedokteran ini tidak boleh mengiklan. Tetapi sekarang semenjak 1980, pihak *British* sudah mengiklan semua benda sudah dibolehkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dengan garis panduan-garis panduan yang tertentu, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena gulunglah.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong di atas sokongan dan inilah yang harus difikirkan sebaik-baiknya akta-akta lapuk ini harus dikaji semula. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyarankan dalam kita membantu hospital-hospital swasta ini mendapat pelanggan dari luar negara janganlah sekali hendaknya Kementerian Kesihatan mengabaikan perkhidmatan kesihatan yang asas kepada rakyat yang tidak berkemampuan dan terpaksa ke hospital-hospital kerajaan. Bukan sahaja perkhidmatan malah masalah kekurangan jururawat, doktor dan dilema doktor pakar yang saya sentuh tadi harus diberi perhatian serius, sekian sahaja saya mohon menyokong terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulai.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa? Yang Berhormat jangan kata pembangkang tidak diberikan peluang langsung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hari ini, hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan memutar belitan, ada, ada.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran: Betul, betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan ada, ada. Yang Berhormat Pulai sila.

5.03 ptg.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006 ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan sebuah Bajet tahun 2006 yang saya anggap sebagai bijak dan dalam keadaan yang semakin tidak menentu disebabkan oleh kerana kenaikan harga minyak.

Malaysia merupakan sebuah negara yang bernasib baik, kita merupakan negara yang mempunyai sumber asli yang kaya, yang telah diolah untuk menghasilkan pendapatan berkapital lebih kurang RM17 ribu untuk setiap penduduk. Kos kehidupan di negara kita juga masih rendah berbanding dengan negara jiran kita, keadaan ini telah memberikan kuasa membeli yang tinggi kepada rakyat sebanyak hampir USD10 ribu tiap satu penduduk. Akan tetapi kita tidak boleh leka dengan keadaan ini kerana kos kehidupan dijangkakan akan meningkat kerana negara perlu berbelanja besar untuk mempertingkatkan infrastruktur kemudahan awam seperti sistem bekalan air, elektrik dan komunikasi.

Pada waktu yang sama kenaikan harga minyak akan menurunkan pertumbuhan ekonomi dunia dan menjejaskan pertumbuhan eksport perindustrian negara. Saya juga mengalu-alukan matlamat Bajet 2006 untuk mengurangkan kos, untuk meniaga di Malaysia dan mencari sumber pendapatan yang baru untuk negara. Berhubungan dengan strategi mencari sumber pertumbuhan ekonomi yang baru saya ingin menyentuh mengenai dasar *National broadband Plan* dengan izin Dasar Jalur Lebar Negara yang telah dimulakan pada tahun 2003 dan bermatlamat untuk membina satu jaringan informasi jalur lebar di seluruh negara untuk mewujudkan dengan izin satu *Knowledge Based Society*.

Dasar ini juga mempunyai sasaran untuk mewujudkan satu *critical mass*, dengan izin, pengguna rangkaian ini. Dasar ini mempunyai sasaran untuk menyambungkan 1.3 juta pengguna atau 5% daripada penduduk negara pada tahun 2006 dan 2.8 juta pengguna

atau 10% daripada penduduk negara pada tahun 2008. Dasar jalur lebar negara ini juga mempunyai sasaran untuk mewujudkan sebanyak 80 ribu sambungan disebanyak 900 lokasi jabatan kerajaan, 10 ribu sambungan di sekolah-sekolah untuk membolehkan 5 juta murid-murid di seluruh negara untuk menikmati perkhidmatan *internet*, 74 ribu sambungan di universiti dan pusat penyelidikan, 4 ribu sambungan di hospital, 4 ribu sambungan di perpustakaan dan pusat masyarakat di seluruh negara.

Akan tetapi saya merasa kluatir bahawa sasaran seperti di atas tidak akan dicapai memandangkan pelaksanaan pemasangan sambungan ini lambat dan jauh daripada sasaran tersebut. Kita sedia maklum mengenai masalah kelambatan pemasangan sambungan rangkaian jalur lebar ini di jabatan kerajaan dan juga di sekolah-sekolah di seluruh negara. Pada pendapat saya ada beberapa masalah utama yang menyebabkan kelambatan ini. Pertama broadband ini memerlukan sambungan atau *connection* yang berkapasiti tinggi yang mampu untuk membawa data yang diperlukan oleh penggunaanya dan kabel *fiber* optik merupakan perantaraan yang terbaik untuk matlamat ini.

Pemasangan kabel ini memerlukan belanja yang besar memandangkan geografi negara kita yang luas. Perbelanjaan keseluruhan untuk membina rangkaian *fiber* optik di seluruh negara dianggarkan sebanyak RM5 bilion. Buat masa ini hanya Telekom Malaysia sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk memasang kabel ini dan Telekom Malaysia jelas tidak mampu untuk memikul beban ini secara bersendirian. Sekiranya negara tidak mahu ketinggalan dalam pelaksanaan broadband ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil alih pemasangan *broadband* ini ...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ..dengan menubuhkan sebuah SPV iaitu *Special Purpose Vehicle* yang akan dipertanggungjawabkan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Tanjong ada bangun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya minta maaf, saya tidak ada masa Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Hendak bagi habis, bukan sedikit. Ok, ok.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulau, saya hendak tanya Yang Berhormat Pulau mengatakan bahawa *broadband* mahal kerana *fiber* optiknya mahal adakah *fiber* optik mahal kerana dimonopoli oleh satu syarikat sahaja?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dia mahal itu daripada segi *civil work* untuk membina *tranche* ataupun saluran untuk meletakkan kabel tersebut, tetapi soalnya sekarang ini, kalau negara kita terlalu luas maka jauhnya longkang yang perlu digali itu beribu kilometer, maka itulah yang akan menaikkan kos untuk membina rangkaian *broadband* ini. Boleh saya sambung ya?

Sekiranya negara tidak mahu ketinggalan dalam *broadband* ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengambil alih beban pemasangan ini dengan menubuhkan sebuah SPV yang akan dipertanggungjawabkan untuk membina rangkaian kabel *fiber* optik ini. SPV ini akan dibiayai oleh geran atau pinjaman daripada kerajaan dan akan membayar balik pinjaman ini dengan menyewakan rangkaian ini kepada syarikat telekomunikasi dan *internet* di negara kita. Pengurusan SPV ini juga harus terdiri daripada profesional yang mahir, SPV ini juga sebenarnya tidak banyak berbeza dengan Penerbangan Malaysia Berhad yang digunakan untuk membeli kapal terbang untuk MAS.

Kerajaan telah pun mewujudkan dua jenis dana untuk membantu membangunkan infrastruktur komunikasi di negara kita ini iaitu USP *Fund* atau Universal *Service Provider Fund* di bawah Kementerian Tenaga Air dan Telekomunikasi yang berjumlah RM300 juta dan juga USP *Fund* di bawah MCMC iaitu Suruhanjaya Multimedia dan Telekomunikasi yang berjumlah RM1 bilion. Malangnya jumlah ini jelas tidak cukup untuk digunakan untuk membina rangkaian *fiber* optik ini sahaja. Ini belum diambil kira lagi belanja untuk infrastruktur lain seperti meningkatkan dan meluaskan perkhidmatan telefon bimbit untuk menyelesaikan masalah kelemahan perkhidmatan yang sering ditimbulkan oleh ahli-ahli di dalam Dewan ini.

Kerenah birokrasi dalam mentadbir dana ini juga menimbulkan masalah pelaksanaan, pembinaan rangkaian ini dengan melambatkan pengeluaran dana ini kerana kurang kecekapan atau kefahaman pentadbir dalam kerajaan. Sekiranya SPV diwujudkan maka pengurusan akan lebih profesional, berpengalaman, relevan dan juga berfikir lebih komersial. Saya percaya bahawa pembinaan infrastruktur *broadband* ini akan dapat dipercepatkan dengan langkah ini. SPV ini juga akan dapat mengurangkan pergantungan kerajaan kepada syarikat-syarikat swasta seperti Telekom, Maxis dan Digi dan sebagainya untuk membina rangkaian ini. Syarikat swasta sebenarnya mengira untung dan rugi dalam tindakan mereka dan saya fikir mereka tidak akan berminat untuk berbelanja ke arah menyediakan perkhidmatan terutamanya di kawasan luar bandar di mana kuasa membelinya rendah.

Rakyat di luar bandar juga tidak mampu bukan sahaja untuk menjadi pelanggan kepada perkhidmatan *broadband* ini tetapi rakyat di luar bandar juga tidak mampu untuk membeli sebuah komputer yang diperlukan untuk menyambung kepada infrastruktur *broadband* ini. Malangnya infrastruktur *broadband* ini tidak berguna sekiranya tidak ada komputer yang disambungkan kepadanya. Oleh itu kerajaan juga harus melihat untuk menggalakkan pembelian komputer di negara kita ini. Kerajaan telah mengadakan berbagai insentif sebenarnya untuk membenarkan pencarum EPF pembeli komputer dengan menggunakan wang caruman dan juga memberikan pelepasan cukai untuk membeli komputer yang dibeli oleh pembayar cukai. Kerajaan juga telah membelanjakan beratus juta ringgit untuk melengkapkan sekolah-sekolah dengan makmal komputer tetapi masih menghadapi masalah dari segi pelaksanaan. Kesemua langkah-langkah di atas ini telah jelas kurang berjaya untuk menyemarakkan perluasan penggunaan komputer di negara kita.

Pada pendapat saya, kelemahan percambahan komputer ini adalah disebabkan oleh pendekatan yang salah yang diambil dalam perancangan dasar IT dan internet oleh kerajaan. Dasar pemberian komputer yang digunakan oleh kerajaan lebih ditumpukan kepada pembelian atau supply bukannya kepada penggunaan atau demand. Kerajaan melalui Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, sepatutnya memikirkan dasar pembekalan komputer ini mengikut keperluan pengguna secara keseluruhan. Sebagai contoh, keperluan pengguna dalam kawasan bandar lain dengan keperluan pengguna di kawasan luar bandar. Keperluan pengguna di luar bandar kadang-kadang memerlukan komputer yang lebih kurang canggih dan yang pentingnya adalah bagi mereka yang mempunyai *connectivity* atau sambungan.

Kerajaan juga harus mengkaji keperluan dari segi terminal yang digunakan oleh pengguna, sebagai contoh penggunaan desktop computer sekarang sudah berkurangan kerana pengguna lebih mobil atau tidak tetap. Oleh itu pengguna lebih berminat menggunakan note book atau PDA atau pun telefon bimbit. Oleh kerana itu penggunaan teknologi wireless juga semakin penting. Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula supaya cukai yang dikenakan pada PDA dan juga kepada *handphone* dapat mengurangkan kos terminal ini kepada pengguna. Sekiranya kos terminal ini semakin berkurangan maka rakyat akan lebih mampu membelinya dan sekali gus meningkatkan jumlah pengguna untuk rangkaian *broadband* ini. Kerajaan juga harus melihat pada membekalkan perkhidmatan *broadband* yang lebih laju terutamanya di kawasan bandar dan di kawasan-kawasan perindustrian di negara kita.

Dalam Bajet tahun 2006, kerajaan juga telah bercadang untuk memajukan kawasan luar bandar dengan mewujudkan kawasan perindustrian yang baru terutamanya di Sabah dan Sarawak. Maka kerajaan juga perlu membina rangkaian broadband yang lebih laju. Buat masa ini kelajuan maksimum dalam rangkaian internet seperti Streamyx hanya mempunyai kelajuan setinggi 1 *megabite per second*. Kelajuan ini masih rendah untuk digunakan secara efektif oleh perniagaan seperti e-commerce. Untuk menjayakan e-commerce kerajaan harus melihat kepada keperluan untuk meningkatkan kelajuan broadband kepada sekurang-kurangnya 6 *megabyte per second* seperti di Singapura untuk menggalakkan perkembangan industri e-commerce ini.

Perkhidmatan broadband yang mempunyai kelajuan yang tinggi ini akan dapat mewujudkan budaya kerja yang baru. Sebagai contoh profesional yang menguruskan maklumat atau data yang banyak seperti jurutera, arkitek, pakar perisian komputer, peguam dan juga akauntan tidak akan lagi boleh bekerja di pejabat tetapi boleh bekerja dari rumah, asalkan rumah tersebut disambung kepada internet. Maka kos perniagaan pun akan dapat dikurangkan kerana pejabat yang besar tidak lagi diperlukan. Pada pendapat saya perlu ada koordinasi yang lebih baik di antara dasar pendidikan, perindustrian, IT, MSC dan juga komunikasi negara.

Saya juga ingin mengalu-alukan cadangan menteri KTAK, iaitu Dato' Seri Lim Keng Yek untuk menyatukan fungsi kementerian yang berkenaan dengan komunikasi dan perisian atau *content* di bawah satu kementerian khas yang lain. Sebagai seorang menteri yang berpengalaman luas, saya percaya beliau melihat kebijaksanaan di belakang tindakan tersebut. Kita sepatutnya mencontohi Korea Selatan yang telah jauh ke hadapan dari segi IT dan broadband ini. Saya rasa kita harus mengkaji semula dasar ini dan memperbaiki kelemahannya kerana Korea telah melaksanakan strategi IT dan broadband ini sama waktu dengan Malaysia juga.

Kerajaan telah mewujudkan MSC, MDC, MIMOS dan juga berbagai syarikat kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri IT dan internet di negara kita ini tetapi pencapaian mereka mengecewakan jika dibandingkan dengan Korea. Korea telah berjaya membina infrastruktur broadband dan juga komunikasinya dan sekarang memberi tumpuan kepada strategi membangunkan industri pendidikan, IT, penyiaran dan sebagainya untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang baru dengan menggabungkan perkhidmatan IT, infrastruktur komunikasi dan industri pembuatan dan dengan harapan bahawa ia akan meningkatkan pendapatan per kapita penduduk Korea Selatan.

Korea Selatan juga telah berjaya membuat demikian dengan memberikan subsidi yang besar untuk membina infrastruktur komunikasi dan pendidikannya dengan harapan ia akan menghidupkan perniagaan dan menjadi sumber pertumbuhan ekonomi yang baru. Mereka juga telah berjaya mencontohi Jepun dari segi budaya kerja dan teknologi hingga akhirnya wujud syarikat seperti Samsung yang telah berjaya mengatasi syarikat Jepun yang terkenal seperti Sony.

Kejayaan Korea ini berhasil daripada meniru kejayaan Jepun sebenarnya. Pada pendapat saya tidak salah kalau Malaysia pun membuat perkara yang sama iaitu meniru langkah-langkah yang telah dibuat oleh Korea. Malah kita ada kelebihan kerana kita kaya dengan sumber asli seperti minyak dan kita juga sepatutnya tidak takut untuk berbelanja besar, untuk membina infrastruktur broadband ini kerana pulangnya cukup besar. Infrastruktur broadband ini juga akan membenarkan penghantaran kandungan multimedia yang kaya, yang interaktif yang boleh digunakan untuk mentransformasikan sektor penting seperti pendidikan.

Sebagai contoh Kementerian Pelajaran, boleh mengurangkan kos dan pembaziran yang wujud dalam sistem pembelajaran sekarang ini dengan menggunakan infrastruktur broadband. Kerajaan membelanjakan 20 peratus daripada bajet tahunan secara keseluruhan untuk pendidikan dan 75 peratus daripada peruntukan tersebut digunakan untuk pentadbiran kerana kementerian mempunyai terlalu ramai guru yang diperlukan kerana ada terlalu banyak sekolah. Seperti yang saya sebutkan awal tadi, dasar kerajaan

yang hendak membuatnya lebih menumpukan kepada pembekalan (*supply*) yang tidak menumpukan dan mengoptimumkan sumber manusia, kewangan dan infrastruktur.

Kita sebagai wakil rakyat juga, menyumbang kepada masalah tersebut sekiranya kita memohon pembinaan sekolah yang tidak sesuai yang menimbulkan masalah kekurangan guru, peralatan dan sebagainya. Keadaan ini juga akhirnya akan menimbulkan masalah penurunan kualiti pendidikan dan integrasi kaum di sekolah-sekolah kebangsaan kerana ibu bapa mencari alternatif lain di sekolah swasta dan juga sekolah jenis kebangsaan. Kita perlu mengikiskan sikap yang lebih menumpukan kepada pembangunan fizikal sahaja dan menggunakan pendekatan perbelanjaan yang berhemah ke arah mengoptimumkan sumber pendidikan kita. Infrastruktur broadband merupakan sistem penghantaran ilmu dan maklumat yang berkesan.

Sekolah-sekolah tidak lagi perlu mengikut sistem *syllabus* yang terlalu standard dan ketat kerana sistem pembelajaran yang lebih fleksibel boleh diperkenalkan, murid-murid sekolah juga tidak perlu membawa buku sekolah yang banyak dan berat. Kerajaan juga boleh mengurangkan belanja membina sekolah kerana murid-murid boleh belajar di luar sekolah atau di rumah. Murid-murid juga akan dapat mengurangkan masa di sekolah dan sekolah juga akan dapat mengurangkan keperluan mengadakan sesi waktu petang. Dengan ketiadaan sesi waktu petang maka murid-murid boleh menggunakan masa tersebut untuk aktiviti luar kurikulum. Sistem yang lebih fleksibel ini juga akan dapat mengurangkan tekanan (*stress*) kepada guru-guru dan murid-murid.

Kita patut mencontohi Korea di mana infrastruktur broadband ini juga telah memberikan kebebasan kepada guru-guru dan murid-murid dengan memberikan pilihan (*pilihan*) kepada murid-muridnya. Dengan menggunakan infrastruktur broadband ini murid-murid di Korea boleh memilih *virtual classroom* dengan izin dan memilih guru-guru yang mereka suka. Mereka juga memilih tahap kesesuaian sesuatu subjek, mereka juga boleh memilih waktu untuk menyertai *virtual classroom* ini dan sistem ini mempunyai kebolehan interaktif dan juga boleh *fast forward* dengan izin sekiranya murid tersebut telah mendapati bahawa mereka telah memahami subjek tersebut.

Sistem ini juga boleh di *rewind* dengan izin sekiranya seseorang murid dalam kelas tersebut tidak faham dan perlu mengulangi sesuatu subjek sewaktu *virtual class* tersebut berlangsung. Pendek kata, sistem ini cukup fleksibel untuk membenarkan murid-muridnya untuk belajar dalam satu kelas yang sama tetapi dengan kadar yang berbeza, murid-murid juga boleh bertanya soalan kepada guru di *virtual classroom* ini dengan menggunakan chat program dan mendapatkan jawapan serta-merta. Pendekatan *virtual classroom* ini akan mengatasi masalah *standardization* dalam sistem pendidikan kita sekarang.

Oleh kerana murid-murid tidak perlu lagi untuk belajar pada sesuatu waktu dan tempat yang tertentu, mereka boleh belajar mengikut kadar mereka sendiri dan mengurangkan tekanan dan *stress* dan mereka juga akan lebih suka untuk belajar. Sistem pendidikan kita perlu membawa kembali *the fun in learning*, dengan izin. Kalau anak-anak kita suka belajar maka mereka akan lebih berjaya. Kita harus mengikiskan sikap dan budaya *paper chase* atau mengejar kelulusan.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sikit lagi Yang Berhormat, hendak habis dah. Ok, ok.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pulau. Semua sistem broadband ini bagus tetapi masalah kita sekarang adalah dari segi infrastruktur. Bagaimana sekolah-sekolah di Hulu Tembeling yang telefon dan elektriknya tidak ada dan juga mungkin di Sabah, di Sarawak dan yang hulu-hulu ini hendak melaksanakan sistem ini? Kita setuju Pensiangan dan sebagainya. Bermakna kita kena realistiklah rasa saya dari segi pengubahsuaian, dari segi pendidikan ini. Terima kasih, minta pandangan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya terima pandangan daripada Lipis. Cuma sebenarnya perkara ini harus dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan sebelum ia

dilaksanakan, sebab itu saya minta tadi semua kementerian yang berkaitan duduk dan melihat kepada keseluruhan sistem persekolahan dan juga di mana sekolah-sekolah tersebut berada. Seperti masalah di sekolah-sekolah di Hulu Tembeling itu ialah masalah *connection*. Inilah masalah yang saya sebut tadi. Sudah tentu syarikat-syarikat swasta tidak akan berbelanja untuk menyambungkan sekolah-sekolah di Hulu Tembeling dengan infrastruktur broadband ini.

Tetapi kalau sesuatu langkah boleh dibuat untuk merasionalkan semua sekolah dalam daerah yang berkenaan, mungkin sekolah-sekolah boleh ditempatkan di tempat strategik dan boleh disambung kepada infrastruktur broadband ini. Yang pentingnya adalah kita perlu melihat kepada keperluan. Kalau ada sekolah-sekolah yang terlalu jauh dan tidak ada guru mungkin Kementerian Pelajaran kena fikir untuk menutup sekolah tersebut dan menyusun semula kedudukan murid-murid yang ada. Saya harap ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa industri telekom ini terpaksa menyumbang kepada satu tabung dan tabung ini telah dikumpulkan dana kalau tidak salah saya di bawah kawasan MC-MC sebanyak RM800 juta. Tidakkah sebahagian daripada kumpulan wang ini digunakan untuk infrastruktur di luar bandar?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya *fund* yang dikutip oleh MC-MC itu digunakan untuk mempertingkatkan semua jenis infrastruktur telekomunikasi. Broadband ini hanya merupakan salah satu daripada keseluruhan infrastruktur tersebut. Masalahnya broadband inilah yang menyebabkan kos yang paling tinggi bagi usaha Suruhanjaya untuk memperluaskan lagi rangkaian broadband ini. Sebab itu saya sebut pada awal ucapan saya supaya kerajaan mewujudkan satu SPV untuk mengambil alih tanggungjawab ini untuk membina rangkaian broadband ini. Sekiranya MC-MC dan juga sekiranya syarikat-syarikat swasta tidak dapat lagi atau tidak mampu untuk melaksanakan perkara tersebut.

Saya kembali kepada ucapan saya. Kita harus mengikis sikap dan budaya *paper chase* atau mengejar kelulusan kertas dalam sistem pembelajaran kita. Sistem virtual ini juga akan dapat membentuk *communication and language skill* dengan izin, di kalangan murid-murid kerana ia akan menggalakkan murid-murid untuk berinteraksi dengan guru-guru dengan secara langsung, tambahan lagi sekiranya murid-murid tersebut berminat dengan cara guru tersebut mengajar. Secara tidak langsung juga murid-murid akan mendekati dan mencontohi guru yang mereka kagumi yang akan menjadi mentor kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat rakan seperjuangan saya. Saya tertarik seketika bila diceritakan penggunaan ICT di kalangan guru dan murid dan proses pengajaran dan pembelajaran. Saya terus terang beritahu kepada Yang Berhormat itu satu 'indah khabar dari rupalah.' [Ketawa]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Soalan? Soalan?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam ganggu saya pasal dia hendak berucap, dia hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana dia

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya hendak tanya penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar bahawa laptop-laptop yang dibekalkan kepada guru-guru, perisian-perisian pengajaran, khususnya untuk mata pelajaran Sains yang dibekalkan belum lagi *interactive*. Hanya bahan-bahan perisian melalui CD yang diberi. Belum lagi melalui portal di mana ia menggunakan broadband *base*. Benda ini semua sudah rosak kerana *human*

capital yang kita ada itu tidak mampu menangani perjuangan 'reform...', revolusi ICT yang dibawa ke pendidikan. Bererti

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Reformasi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Reformasi pun boleh, apa pengistilahan, apa salahnya. Itu bukan perkataan lucah. Yang Berhormat saya hendak tanya dalam keadaan sebegini bagaimanakah kita boleh membawa tahap pengajaran dan pembelajaran Malaysia ke peringkat yang dikatakan tadi. Mungkinkah ini satu idaman sahaja, mungkin 20 tahun sahaja akan datang revolusi sebegini. Minta penjelasan secara ikhlas, bukan hanya untuk 'menanam tebu di bibir' sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat daripada Cameron Highlands. Sebenarnya saya cuba menghabiskan ucapan saya supaya tidak sampai besok. Jadi, Yang Berhormat daripada Ayer Hitam boleh sambung selepas ini. Tetapi untuk menjawab secara pendek, perkara pertama tadi saya sebut dalam ucapan awal saya tadi pertamanya tidak ada koordinasi di antara kementerian yang bersangkutan dengan dasar broadband ini, semuanya buat sendiri-sendiri. Kedua kita beli barang ikut beli sahaja, *supply* sahaja, kerana itu lebih senang, tidak ada pemikiran yang dibentuk untuk memastikan perkara itu sebenarnya diperlukan oleh murid-murid kita ataupun guru-guru.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tadi saya tertarik adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa orang-orang yang buat dasar di dalam kementerian itu tidak menggunakan akal fikiran? Tadi Yang Berhormat kata begitu. Minta penjelasan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tidak kata begitu. Mereka tidak menggunakan pendekatan dari segi *demand* – penggunaan. Mereka melihat kepada *supply* sebab itulah tadi seperti Yang Berhormat katakan tadi kalau beli komputer dia beli sahaja, dia tidak merujuk kepada keperluan yang diperlukan oleh murid-murid. Perkara ini sebenarnya sedang dilaksanakan di Korea. Jadi ini bukannya perkara di awang-awangan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat saya

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hanya tinggal dua ayat sahaja lagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya satu minit – satu minit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, okey.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tertarik kepada soalan yang kadang-kadang dia beli sahaja tetapi tidak diselidik. Saya memang setuju dengan apa Yang Berhormat dari Pulau sebut itu memang betul. Pagi tadi kita dengar yang Baram cakap tentang hal hidro. Ini juga perbuatan sembarangan. Kadang-kadang pegawai kita beli tanpa selidik, dia tengok cantik, cantiknya itu, dia tak selidik, *no information, no consultation, no consultant* yang baik, penyelidikan yang elok dan latar belakang yang betul semua sekali. Bila tengok cantik on paper cantik terus beli *spend government money*. Baram cerita RM20 juta duit kerajaan hilang percuma – tidak pakai. Jadi saya bersetuju apa Yang Berhormat sebut tu. Hendak sebut sebutlah. Lain kali kalau hendak lantik konsultan cari konsultan yang bijak.

Macam buat air hidro di Baram ini, dia pergi masa kering sebab itulah masa sedap pergi dan tidak pergi masa hujan. Dia pergi masa hujan maka air besar katanya tetapi bila masa kering tidak ada air dan hidro tidak berjalan. Ini cerita bodoh. Siapa yang betul ini. Konsultan bodoh sementara pegawai terima tidak cerdik, kenapa ini berlaku? Saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih, ada juga orang setuju tidak macam Cameron Highlands. Jadi sebenarnya pandangan Yang Berhormat bagi Santubong itu memang benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, cuma saya hendak katakan bahawa di Korea sedang dilaksanakan. Mereka mula sama waktu dengan kita untuk memikirkan dan

juga melaksanakan dasar IT, broadband dan sebagainya. Kenapa kita tidak boleh. Kalau perubahan sikap diperlukan di kalangan semua pegawai kerajaan, guru-guru, murid-murid dan wakil rakyat kita kena buat. Itu sahajalah ucapan saya pada petang ini. Saya berterima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bentong.
[Ketawa]

5.20 ptg.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, besok pagi.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.